

MAJALAH KORPORAT RASMI • PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

# QIADAH



[www.pmbk.gov.my](http://www.pmbk.gov.my)

## FOKUS

Merakyatkan Dasar MBI

## TOKOH

- Tok Guru Hj Yakob
- Pak Nik Lah

## DESTINASI

Kolam Air Panas Tok Bok




ISSN 2289-5418



9 772289 541000

*Tanggungjawab*  
**KOLEKTIF**

Best of <sup>Borneo</sup>  
**SABAH**  
MALAYSIA  
[www.sabahtourism.com](http://www.sabahtourism.com)



# Kota inabalu



### Pengguna dihormati:

- Menyegerakan Pembayaran Bil Untuk Elak Pemoangan
- Prihatin & Laporkan Segera Sebarang Kebocoran
- Menggunakan Air Dengan Bijak & Berhemah



## AIR KELANTAN SDN BHD

Tingkat 3, Bangunan Perbadanan Menteri Besar Kelantan,  
Lot 2 & 257, Jalan Kuala Krai, 15050 Kota Bharu Kelantan  
Tel: 743 7777 | [www.airkelantan.com.my](http://www.airkelantan.com.my)

"Dan Kami Jadikan Tiap-tiap Sesuatu Yang Hidup Dari Air" (al-Anbiya: 30)



**SEBARANG ADUAN, HUBUNGI KAMI...**  
**Pusat Info & Talian Aduan (PINTAS): 1-300-88-2572**

**[pintas@airkelantan.com.my](mailto:pintas@airkelantan.com.my)**



**AKSB Bertekad Meningkatkan Kualiti & Kuantiti Untuk Kepentingan Bersama**

## **KUMPULAN EDITORIAL**

### **Ketua Editor**

**Sanusi Hj Othman**

Ketua Pegawai Operasi  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

### **Setiausaha Jawatankuasa Editorial**

**Nik Mohd Alimin Nik Mohd Alwi**

Pengurus Kanan Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

### **Penyelaras Editorial**

**Shariah Derahman**

Pegawai Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

### **Pembantu Penyelaras Editorial**

**Siti Norazami Mohd Anuar**

Pegawai Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

### **Penulis**

Mazlan Jusoh

### **Penulis Bersama**

M Faqih • WN Yusof • Aslani M • Hamdan Mohd Razali  
Yaakub Dasan • Tuan Mohd Nor Tuan Yahya • Zanazanzaly  
Attif Zayyad Idris • Rossem • Nik Azman Nik Mustafa  
Asqolani M • Shariah Derahman • Salmah Husain  
Siti Norazami Mohd Anuar • Mohd Asri Mat Daud

### **Pereka Grafik & Layout**

**Mohd Haikal Rozaini**

Eksekutif Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

### **Pereka Bersama**

Muhd Shakirin Naim Mohammed Yazid  
Muhd Muhaimin Mohd Aripin

### **Jurugambar**

**Ahmad Nai'me Muhammad**

Pegawai Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

### **Jurugambar Bersama**

Zamani Mohd Zain  
Muhammad Ridhwan Ab Rahim

### **Pengiklanan, Pemasaran & Promosi**

**Jabatan Komunikasi Korporat**

Perbadanan Menteri Besar Kelantan  
Tel: 09-747 4082

### **Diterbitkan oleh**

**Perbadanan Menteri Besar Kelantan**

Tingkat 6, Bangunan PMBK, Jalan Kuala Krai  
15150 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia  
Tel: 09-747 4082 • Faks: 09-747 7815  
Laman portal: www.pmbk.gov.my

### **Dicetak oleh**

**Darul Digital Multimedia Solutions Sdn Bhd**

Tingkat 3, KB Cyber Plaza, Jalan Hamzah  
15050 Kota Bharu, Kelantan  
Tel: 09-7473800

**Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau pun tidak langsung dalam penerbitan dan pendedaran majalah ini**



*Tanggungjawab*  
**KOLEKTIF**

#### **CIRCULATION LIST**

Tourist Information Centre | Kelantan State Information Secretariat | Government Department and Agencies | Government Link Companies | State Museums | Kota Bharu Municipal Council - Islamic City | Selected Privates Companies | Selected Hotels and Travel Agencies | Selected Malaysian Embassies and High Commissions | Selected Foreign Embassies | Selected Higher Learning Institutions and Students Council | Persatuan Anak Kelantan Di Perantauan | Sultan Ismail Petra Airport

No part of this magazine may be reproduce without the written permission of Kelantan Chief Minister Incorporated (PMBK). All rights reserved. Copyright 2009 by PMBK. Opinion Express in Qidah are writers' and not necessarily endorsed by PMBK. PMBK and the producer are not responsible or liable in any way for the content in any of the advertisement, articles, photographers or illustrations contained in this publication. Editorial inquiries and inquiries concerning advertising and circulation should be address to PMBK. PMBK accept no responsibility for unsolicited manuscript, photography, illustration and other editorial material. The editorial team reserves the rights to edit and/or re-write all materials according to the needs of the publication upon usage.

# سِكْمُ كِفَالَةِ تَكَافُلٍ وَرِجَالِ مَسْكِينٍ إِجَانَتِي كِلْتَانِ

SKIM KIFAALAH TAKAFUL WARGA EMAS  
KERAJAAN NEGERI KELANTAN



“ Sehingga April 2014,  
sebanyak RM 60JUTA  
telah diagihkan kepada  
wasi yang melibatkan  
33,100 kematian ahli  
berdaftar ”

## SYARAT PENYERTAAN:

- Merupakan Rakyat Negeri Kelantan
- Berumur 60 Tahun dan ke atas

Pendaftaran juga boleh dibuat di Pejabat Dun berhampiran dan Penghulu Mukim.

Semakan keahlian boleh dibuat dengan melayari:  
[http://sistem.kifaalah.com.my/semakan\\_ahli.php](http://sistem.kifaalah.com.my/semakan_ahli.php)



كِفَالَةُ تَكَافُلٍ وَرِجَالِ مَسْكِينٍ إِجَانَتِي كِلْتَانِ  
KIFAALAH SDN BHD

Lot 256, Taman Maju, Jalan Sultan Yahya Petra, 15200 Kota Bharu Kelantan  
Tel : 09-747 6336 Faks : 09-747 6226  
[www.kifaalah.com.myKelantan](http://www.kifaalah.com.myKelantan)



WAKIL KORPORAT TAKAFUL

# QIADAH



**LAMAN HADAPAN:**  
**TANGGUNGJAWAB KOLEKTIF**

Al-Quran telah menuliskan kisah sekumpulan semut dan nabi Sulaiman: Telah berkata ratu semut, "Hai semut-semut, masuklah ke dalam sarangmu, agar kamu tidak diinjak oleh Sulaiman dan tenteranya, sedangkan mereka tidak menyedari" (Naml, 18). Nah, inilah resam semut. Walau hidup berkoloni besar tapi bergerak sebagai satu pasukan. Sekumpulan bagaikan seekor dan seekor bagaikan sekumpulan. Ketekunan, keyakinan yang tinggi dan kerjasama antara satu sama lain menukarkan impian semut menjadi realiti sekalipun agak mustahil jika diukur dengan kecilnya saiz fizikal. Semua ini diterjemah dengan perkataan "Tanggungjawab Kolektif" dan hidup berkerja bagaikan satu pasukan.

**PERISTIWA**

**08**

**GENAP SETAHUN PENTADBIRAN**

**BERSAMA CEO**

**HAJI AHMAD ZAKIE**  
Lonjakan Pencapaian PMBK

**12**

**HJ AHMAD ZAKIE**

**FOKUS**

**Tanggungjawab Kolektif MERAKYATKAN DASAR MBI**  
-USTAZ AHMAD

**14**

**TANGGUNGJAWAB KOLEKTIF**

**VARIASI**

**KELANTAN KETENGAH MODEL PENDEKATAN INTEGRITI**

**24**

**MODEL PENDEKATAN INTEGRITI**

**VARIASI**

**JENTERA PENTADBIRAN UTAMAKAN AKAUNTABILITI**  
Temubual Bersama Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

**27**

**BERSAMA DATO' SUK**

**VARIASI**

**PATAH TUMBUH HILANG BERGANTI**

**32**

**PATAH TUMBUH HILANG BERGANTI**

**VARIASI**

**Peranan kolektif Pembangkang di DUN Kelantan**

**36**

**PERANAN KOLEKTIF**

**PEMIMPIN**

**Lebu Raya Rakyat disulami konsep wakaf - Dato' Haniffa Ahmad**

**40**

**LEBUH RAYA RAKYAT & WAKAF**

**WARISAN**

**Evolusi Ukiran Merentasi Zaman**  
Abdul Kadir waris seni ukiran hulu keris

**44**

**UKIRAN**

**TOKOH**

**TOK GURU KOB ditahan di bawah ISA**

**50**

**TOK GURU KOB**

**TOKOH**

**Pak Nik Lah jadi tahanan politik 1964**

**53**

**PAK NIK LAH**

**DESTINASI**

**Kolam Air Panas Tok Bok catat suhu 42 darjah celsius**

**56**

**KOLAM AIR PANAS**

MAKANAN



### PUTERI MANDI

RESPI JALUAN KASIH INSAH

60

PUTERI MANDI

JENAMA KELANTAN



### Kopi Cap Dua Badak

Warisan Keluarga

64

KOPI CAP DUA BADAK

KELANTAN SANA-SINI



### Universiti terbuka Kelantan

Di Medan Ilmu

68

MEDAN ILMU

JINSPIRASI KELANTAN



### DR ABDULLAH SUDIN AB RAHMAN (DASAR)

Inspirasi dan achihi, mesti seiring

72

DASAR

FOKUS PMBK



### MAJLIS KUMPULAN PMBK BERSAMA PENERUSI BAGI TAHUN 2014

'Amanah & Tanggungjawab'

76

BERSAMA PENERUSI PMBK

FOKUS PMBK



### MAJLIS MENGEKALKAN PENGHITRAHAN PENSULAN MS ISO 9001:2008

78

PENGHITRAHAN MS ISO 9001:2008

AKTIVITI PMBK



### ERAT SILATURAHIM

PERTANDINGAN BOLAJOLOK ANTARA JABATAN PMBK

80

BOLAJOLOK PMBK

AKTIVITI PMBK



### MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN RAMADAN 1435H KEPADA SAUDARA BARU

Berut Sanaa Digiikuti, Ringan Sanaa Dijiujung

82

SUMBANGAN RAMADAN I

AKTIVITI PMBK



### MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN RAMADHAN KEPADA GOLONGAN MISKIN DARI PELBAGAI KAUM

Menghimpit donor Kelantan untuk mengumpul sumbangan

83

SUMBANGAN RAMADAN II

AKTIVITI PMBK



### MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

ANTARA FRIM & MBS SELANGOR DAN FRIM & MBS KELANTAN

84

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

AKTIVITI PMBK



### MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN

Pajakan Tanah Di Tanah Perindustrian Staphonal, Kuala Krai Antara Perbadanan Menteri Besar Kelantan Dan Optimum Transform Sdn Bhd

86

PERJANJIAN STAPHONAL

AKTIVITI PMBK



### MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN SKIM IMAM AL-GHAZALI 2014

375 pelajar cemerlang terima anugerah

88

SKIM BANTUAN PENDIDIKAN

AKTIVITI PMBK



### Lawatan Kerja PMBK KE PERAK DAN PULAU PINANG

90

LAWATAN KERJA

AKTIVITI PMBK



### MAJLIS MALAM APRESIASI PMBK 2014

92

APRESIASI PMBK

TEROWONG MASA



### MAJLIS AGAMA ISLAM & ADAT ISTADAT MELAYU KELANTAN

94

ISTANA RAJA BENDAHARA

KELANTAN ENCYCLOPEDIA



96

KELANTAN ENCYCLOPEDIA



**SAMBUTAN  
GENAP SETAHUN PENTADBIRAN  
DASAR MEMBANGUN BERSAMA ISLAM**  
Menuju Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan

Pada 06 Rejab 1435H, bersamaan 06 Mei 2014 bertempat di Dewan Konvensyen, Kelantan Trade Centre telah berlangsung satu majlis dan pameran Sambutan Genap Setahun Pentadbiran Dasar Membangun Bersama Islam Menuju Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan.

Program ini diadakan bagi memaparkan pencapaian dan kejayaan yang dicapai sepanjang tempoh setahun pentadbiran Ustaz Dato' Hj Ahmad Yakob.





• Perasmian di sempurnakan oleh Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan



• Sesi penerimaan sumbangan/derma bagi tabung pembinaan Lebuh Raya Rakyat Kota Bharu - Kuala Krai



• Menteri Besar dan Timbalan Menteri Besar merasa madu lebah kelulut semasa mengadakan lawatan di gerai pameran Perbadanan Menteri Besar Kelantan dan Kumpulan



## Tanggungjawab Kolektif

Alhamdulillah, syukur kepada Allah yang mengizinkan penerbitan Qiadah bagi edisi ke-14. Saya ingin memulakan kata-kata aluan ini dengan peringatan daripada Allah SWT:

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, hendaklah kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan suruhan-Nya memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat.* (An-Nisa':58)

Allah telah menetapkan dua prinsip yang menjadi dasar kepada politik Islam iaitu; Menunaikan amanah dan melaksanakan keadilan. Bertolak dari situ, kerajaan Kelantan menjadikan al-Quran dan as-Sunnah sebagai sumber pentadbiran sejak tahun 1990 lagi bagi memandu kerajaan melaksanakan tanggungjawab kepada rakyat. Pihak kerajaan telah mengisytiharkan dasar keislaman secara terbuka, melalui slogan 'Membangun Bersama Islam'. Maka para pentadbir dididik dengan pendekatan

Islam yang syumul melalui penerapan Ubudiyah, Masu'liyyah dan Itqan (UMI) dalam pentadbiran kerajaan.

Para pentadbir awam merupakan mereka yang memainkan peranan penting serta jentera utama kepada kelancaran pembangunan negeri. Ini kerana merekalah yang bertanggungjawab terhadap perjalanan pentadbiran harian serta terlibat dalam proses pembentukan dan pelaksanaan dasar-dasar awam. Maka pemahaman tentang selok-belok tuntutan Islam dalam pentadbiran diberi penekanan dalam pentadbiran kerajaan Kelantan dibawah kepimpinan ulama bagi merealisasikan target yang dikehendaki.

Kepimpinan kerajaan bukanlah suatu anugerah untuk mengaut keuntungan diri sendiri. Sebaliknya kepimpinan merupakan amanah dan mas'uliyah yang berat terhadap Allah dan masyarakat. Kefahaman inilah yang akan menekankan pemimpin agar melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik mungkin, tanpa menyeleweng kerana segala perbuatan mereka akan disoal oleh rakyat dan disoal oleh Allah di akhirat. Tanggungjawab secara kolektif sebenarnya akan terlaksana apabila seseorang itu telah menerapkan sifat amanah dalam dirinya sendiri. Pengabaian amanah ini akan menempah kegagalan dan kehancuran dalam sesuatu kerja buat.

Kerajaan Kelantan amat menekankan hasil yang cemerlang melalui urus tadbir yang cekap, telus dan berintegriti. Jadi perkara ini berkait dengan aspek sumber manusia iaitu pegawai dan kakitangannya yang perlu bekerja secara profesional, mematuhi peraturan dan undang-undang. Faktor-faktor yang tidak berkaitan atau bersifat ada kepentingan lain hendaklah disisihkan.

Saya amat berharap agar wawasan kerajaan yang telah kita sepakati diberi tumpuan dan dilaksanakan secara kolektif. Pada hakikatnya wawasan ini telah digubal untuk tempoh penggal ini sehinggalah tahun 2018 nanti iaitu:

*"Menjadikan Kelantan negeri yang rakyatnya menikmati keberkatan, kemakmuran dan kebajikan, penuh bermaklumat dan hidup yang sejahtera, dengan mengoptimumkan hasil menerusi amalan urustadbir kerajaan yang cekap, telus dan berintegriti selari dengan visi, misi dan objektif dasar Membangun Bersama Islam".*

Saya yakin dan percaya, jika kita mampu bekerja secara berpasukan, gigih dan ikhlas, maka Allah akan membantu hasil kerja kita. Saya mengajak semua untuk sama-sama kita mengemblem tenaga secara kolektif demi kepentingan agama, negeri dan rakyat.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

**USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN HAJI YAKOB**  
MENTERI BESAR KELANTAN

# Merakyatkan Dasar MBI

Tanggungjawab kolektif atau “collective responsibilities” mungkin jarang disebut orang. Tidak mudah untuk memahami apa itu tanggungjawab kolektif. Kamus Dewan mentakrifkan tanggungjawab sebagai kewajipan yang dipikul oleh seseorang. Manakala kolektif pula bermaksud bersama-sama atau beramai-ramai sebagai suatu kumpulan.

Apabila kedua-dua takrifan tersebut disepadukan, mungkin dalam bahasa mudah dapat digambarkan kewajipan yang dipikul oleh sesebuah kumpulan. Kumpulan tersebut mungkin agensi kerajaan, swasta, badan berkanun atau badan bukan kerajaan.

Oleh itu Qiadah kali ini cuba menjenguk dari dekat apa itu tanggungjawab kolektif dalam ruang lingkup pentadbiran kerajaan negeri. Selepas dipaparkan pada keluaran lepas pentadbiran Kelantan pasca Dato’ Bentara Setia Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, kali ini kita cuba dekati pula wajah baru kerajaan negeri di bawah Ustaz Dato’ Ahmad Yakob.

Biarpun asas pentadbiran di bawah paksi Membangun Bersama Islam (MBI) tidak pernah berubah, namun ada sudut tertentu yang mencuri tumpuan. Setelah 23 tahun dasar MBI dipasak kukuh dalam jentera pentadbiran kerajaan, kali ini segmen itu diterap pula sehingga ke peringkat akar umbi. Menteri Besar menamakannya sebagai program Merakyatkan Dasar MBI. Namun kerjanya tidak semudah sebutan, tanpa ada mekanisma yang boleh dijadikan kayu pengukur.

Bagi merealisasikan matlamat tersebut, kerajaan negeri dibantu oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan gandingan pakar perunding Ikatan Ilmuan Nasional (ILMUAN) bagi menjelmakan kaedah baru sistem perancangan kerajaan.

Ia dikenali sebagai Sistem Perancangan dan Pemantauan Pelaksanaan Projek (SPARK). Kewujudan sistem tersebut setidak-tidaknya dapat memberikan penambahbaikan kepada dasar MBI. Ini kerana SPARK bermatlamat melaksanakan pentadbiran yang telus, berintegriti dan cekap dalam semua bidang. Lebih-lebih lagi perkara yang berkaitan dengan pengurusan dan pelaksanaan projek kerajaan negeri.

Bermula dari pejabat Menteri Besar, Timbalan Menteri



Besar dan anggota-anggota EXCO kerajaan negeri, SPARK menggembleng peranannya. Ramuan SPARK dijelmakan dari beberapa seminar, bengkel dan mesyuarat. Pada peringkat awal, ILMUAN memfokuskan kepada 282 projek yang perlu diberi tumpuan kerajaan negeri sepanjang penggal ini. Daripada jumlah itu sebanyak 69 projek, program, juga beberapa dasar pilihan diberi keutamaan bagi tempoh 2014 sehingga 2018.

Bagi memastikan kejayaan sistem SPARK, diwujudkan pula Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan yang terdiri daripada Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar, anggota-anggota EXCO dan UPEN. Selain itu pegawai-pegawai khas EXCO, wakil-wakil agensi pelaksana dan wakil ILMUAN yang pakar dalam bidang tertentu.

Tumpuan diberikan kepada 69 projek, program dan dasar yang diilhamkan dari 36 tawaran oleh PAS Kelantan pada Pilihan Raya Umum ke-13 lalu. Kesemuanya dirancang dan dilaksanakan bagi menzahirkan keberkatan, kemakmuran dan kebajikan kehidupan rakyat Kelantan.

Seperti kata Menteri Besar, “Insya-Allah dengan adanya sistem SPARK, diharap dapat memberi manfaat sebaik mungkin kepada rakyat. Itulah yang saya fikir. Bagaimana hendak menjadikan dasar MBI dihayati rakyat.”

Salam hormat,

**SANUSI HJ OTHMAN**  
KETUA PEGAWAI OPERASI



# HAJI AHMAD ZAKIE

## Lonjakkan pencapaian PMBK

Sebelum ini tidak ramai mengenali siapa Haji Ahmad Zakie Ahmad Shariff. Biarpun senarai panjang pembabitannya dalam dunia pelaburan dan korporat di Malaysia, bagi rakyat Kelantan nama beliau masih lagi agak terasing. Namun pengalamannya berkhidmat di Khazanah Nasional Berhad dan pelbagai syarikat nasional serta antarabangsa, keupayaan Haji Ahmad Zakie sebenarnya begitu terserlah. Pengalaman dan kepakarannya kini diadunkan kembali bagi memacu Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) supaya setanding dengan syarikat milik kerajaan (GLC) lain di negara ini. Oleh itu bagi mendapat gambaran lebih jelas mengenai perancangannya, ikuti temubual krew Qiadah di pejabatnya pada 24 Syawal 1435 lalu.

### Mohon Tuan Haji ceritakan latar belakang keluarga dan pendidikan?

Saya merupakan anak sulung daripada empat orang adik-beradik. Berasal dari Kulim, Kedah tetapi dibesarkan dan bersekolah di merata tempat termasuk Sekolah Kebangsaan Merbau dan Sekolah Menengah Kota Bharu. Sebenarnya ayah saya, Ahmad Shariff Mohd Saad pernah berkhidmat di Kota Bharu ketika beliau bertugas di Jabatan Penerangan. Selepas menamatkan pengajian di tingkatan enam, saya memasuki Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 1976 dan menamatkan pengajian pada tahun 1980 sebelum berkhidmat sebagai tutor di UKM.

Isteri saya Prof. Dr. Marohaini Yusoff merupakan seorang profesor di Fakulti Pendidikan di Universiti Malaya. Beliau berasal dari Pasir Mas, Kelantan. Semasa berkhidmat di UKM, saya ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran di University of Illinois, Amerika Syarikat di peringkat Sarjana Perakaunan sementara isteri saya dalam bidang Pendidikan. Kami berkahwin setelah pulang ke tanah air.

### Boleh kongsi tentang pengalaman kerjaya awal Tuan Haji?

Selepas pulang dari luar negara, saya meneruskan kerjaya sebagai seorang pensyarah di UKM dan pernah dilantik

menjadi Ketua Jabatan Perakaunan di UKM. Seterusnya saya ditawarkan untuk menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah di Universiti of Sheffield, England. Saya berhenti daripada UKM sekitar tahun 1989 tanpa sempat menamatkan pengajian di England.

Kerjaya saya seterusnya adalah sebagai juru analisa ekuiti di Rashid Hussain Securities. Ketika itu, saya juga sering menulis laporan mengenai pasaran saham dan ekonomi Malaysia di media tempatan. Saya juga berkhidmat dengan syarikat-syarikat lain yang berkaitan dengan bidang sekuriti. Pada tahun 1996, saya dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Aset Permodalan Terengganu Berhad. Bermula dari situ saya mendapat pendedahan dalam pasaran antarabangsa. Kerja sebagai jurujual ekuiti amat menyeronokkan.

### Mengapa Tuan Haji meninggalkan dunia perniagaan saham yang menawarkan insentif begitu menarik?

Saya mula mengenali dunia korporat apabila menyertai UEM Berhad sebagai Pengarah Hal Ehwal Korporat selama 6 tahun. Kemudian saya ditawarkan jawatan di Kumpulan Maybank sebagai Ketua Bahagian Latihan Organisasi dan seterusnya sebagai Jawatan terakhir saya ialah sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM). FIMM adalah di bawah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan diwujudkan bagi memantau dan mengawal selia syarikat pengurusan amanah saham yang pelbagai. Ia juga berperanan dalam menguruskan Skim Persaraan Swasta kerana tidak semua orang mencarum dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Saya bersara dari dunia korporat pada tahun 2013.

### Bila Tuan Haji mula mengenali PMBK?

Semasa saya bertugas di UEM Berhad, terdapat ramai anak Kelantan turut bekerja di sana. Malah ada di antara mereka yang mengetuai jabatan-jabatan tertentu. Ketika itu saya mula mengetahui sedikit sebanyak tentang PMBK. Saya mula terlibat secara langsung dengan PMBK apabila

menerima undangan untuk mengendalikan beberapa sesi latihan dan menyampaikan taklimat kepada kakitangan PMBK dan kumpulan pada tahun 2011 sehingga 2013.

### **Mengapa ramai yang kurang mengenali PMBK?**

Mungkin PMBK tidak mencanangkan atau tidak uar-uarkan sangat projek dan peranannya dalam masyarakat. Tidak ramai yang berinteraksi dengan PMBK dan mungkin ini menyebabkan ia kurang dikenali ramai.

### **Apa perasaan Tuan Haji apabila menerima tawaran daripada PMBK?**

Saya terkejut apabila ditawarkan jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK. Sebenarnya perbincangan awal telah bermula sejak Februari lalu. Ketika saya mendapat tawaran daripada PMBK, saya sudah pun bersara dan cuma aktif menulis mengenai isu-isu berkaitan ekonomi di akhbar The Edge. Syarikat-syarikat di negeri-negeri Pantai Barat, mereka tidak nampak keterbukaan seperti di Kelantan kerana bimbang halangan politik. Sebenarnya ia tidak kena mengena dengan politik seperti tanggapan sesetengah pihak.

### **Apa perancangan awal Tuan Haji bagi memacu PMBK untuk muncul sebagai badan korporat yang berwibawa?**

Saya cuma ada dua tahun untuk berkhidmat di PMBK. Oleh itu dalam tempoh 24 bulan, saya perlu selesaikan semua tugas dengan sebaik mungkin. Saya harus membuat kerja dengan cepat dan betul. Insya-Allah dalam tempoh dua tahun ini kita akan berusaha untuk memastikan lebih banyak anak syarikat PMBK mencapai keuntungan melalui pelbagai inisiatif baharu dan pelan penstrukturan semula Kumpulan PMBK. Kalau kita buat usahasama dengan syarikat luar, kita mesti memiliki ekuiti majoriti dalam sebarang projek atau syarikat usahasama. Ia adalah sejajar dengan tanggungjawab PMBK sebagai syarikat pemegang aset strategik bagi Negeri Kelantan.

Kita kena uruskan anak-anak syarikat dengan baik. Kita juga harus menilai semula model perniagaan anak-anak syarikat kita. Misalnya Kelantan Gold Trade Sdn Bhd yang menjalankan perniagaan dinar dan dirham Kelantan, wajar diberi peluang untuk menggunakan dinar secara lebih meluas. Contohnya dalam urusan cukai tanah dan lain-lain, diskaun yang menarik patut diberikan jika dinar digunakan semasa membuat bayaran. Agensi kerajaan negeri boleh menggerakkannya. Kita kena ada model bisnes tersendiri.

Saya gunakai satu sistem yang dikenali sebagai PEPSI untuk meletakkan Indeks Prestasi Utama (KPI) kepada anak-anak syarikat. P ialah Produktiviti, E bermaksud Expansion atau Pengembangan, P adalah People atau Modal Insan, S ialah Sistem dan I berarti Imej. Berasaskan PEPSI, PMBK mampu diberi lonjakan baru untuk berniaga dan bersaing dengan syarikat-syarikat besar. Kita juga kena mencari syarikat besar-besar untuk dijadikan rakan niaga.

### **Mungkinkah PMBK mampu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan GLC lain yang dikenali ramai di negara ini?**

Insya-Allah berkat usaha semua warga PMBK, kita boleh berdiri setanding dengan syarikat milik kerajaan negeri seperti Johor Corporation, Kumpulan Darul Ehsan Selangor dan lain-lain lagi. Kita ada keupayaan. Kita perlu pilih projek

yang berdaya maju untuk dilaksanakan. PMBK ada kelebihan tertentu yang boleh memberi nilai tambah kepada rakan kongsi. Contohnya kita mempunyai keupayaan untuk mempercepatkan urusan berkaitan dengan kerajaan.

### **Apakah cabaran untuk capai matlamat itu?**

Saya tidak mahu hanya cukup selesa pada perkara tertentu sahaja. Saya suka dicabar. Saya masuk pejabat jam 7.30 pagi. Ini kebiasaan saya. Kalau sebelum ini ada kakitangan PMBK masuk antara 8.00 hingga 8.15 pagi, sekarang saya mendapati sudah ramai datang bekerja lebih awal. Mesyuarat saya dimulakan seawal jam 8.00 pagi dan ia dipenuhi oleh ahli-ahli mesyuarat. Kita boleh ubah budaya lama. Warga PMBK memang ikhlas bekerja kerana komitmen kerja mereka amat tinggi.

### **Apakah harapan Tuan Haji terhadap kakitangan PMBK bagi mencapai matlamat tersebut?**

Budaya keusahawanan dalam Kumpulan PMBK hendaklah disemarakkan lagi. Kita bekerja untuk negeri dan bukan sekadar untuk sebuah syarikat sahaja. Kalau prestasi kerja kita bagus dan keuntungan semakin meningkat, PMBK boleh mencadangkan bonus yang lebih tinggi berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Oleh itu warga PMBK kena tunjuk keupayaan. Tahun ini saya hendak kurangkan kos operasi sehingga 10% dan pada masa yang sama, saya juga hendak tingkatkan keuntungan sebanyak 15%. Ini bermakna kita dapat buat lonjakan sehingga 25%. Saya cuba hendak membudayakan yang elok dengan satu seruan "perang" (10% reduction in operating costs and profit up by 15%). Saya hendak satukan semua orang dan kita hendak mencari kemenangan yang cepat (quick wins). Kita sasarkan untuk Ustaz Dato' Menteri Besar boleh mengumumkan sesuatu projek atau pencapaian baru. Semuanya berlandaskan PEPSI. Itulah KPI PMBK.

### **Qiadah kali ini membawa tema Tanggungjawab Kolektif, bagaimana Tuan Haji melihatnya dari aspek tanggungjawab bidang korporat untuk diserasikan dengan dasar Membangun Bersama Islam?**

Tanggungjawab kolektif bagi PMBK merujuk kepada pemikiran secara kumpulan. Kita perlu tengok syarikat induk dan anak-anak syarikat. Kalau kita perbetulkan saluran komunikasi, kita boleh selarikan matlamat anak-anak syarikat. Kita bertanggungjawab kepada Negeri Kelantan. Oleh itu, kita juga perlu fikirkan kaitan kita dengan organisasi seperti PKINK. Kita perlu kurangkan pertindanan tanggungjawab. PKINK ada Ladang Sungai Terah, PMBK ada PMBK Sawit. PKINK ada Binaraya, manakala PMBK pula ada Tunjong Development Corporation. Kita akan bincang dengan badan-badan seperti PKINK bagi mengurangkan pertindihan fungsi. Kita perlu lihat kepada kepakaran masing-masing. Barulah kita ada *economies of scale*.

Untuk masa terdekat, PMBK memberikan fokus kepada perkhidmatan utiliti di bawah kendalian AKSB. Manakala dalam industri perlombongan dan galian, kita ada PMBK Az-Zahab Sdn Bhd. PMBK juga perlu merintis usaha bagi menyediakan peluang golongan belia menimba kemahiran dalam bidang tertentu. Kita akan usahakan semula untuk menarik syarikat asing melatih anak-anak muda dalam bidang kemahiran spesifik sehingga mampu bekerja di luar negara. Kita perlu sama-sama ingat, kita bekerja untuk negeri Kelantan, bukan sekadar PMBK sahaja.

# Tanggungjawab Kolektif MERAKYATKAN DASAR MBI

– USTAZ AHMAD

Oleh M Faqih Foto Zamani Mohd Zain & Ahmad Naime Muhammad



Melewati tahun 2014 bermakna sudah dua dekad empat tahun kepimpinan ulama tumbuh subur di bumi Kelantan. Akarnya kini bertunjang memasak bumi. Fikrah Islam melebar dari hilir sampai ke hulu. Semuanya bermula selepas kepimpinan ulama mendasari gerakan Islam diabsahkan di Malaysia semenjak tahun 1982.

## Kepimpinan ulama

Usul kepimpinan ulama dan penubuhan Majlis Syura Ulamak dalam gerakan Islam yang mendasari perjuangan PAS menjadi permulaan ke arah lahirnya kepimpinan baru dalam politik Malaysia. Ia diusul pada muktamar PAS yang diadakan di Madrasah Al-Masriyyah, Bukit Mertajam, Pulau Pinang pada 30 Julai sehingga 1 Ogos 1982.

Selepas itu idealisme siasah (politik) Islam bukan lagi sekadar berlegar di masjid atau surau, sebaliknya kini memasuki kota pentadbiran kerajaan. Ia mengulangi apa yang pernah berlaku semasa Kelantan di bawah pemerintahan Sultan Muhammad I sehingga Sultan Muhammad IV.



**Ustaz Mat merasmikan Majlis Sambutan Satu Tahun Pentadbiran beliau**

Long Yunus yang mentadbir Kelantan pada tahun 1762-1794 mendukung fikrah Islam sehingga merapatkan fikrah sekalian ahli qariah masjid, surau, madrasah dan institusi pondok. Bermula dari situlah pengajian ilmu Islam mulai berkembang. Situasi berkenaan menjadi lebih kondusif memandangkan ketika itu sudah wujud puluhan institusi pengajian pondok tradisional di Kelantan.

Biarpun Kelantan pernah diterajui gerakan Islam bermula tahun 1959, namun kepimpinan ulama dianggap belum berada di posisi utama ketika itu. Roh pentadbiran Islam amat menyerlah selepas kerajaan Membangun Bersama Islam (MBI) bertapak di Kelantan pada Oktober 1990.

Seawal kepimpinan ulama yang melaksanakan dasar MBI, ia dianggap begitu asing dalam amalan pentadbiran kerajaan di Malaysia. Walaupun begitu, MBI mulai membuah sudut pandang baru dalam kotak pemikiran rakyat. Gandingan PAS bersama Parti Melayu Semangat 46, Hizbul Muslimin Malaysia (HAMIM) dan Berjasa berjaya melahirkan lanskap baru kerjasama politik di negara kita.

Sejak detik itulah dasar MBI mulai memasak pemikiran rakyat. MBI dilengkapi dengan falsafah pentadbiran berlatarkan Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan. Pentadbiran kerajaan negeri memfokuskan kepada tiga perkara utama iaitu kemajuan Islam, pentadbiran dan pembangunan yang bermatlamat melahirkan kesejahteraan kehidupan rakyat. Kesemuanya ini terlaksana pada era kepimpinan Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat (1990-2013).

Menurut Auni Haji Abdullah (2000:124), matlamat

pengurusan dalam Islam merujuk kemampuan mereka bertindak sebagai hamba ('abd) dan khalifah di muka bumi ini. Khalifah merangkumi tanggungjawab terhadap semua kejadian di atas muka bumi untuk menjamin kesejahteraan dan kebajikan manusia.

Tanggungjawab manusia menyuburkan dunia dan alam semesta yang dipandu dengan prinsip insan. Insan pula membawa maksud memberi layanan secara hormat dan wajar terhadap sesuatu yang berada di bawah tanggungjawabnya.

Prinsip asas pentadbiran Islam yang dijelmakan di Kelantan bermatlamat al-amr bil-ma'ruf wal-nahy' anil-munkar. Hadis Rasulullah SAW diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim bermaksud, "sesungguhnya seorang imam/hakim adalah perisai (bagi masyarakat). Di belakangnya dia berjuang dan di dalamnya dia berlindung."

Ini secara jelas menggambarkan maju, mundur, baik atau buruk sesebuah masyarakat ditentukan oleh sahsiah ulama dan penguasa (pemerintah). Sabda baginda SAW lagi yang diriwayatkan oleh Abu Na'im, "dua golongan manusia yang apabila keduanya baik, maka akan baiklah masyarakat. Kedua golongan manusia tersebut iaitu ulama dan penguasa."

### Pasca Tok Guru

Berorientasi pemikiran itulah kerajaan Kelantan di bawah teraju Ustaz Dato' Ahmad Yakob (mulai Mei 2013) meneruskan agenda dan perancangan yang digemblengkan semasa di bawah Tok Guru Nik Aziz.



**Ustaz Mat mengadakan lawatan ke gerai pameran PMBK&Kumpulan**

Kepimpinan ulama yang digarap sejak Oktober 1990 kini kekal berpasak gagah. Ulama diganti ulama bagi menduduki kerusi Ketua Eksekutif kerajaan negeri.

Biarpun Tok Guru tidak lagi mengetuai saf kepimpinan kerajaan, namun misi dan visi yang digembleng sejak 23 tahun lalu tidak pernah berhenti. Malah terus disuburkan dengan pendekatan dan langkah baru berpaut kukuh di bawah payung MBI.

"Pertama kita sememangnya melaksanakan apa yang Tok Guru telah buat, cuma setelah mengambil alih kerajaan selepas Pilihan Raya Umum ke-13, saya bersama saf kepimpinan kerajaan negeri memfokuskan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) kepada tiga perkara iaitu untuk membolehkan rakyat mendapat keberkatan, kemakmuran dan kebajikan," kata Menteri Besar Ustaz Dato' Ahmad Yakob kepada wakil Qiadah di pejabatnya di Kota Darulnaim baru-baru ini.

Bagaimanapun tidak mudah bagi kepimpinan baru untuk memastikan segala dasar kerajaan negeri berpaut kukuh di jiwa rakyat. Namun berbekal semangat ukhuwah dan kolektif, segala yang berat dipikul bersama serta apa yang ringan dijinjing jua.

Oleh itu bagi memudahkan gerak kerja untuk memastikan kepimpinan ulama terus utuh dan kukuh, Menteri Besar memberitahu haluan bertindak adalah berpandukan manifesto yang ditawarkan kepada rakyat pada PRU-13.

### **Pelan perancangan strategik**

Ustaz Dato' Ahmad yang lebih serasi dengan panggilan Ustaz Mat memberitahu segala kerangka dan gerak kerja tersebut didasarkan kepada tiga indeks pencapaian terangkum dalam manifesto yang ditawarkan. Indeks tersebut iaitu takwa, kesejahteraan rakyat (aspek sosial, ekonomi dan keagamaan) dan persekitaran. Berasaskan kepada indeks tersebut dijemakan pula enam program utama yang melatari segala gerak kerja kerajaan negeri penggal ke-13.

Program berkenaan adalah:

- Meningkatkan kemakmuran ekonomi rakyat secara adil dan saksama
- Memajukan sosiobudaya rakyat berteraskan ilmu, iman dan amal
- Pembangunan tanah dan wilayah serta memartabatkan hasil negeri
- Meningkatkan mutu taraf hidup ke arah melahirkan masyarakat madani
- Meningkatkan infrastruktur dan kemudahan awam
- Agenda kebajikan rakyat

"Selepas PRU-13 kerajaan negeri tumpukan agenda di atas. Ia bertujuan untuk untuk mencapai tiga asas iaitu iman, takwa dan pembangunan negeri berasaskan MBI. Sebulan selepas kerajaan baru dibentuk, perbincangan dibuat bagi merangka pelan strategik dengan kerjasama perunding dari Ikatan Ilmuan Nasional (ILMUAN)," katanya.





Ustaz Mat menyampaikan ucapan sempena sambutan 23 Tahun Kelantan Membangun Bersama Islam



Di bawah enam program utama di atas kemudian dipecahkan pula kepada enam strategi sebagai panduan bertindak Menteri Besar dan ahli EXCO. Strategi tersebut adalah:

- Memperkasakan pembangunan rohani demi keberkatan dan keredhaan Allah SWT
- Memperjuangkan hak rakyat atas prinsip federalisme
- Melaksanakan keadilan untuk semua rakyat
- Memakmurkan kehidupan yang harmoni dan kebajikan
- Pembangunan wanita dan anak muda Kelantan
- Prasarana media dan perhubungan

Semua strategi ini turut merujuk kepada empat dasar di bawah MBI. Dasar tersebut adalah:

- Dasar Sosial Kelantan
- Dasar Pembangunan Ekonomi Kelantan
- Dasar Pendidikan Kelantan
- Dasar Perindustrian Kelantan

Menteri Besar berkata, perancangan tersebut tidak mudah untuk dilaksanakan tanpa ada kaedah tertentu bagi memantau program yang dirancang kerajaan negeri. "Hasil bantuan kepakaran yang ada dalam kalangan ILMUAN, kita lahirkan sistem perancangan dan pemantauan projek kerajaan negeri Kelantan atau singkatannya SPARK. ILMUAN mengambil asas daripada manifesto yang kita tawarkan. Setiap portfolio EXCO

dibantu ILMUAN membuat perancangan strategik. Hasil per-bincangan itu kita hasilkan lebih 200 program. Namun kita *shortlist* dan jadikan kepada 69 program sahaja," tambahnya.

Ditanya bagaimana mahu memantau portfolio di bawah setiap EXCO, Menteri Besar memberitahu setiap anggota EXCO ada jawatankuasa SPARK. Dan Pejabat Menteri Besar akan memantau setiap program, perancangan dan pelaksanaan yang dibuat oleh anggota EXCO melalui Sekretariat SPARK di bawah Pengarahnya, Dr. Nazmi Ghazali Azmi.

### SPARK

Sehingga April 2014, kerajaan negeri telah mengadakan tiga kali bengkel yang dikendalikan perunding ILMUAN. Perjumpaan kali terakhir di Kota Darulnaim membuahkan perancangan setiap EXCO untuk tempoh lima tahun.

Bengkel tersebut turut melibatkan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dengan kerjasama Pejabat Menteri Besar dan ILMUAN, dan ia diuruskan oleh perunding ILMUAN yang diketuai Mazri Mohd Noor dan moderatornya Profesor Dr. Mohamad Khazani Abdullah.

SPARK turut berperanan dalam menambahbaik dasar-dasar yang telah dijalankan di peringkat UPEN. Tujuannya untuk merangka dasar umum berkaitan aspek program dan pelaburan kerajaan.

"Secara kerangka kasarnya telah lama ada, namun sekarang diperkemas lagi bagi memastikan rakyat memperoleh manfaatnya lebih cepat dan berkesan," kata Ustaz Ahmad.

Menurut ILMUAN pula, tujuan utama SPARK diwujudkan adalah untuk menyelaras dasar-dasar sedia ada dan dasar baru supaya saling menyokong antara satu sama lain. SPARK juga akan menentukan sasaran jangka pendek dan jangka panjang di peringkat kerajaan negeri, EXCO dan agensi. Penentuan sasarnya secara objektif dan boleh diukur.

Selain itu program dan projek yang dilaksana dipastikan mempunyai objektif yang jelas bagi mencapai sasaran ditetapkan. Indeks keberkesanan digunakan bermula dengan penilaian bagi kelulusan projek, kemudian pemantauan pelaksanaan dan keberkesanan projek.

"Ini dapat mempercepatkan proses, mengurangkan kekeliruan dan memastikan penambahbaikan dapat dilakukan," kata ketua Perunding ILMUAN, Mazri Mohd Noor. ILMUAN juga berpandangan program dan projek dilaksanakan kerajaan negeri dapat diagih dan diselaras dalam kalangan EXCO secara lebih jelas.

Manfaat SPARK juga supaya dapat menentukan keutamaan projek atau program dilaksanakan mengikut dasar dan sasaran ditetapkan. Selain itu mengelakkan pertindanan projek, meningkatkan kerjasama agensi, merancang dan melaksanakan perbelanjaan berhemah.

Matlamatnya bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan projek. Menteri Besar berharap dengan adanya sistem perancangan bersepadu ia memudahkan kerajaan negeri memberi penerangan kepada rakyat bagi mengelakkan salah faham serta kekeliruan.

Kerajaan negeri juga dapat meyakinkan rakyat terhadap dasar, sasaran dan kaedah pelaksanaan bagi tempoh jangka masa pendek dan panjang. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan SPARK, pejabat Menteri Besar melalui sekretariat SPARK berperanan memantau setiap portfolio kerajaan mengikut perancangan ditetapkan.

"Pegarah SPARK, Dr. Nazmi sentiasa memantau keberkesanan SPARK di peringkat EXCO. Kita sesuaikan cara pelaksanaan dengan memanggil EXCO, ketua-ketua jabatan dan agensi di bawah portfolio untuk melihat keberkesanan program yang dijalankan," ujarnya.

Ditanya pembabit tenaga profesional pelbagai bidang daripada ILMUAN yang melibatkan kos, kata Ustaz Ahmad, kerajaan negeri tidak perlu berbelanja besar.

"Mereka mahu melihat ada peningkatan yang berlaku dengan adanya SPARK. Kehadiran mereka atas konsep berjemaah. Mereka mahu infakkan kepakaran, bagaimanapun kerajaan negeri menyediakan sedikit peruntukan ketika menjayakan sesuatu bengkel, tetapi



*Ustaz Mat menyampaikan sumbangan hari raya kepada pasukan keselamatan*



secara umum boleh dikatakan konsep gotong-royong diterap," katanya.

Pengalaman ILMUAN sebelum ini telah membantu kerajaan Selangor merancang pelaksanaan pelan strategik kerajaan negeri dan hasil kejayaan di Selangor, ILMUAN datang ke Kelantan dengan menambahbaik lagi program-program sedia ada untuk disesuaikan dengan kondisi di negeri Serambi Mekah ini.



**Ustaz/Mat bersama krew QIADAH semasa sesi temuramah di pejabatnya**

Harapan Menteri Besar apabila ada badan pemantauan bermakna setiap program sentiasa ada *check and balance* oleh jawatankuasa SPARK di peringkat EXCO. Laporan akhir akan diserahkan kepada pejabat Menteri Besar.

Contohnya kata Ustaz Ahmad, ketika kerajaan negeri mengambil keputusan untuk mengemukakan "private bill" Enakmen Kanun Jenayah Syariah II ke parlimen, kerajaan negeri menggunakan format SPARK sebagai penentu gerak kerja.

"Kita dapat melihat apa peranan yang perlu dilakukan, maka kita panggil jabatan-jabatan tertentu untuk membuat persiapan awal. Kita guna kaedah yang dirintis ILMUAN, dan kita manfaatkan bagi membuat perancangan strategi. Ternyata formula SPARK memberi faedah kepada kita," katanya.

### **Laporan EXCO**

Sikap bertanggungjawab secara kolektif dapat dijelmakan daripada SPARK apabila mana-mana portfolio EXCO yang tidak aktif, maka pakar dari ILMUAN dipanggil untuk memberi pandangan dan rumusan mereka.

Tenaga pakar memberi cadangan dan kerajaan negeri akan bertindak supaya dapat mencapai matlamat seperti dirancang.

Biarpun berdepan dengan kekangan masa dan tugas pada pertemuan itu, namun Menteri Besar sedia menghurai lanjut persoalan-persoalan yang dibangkitkan. Apa yang penting baginya, tanggungjawab kolektif perlu dipikul jentera eksekutif disebalik anjakan baru. Ikuti penjelasan lanjut Ustaz Ahmad yang sarat dengan isu-isu strategik untuk digarapkan oleh jentera eksekutifnya.

### **Apakah kewujudkan SPARK bermakna kerajaan negeri tiada mekanisme seperti itu sebelum ini?**

Sebelum ini setiap EXCO mempunyai perancangan strategik sendiri melalui portfolio mereka. Mereka melantik sendiri perunding selepas dipersetujui jawatankuasa portfolio berkenaan.

Misalnya jawatankuasa pelaburan mereka ada perunding melalui jawatankuasa pelaburan yang menasihatkan EXCO bagi merancang pelan strategi. Cuma mungkin tidak ada pemantau di mana ia dilakukan secara umum sahaja.

Sebelum ini kerajaan negeri ada Jawatankuasa Pemantauan Projek secara umum. Mesyuarat hanya tiga kali setahun dan mungkin ia tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Dengan adanya SPARK, kita boleh buat pemantauan berdasarkan *checklist*, di mana kita tahu perkembangan sesuatu projek yang dirancang.

Contohnya cadangan syarikat swasta membuka kilang besi di Staphonal, Kuala Krai. Jadi apabila telah ada keputusan peringkat dasar, dengan adanya SPARK kita semak sebab apa tidak boleh diadakan perjanjian sedangkan kerajaan telah meluluskan projek tersebut.

SPARK membantu kita, pegawai mencari apa sebab perjanjian belum dapat ditandatangani lagi sedangkan kerajaan telah memberi kelulusan di peringkat dasar.

Jadi dalam tempoh jangka masa pendek, akhirnya kilang besi hasil kerjasama Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dengan Optimum Transform Sdn Bhd berjaya dibina. Kerja-kerja di tapak sudah bermula. Kalau tidak ada SPARK mungkin agak sulit bagi meneliti perkara berbangkit yang sulit untuk diselesaikan.

## Organisasi mana yang dipantau SPARK?

SPARK meliputi semua portfolio EXCO masing-masing. Kemuncaknya di bawah pejabat Menteri Besar. Kerajaan negeri lebih melihat kepada *timing* terhadap sesuatu projek yang dirancang. Ini lebih baik untuk mencapai sasarannya. Lahirnya SPARK sebenarnya dapat memantapkan lagi kedudukan Kelantan sebagai sebuah negeri yang sudah lama mampu berdikari.

Sebelum ini kita tidak mendapat banyak kemudahan pembiayaan daripada kerajaan Persekutuan, misalnya Projek Rumah Mampu Milik. Kita tidak pernah mendapat apa-apa peruntukan (fund), maka diperingkat kerajaan negeri dan portfolio perumahan kita memikirkan bagaimana hendak membina rumah mampu milik sendiri.

Akhirnya kita berjaya melancarkan Projek Rumah Mampu Milik di Badang, Pengkalan Chepa. Ini adalah hasil usaha kita berdikari sejak dahulu lagi. Secara tidak langsung dengan inisiatif itu kita boleh mencari pihak-pihak yang boleh membantu kita.

Laporan SPARK dibuat dalam mesyuarat dan setakat ini sudah tiga kali mesyuarat termasuk yang turut dihadiri pasukan perunding. Pengarah SPARK di Pejabat Menteri Besar akan memastikan semua projek yang dirancang EXCO berjalan lancar. Setiap tiga bulan sekali EXCO akan menyerahkan laporan kepada pejabat Menteri Besar.

## Mungkin ada tindakan susulan sekiranya laporan SPARK EXCO bermasalah?

Langkah pertama kita akan panggil EXCO terbabit termasuk agensi di bawah portfolio dan pegawai khususnya. Contohnya kerajaan tempatan, kita tumpukan kepada aspek kebersihan supaya Kota Bharu Bandar Raya Islam lebih bersih sesuai dengan namanya bandar raya Islam.

Kalau ada masalah saya akan panggil EXCO berkaitan, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) dan Setiausaha Kerajaan Tempatan untuk berbincang. Misalnya sebelum ini hasil perbincangan dibuat, kerajaan negeri perlu membantu dengan memberi pinjaman bagi membeli 22 buah lori pengangkut sampah untuk MPKB-BRI dan Majlis Daerah lain. Masalah itu ditemui hasil daripada pemantauan yang dilakukan SPARK.

## Bagaimana sokongan jentera kerajaan bagi merealisasikan SPARK?

Kita sentiasa mendapat sokongan kakitangan kerajaan negeri. Contohnya dalam aspek menyediakan rumah mampu milik, kita bergantung kepada agensi iaitu Perbadanan Menteri Besar Kelantan dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), maka kita perlu garapkan mereka bagi mengenal pasti tanah-tanah kerajaan dan milik agensi itu sendiri.

Kita minta segerakan pelaksanaan projek rumah mampu milik kerana matlamat kerajaan negeri hendak melihat dalam tempoh lima tahun (penggal ke-13) sebanyak 5,000 unit rumah jenis berkenaan dapat disiapkan.

Selain itu, peranan serupa juga dimainkan oleh Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK). Perumahan mampu milik di Badang dikendalikan di bawah PKINK, dan kita yakin kakitangan di bawah agensi tersebut dapat menyiapkan perancangan dan keputusan yang dibuat kerajaan.

Ini kerana kita telah lama terapkan pegawai dan kakitangan kerajaan dengan nilai-nilai Islam yang diasaskan oleh Tok Guru. Dasar MBI dengan prinsip Ubudiyah, Masuliyah dan Itqan sudah lama disebatikan. Jadi kita yakin sekiranya semua jentera Government Link Company (GLC) terbabit menggarapkan unsur-unsur tersebut, maka apa yang kita gariskan Insya-Allah akan dapat dicapai.

## Setahun kerajaan negeri di bawah ustaz, apakah fokus yang diutamakan?

Kita telah putuskan supaya kerajaan dapat meningkatkan lagi hasil pendapatan. Sebab itulah kita mengadakan tender terbuka untuk mineral. Fokus kedua ialah perumahan mampu milik, dan menarik pelabur membuka kilang.

Kita juga sedang melaksana projek halal hub di Pasir Mas, sebelum itu kita merancang hendak mengadakan perjanjian persefahaman (MoU) dengan sebuah syarikat dari China. Syarikat itu akan membekalkan gelatin halal bagi mengeluarkan kapsul halal. Material itu diimport dari China (namun ia sedikit terganggu selepas tragedi MH370).

## Setahun berlalu, namun mungkin rakyat belum nampak secara kasar perubahan yang dilakukan?

Mungkin juga ada kaitan dengan liputan media massa menyebabkan rakyat belum nampak lagi apa yang dilakukan oleh kerajaan negeri pasca PRU-13. Tetapi kita tetap bersyukur juga kerana program-program besar yang dirancang tidak tergendala. Misalnya Projek Lebu Raya Rakyat kita telah mulakan pembinaan.

Begitu juga kita akan teruskan pembinaan stadium di Bukit Merbau. Stadium tersebut akan dibina secepat mungkin. Kita teruskan projek tersebut dan tidak berbangkit perancangan yang dibuat sebelum ini diketepikan.

Kita rasa bersyukur kerana projek bersifat mega tersebut yang begitu mencabar, Insya-Allah dapat dilaksanakan. Ini kerana tidak ada sebuah negeri di Malaysia yang membuat lebu raya sendiri, tetapi kita komited untuk melaksanakannya.

## SPARK bertindak sebagai pemantau kepada program yang dirancang kerajaan. Mungkin peranannya serupa dengan Institusi Hisbah?

Sebenarnya Hisbah itu hanya sebutan sahaja. Kita telah menaik taraf Jawatankuasa Kira-Kira Negeri (PAC), di mana dari segi fungsi sudah melaksanakan tugas Hisbah. Cuma kita tidak sebut Hisbah. Peranan PAC kita telah tingkatkan, jadi rasanya tidak berbangkit perlunya institusi seperti Hisbah. Lagipun kita melihat hari ini PAC



**Ustaz Mat mengadakan lawatan ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII)**

telah melaksanakan tugas dengan begitu baik dan telus. Jawatankuasanya yang turut disertai wakil rakyat pembangkang telah membuat penyelidikan dan siasatan terhadap semua aspek kewangan kerajaan. Perlu diingat mereka bukannya mahu mencari kesalahan tetapi untuk pastikan setiap jabatan dan agensi kerajaan berjalan dengan baik. Setakat ini kita berpuas hati terhadap peranan PAC. Belum ada kes-kes yang boleh diambil tindakan lanjut.

Kerajaan negeri juga ada Jawatankuasa Integriti yang turut disertai Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), Biro Aduan Awam dan lain-lain jabatan diperingkat negeri dan Persekutuan. Jawatankuasa Integriti Negeri bermesyuarat setiap tiga kali setahun. Pada mesyuarat itu kita mendapat laporan dan mengambil langkah bagaimana perkara-perkara yang berbangkit perlu diatasi.

Ini juga sebahagian usaha bagi menambahbaik lagi prestasi perkhidmatan kerajaan negeri.

### **Kesimpulan**

SPARK dijelma daripada tawaran untuk melihat manifesto PRU-13 dapat direalisasikan. Program yang ditawarkan bagi menzahirkan keberkatan, kemakmuran dan kebajikan kehidupan rakyat Kelantan.

Kata Menteri Besar, sebanyak 69 program dirancang pada penggal ini. Insya-Allah diharap dapat memberi kepuasan sebaik mungkin kepada rakyat. Kini setahun berlalu, tanggungjawab Ustaz Ahmad sebagai Ketua Eksekutif semakin terbeban. Beliau juga sentiasa memikirkan hak

rakyat supaya Islam dapat dijadikan satu cara hidup yang sebenar.


"Itulah yang saya fikir. Bagaimana hendak menjadikan dasar MBI dihayati rakyat," ujarnya sambil merenung jauh ke hadapan. Ketika menjawab pertanyaan demi pertanyaan yang dilontar, wajahnya sering kali disimbah cahaya daripada lensa kamera jurugambar.

Ustaz Ahmad mengekalkan penampilannya dengan berbaju kot dan baju kemeja putih kolar bulat. Ketika acara rasmi beliau kerap mengenakan pakaian kebangsaan. Tidak jauh berbeza dengan figura Tok Guru.

Mengakhiri temubual petang itu, beliau turut memberitahu bahawa kerajaan negeri berusaha merakyatkan dasar MBI. Sekarang memikirkan bagaimana pendekatan yang boleh dibuat supaya tema MBI bukan lagi difokus kepada pentadbir sahaja.

Prinsip Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan perlu dihayati dan diamalkan oleh semua lapisan rakyat. Misalnya kata beliau bagi seseorang peniaga, kerajaan negeri mahu dia benar-benar menjadi seorang peniaga Muslim yang menepati timbangan, bebas riba, jujur dan taqwa.

"Fokus kerajaan hendak rakyatkan dasar MBI. Kita perlu lebih ramai kakitangan kerajaan dan rakyat yang mampu menghayati dasar MBI. Merakyatkan dasar itu sebagai satu agenda baru. Dalam keadaan kewangan kerajaan negeri yang terhad, tentunya program yang diadakan agak terbatas. Merakyatkan MBI supaya dasar itu diserapkan ke bawah," tambahnya.



***Model SPARK***

Mengakhiri pertemuan itu, Ustaz Ahmad tanpa sembunyi meluahkan tugasnya sebagai Menteri Besar Kelantan dianggapnya sebagai satu cabaran besar dan bukannya suatu kebanggaan.

**"Saya menggunakan pendekatan secara syura, bincang dengan semua pihak. Saya mahu libatkan semua pihak, sama ada pegawai, EXCO dan mana-mana pihak untuk duduk berbincang dan mengambil keputusan terbaik. Usaha ini dilakukan demi membuktikan penerusan apa yang diamalkan oleh Tok Guru diamalkan dengan terbaik", ujarnya.**

Beliau kelihatan agak keletihan, namun tetap bersemangat selepas seharian bekerja. Pada sebelah pagi sehingga tengahari beliau mempengerusikan mesyuarat EXCO. Benarlah seperti apa yang dikata, Ustaz Mat bukan sekadar seorang pemimpin tetapi pentadbir yang komited berjiwa rakyat.

**Rujukan**

Abdul Aziz Ismail, (1996), Suka Duka Kepimpinan Ulama' dan Penguasa, Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru.

Auni Haji Abdullah, (2000), Hisbah Dan Pentadbiran Negara, IKDAS, Kuala Lumpur.

\_\_\_\_\_(2009), 25 Tahun Kepemimpinan Ulamak, Membangun Bersama Islam, Nufair Street Sdn Bhd, Kuala Lumpur.

\_\_\_\_\_(2003), Kota Bharu Bandar Raya Islam, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam, Kota Bharu.

\_\_\_\_\_(1999), Perubahan-Perubahan Di Kelantan di Bawah Kepimpinan Ulama', Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Kertas kerja Ikatan Ilmuan Nasional, 9 September 2013.

# PRODUK KELANTAN EAU CHOICE

AIR MINERAL SEMULAJADI



**Pengedar diperlukan**  
serta sedia menerima  
tempahan secara  
**Kontrak Pengeluaran**

Untuk keterangan lanjut boleh hubungi

**09-773 1155**



## **SIHHAT-AFIAT SDN BHD**

Merupakan sebuah Syarikat Kumpulan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)  
Lot PT 4279A, Jalan Padang Tembak  
Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa  
Mukim Panchor, Kemumin  
16100 Kota Bharu, Kelantan

Kilang Pemprosesan  
PT 4630, Batu Melintang,  
Mukim Belimbing,  
17600 Jeli, Kelantan



Untuk Maklumat Lanjut, Sila Layari: [www.sihhat-afiat.com](http://www.sihhat-afiat.com)



# KELANTAN KETENGAH MODEL PENDEKATAN INTEGRITI

Oleh WN Yusof dan Asqolani M

Komitmen kerajaan negeri merealisasikan prinsip Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan sebagai teras dasar Membangun Bersama Islam (MBI) dalam pentadbiran kerajaan ternyata membuahkan hasil.

Prinsip tersebut yang dijelmakan pada peringkat awal kepimpinan ulama ternyata mampu menghindarkan anggota penjawat awamnya daripada gejala tidak sihat. Hampir 24 tahun tiada kes membabitkan kakitangan awam disabit dengan kesalahan di bawah salah laku rasuah atau penyelewengan. Hakikat itu diakui sendiri oleh bekas Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Mohd Shokeri Mohamad.

Agenda yang bersusur-galur daripada kerangka pentadbiran Islam itu kini diteruskan Menteri Besar, Ustaz Dato' Ahmad Yakob. Melewati setahun kepimpinan Ustaz Ahmad, usaha-usaha menambah baik pentadbiran kerajaan terus diperkasa. Idea yang dirintis Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat diteruskan pengantinya.

Usaha Tok Guru menyiapkan asas "binaan tiang" pentadbiran kerajaan lengkap dengan lingkaran (pagar) serta binaan dinding (sempadan) berseni ukiran syariah diperlengkap lagi dengan memantapkan jentera pelaksana.

Seni ukiran itu diteliti Ustaz Ahmad bagi menjelmakan corak seni pentadbiran secara lebih tersusun. Matlamatnya tetap sama, iaitu untuk memahat kukuh Kota Darulnaim sebagai sebuah pentadbiran berintegriti. Acuan konkritnya mengikut bingkai syariat Islam bagi menjadikan Serambi Mekah sentiasa segar berpagar syariah.

Dalam mencorak seni pentadbiran itu, Ustaz Ahmad meluahkan hasratnya untuk memastikan saf anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) mencipta rekod prestasi berintegriti. Ia diasaskan dengan falsafah "ibda'binafsih" dengan memulakan dari diri sendiri dan keyakinan di atas seruan Allah SWT.





Dalam surah Ar-Ra'd:11, Allah SWT berfirman yang bermaksud: *"Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sehingga kaum itu berusaha mengubah nasibnya sendiri."*

Biarpun sejak tahun 1995 sudah bergelar wakil rakyat dan pada tahun 1997 diangkat sebagai anggota EXCO kerajaan negeri, namun Ustaz Ahmad tetap mempamerkan nilai-nilai kesederhanaan, merendah diri dan mesra.

Kehidupan yang dibesarkan dalam keluarga pondok membuatkan Ustaz Ahmad dewasa dalam lingkungan dakwah. Dan setelah berada di kerusi Ketua Eksekutif, nilai-nilai hidup berpagar pondok diperluas untuk dikongsi dengan saf anggota-anggota EXCO dan warga pentadbir kerajaan negeri.

Hasratnya adalah untuk melahirkan birokrat yang tuntas mengurus keperluan dan harapan rakyat. Ia selaras dengan firman Allah SWT yang bermaksud "Jikalau penduduk sebuah kampung (atau sebuah negara) itu beriman dan bertaqwa, Tuhan akan bukakan berkat daripada langit dan bumi." (Al-A'raf:96).

Firman-Nya lagi yang bermaksud, "Dan (ingatlah), sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah akan memudahkan segala urusannya." (At-Thalaq:4).

### **Pentadbiran berintegriti**

Impian Ustaz Ahmad bagi melahirkan pentadbiran yang benar-benar telus, cekap dan bebas rasuah dijemakan dengan gandingan perunding dari Ikatan Ilmuan Nasional (ILMUAN). Pada 19 Januari 2014 kerajaan menerima secara rasmi laporan daripada ILMUAN bagi mendokumentasikan program dan agenda kerajaan untuk manfaat rakyat.

ILMUAN turut menyenaraikan sejumlah 69 projek, program dan dasar pilihan untuk diberi keutamaan daripada keseluruhannya 282 program yang dicetus sebelum itu. Bermula dari situlah Model S3PK bagi merancang dan memantau pelaksanaan projek atau program kerajaan negeri dijemakan bagi mencapai matlamat yang disasarkan.

Menurut Presiden ILMUAN, Profesor Dr Badlihisam Nasir, kepercayaan kerajaan negeri kepada badan itu diharap membuah hasil yang lebih mantap bagi kebaikan negeri Kelantan.

Berkongsi hasrat sama Ketua Perunding ILMUAN, Mazli Zakuan Mohd Noor turut melahirkan rasa syukur di atas kerjasama kerajaan Kelantan. Jawatankuasa S3PK (baca SPARK) juga berfungsi seperti think-tank bagi meneliti perancangan dan pelaksanaan program atau projek di bawah kerajaan negeri.

Oleh itu bagi menepati matlamat tersebut, panel SPARK akan merumuskan laporan kemajuan sebelum dilaporkan kepada Pejabat Menteri Besar. Pejabat Menteri Besar bertanggungjawab meneliti laporan yang diterima Jawatankuasa SPARK dibawah ahli EXCO. Selepas itu Menteri Besar membuat rumusan dan mengarahkan tindakan penambahbaikan sekiranya perlu.

### **Sistem SPARK**

Jawatankuasa SPARK bertujuan meneliti kemajuan projek, menilai maklum balas dan memantau dari segi pencapaian sasaran (KPI).

SPARK adalah sebutan daripada ringkasan Sistem Perancangan, Pelaksanaan dan Pemantauan Negeri Kelantan yang sebelum ini disebut S3PK. Jenama SPARK dilancarkan pada 16 Februari 2014 oleh Menteri Besar di Kota Darulnaim.

Perunding ILMUAN juga mengambil inisiatif meninjau beberapa ruang kerjasama dengan pihak-pihak yang berwajib bagi menjayakan misi perancangan projek pembangunan Kelantan. Di antaranya kerjasama dengan kerajaan Selangor. Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Menteri Besar Kelantan, Ustaz Dato' Ahmad Yakob menjelmakan kerjasama tersebut.

Peluang dirintis Perunding Eksekutif Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB), Raja Idris Raja Sulaiman dengan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Per-



### **MoU dengan Kerajaan Selangor**

dagangan, Perpaduan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan Kelantan, Zulkifli Mamat. Perundingan tersebut menumpukan pembangunan berteraskan kepakaran Kelantan dan Selangor dalam bidang tertentu.

Ekoran itu perjanjian persefahaman (MoU) antara kedua-dua negeri ditandatangani pada 2 Mac 2014. Perundingan akhir antara agensi kerajaan Kelantan dengan Selangor diadakan di Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).

Perundingan tersebut melibatkan tujuh bidang kerjasama Kelantan-Selangor iaitu:

- 1) Selangor bersedia berkongsi perundingan dan kepakaran mengenai Hybrid Off River Augmentation System (HORAS) di Machang.
- 2) Selangor bersedia menjalin perundingan dan kepakaran mengenai pewartaan air mentah di Kelantan.
- 3) Selangor bersedia memberikan perundingan dan kepakaran bidang industri Hab Halal di Machang.
- 4) Kelantan bersedia menyalur perkhidmatan perundingan dan kepakaran pelaksanaan Mikro Kredit untuk Selangor.
- 5) Kelantan bersedia memberi perkhidmatan perundingan dan kepakaran mengenai jaringan FIBERISATION di Selangor.
- 6) Kelantan bersedia memberi perkhidmatan perundingan dan kepakaran mengenai Pendidikan Islam di Selangor.
- 7) Selangor juga bersedia menyediakan kemudahan Pusat Jualan Borong Kelantan di Selangor.



### **Harapan rakyat**

Tan Sri Abdul Khalid menyatakan pihaknya telah mengkaji semua perbincangan yang dibuat sebelum ini dan mengenal pasti tujuh bidang kerjasama antara Kelantan dan Selangor berdasarkan kepakaran dan kekuatan masing-masing.

Ustaz Ahmad pula meletakkan harapan kerjasama dengan Selangor dapat memacu pembangunan Kelantan bagi memenuhi dasar MBI ke arah Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan rakyat.



# JENTERA PENTADBIRAN UTAMAKAN AKAUNTABILITI

## Temubual Bersama Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Oleh Mazlan Jusoh Foto Ahmad Naime Muhammad

USAHA kerajaan negeri merakyatkan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) tentunya sukar mencapai sasarannya tanpa dokongan padu jentera pentadbiran kerajaan. Jentera kerajaan menjadi penggerak utama bagi menjulang dasar MBI. Antara kepemimpinan kerajaan dan jentera pentadbiran negeri perlu ada tanggungjawab secara kolektif. Gandingan erat itu dipacu sejak akhir 1990 sehingga sekarang.

Malah sepanjang di bawah kepemimpinan ulama jentera pentadbiran kerajaan berjaya mempamerkan keunggulan mereka. Ini dapat dibuktikan melalui pencapaian dan anugerah yang diterima sama ada di peringkat nasional dan tempatan. Oleh itu bagi mendapat gambaran lebih jelas mengenainya ikuti temubual wakil Qiadah bersama Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd Faudzi Che Mamat ketika ditemui di pejabatnya awal Ramadan lalu.

### Bagaimana kerajaan memantau prestasi pegawai dan kakitangan awam negeri?

Pada saya prestasi pegawai dan kakitangan kerajaan negeri boleh dipantau melalui beberapa kaedah iaitu pertamanya melalui pengiktirafan oleh kerajaan negeri atau kerajaan

Persekutuan. Pengiktirafan yang baik melambangkan prestasi yang baik. Antara pengiktirafan yang telah diraih kakitangan kerajaan negeri ialah penarafan status 3 bintang Indeks Akauntabiliti Pengurusan Pentadbiran oleh Jawatankuasa Naziran Negeri Kelantan, penarafan status 4 bintang Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan oleh Jabatan Audit Negara dan penarafan status 5 bintang dalam Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2013 oleh Multimedia Development Corporation (MDeC).

Indeks Akauntabiliti Pengurusan Pentadbiran merupakan satu proses pengauditan terhadap pengurusan pentadbiran sesuatu jabatan bagi memastikan supaya pejabat atau agensi kerajaan mengamalkan ciri-ciri pengurusan yang terbaik termasuk aspek pengurusan kaunter, piagam pelanggan, pengendalian aduan awam, pengurusan rekod kedatangan.

Selain itu pergerakan keluar masuk kakitangan, sistem peraturan dan prosedur kerja, pelaksanaan pengawalan disiplin, keadaan fizikal dan persekitaran pejabat, pengurusan teknologi maklumat, integriti dan inovasi,



pengurusan kenderaan, pelaksanaan pengawalan keselamatan pejabat serta latihan dan kompetensi.

Penarafan bintang bagi Indeks Akauntabiliti ini dibuat oleh Jawatankuasa Naziran Negeri Kelantan. Pada tahun 2013 terdapat dua jabatan sahaja yang berjaya mendapat penarafan 3 bintang daripada 4 bintang keseluruhan yang diperuntukkan iaitu Jabatan Mufti Negeri Kelantan dan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Kelantan.

Dari Aspek Pengurusan Kewangan Jabatan Audit Negara telah mengadakan auditan indeks akauntabiliti pengurusan kewangan dengan cara memberikan penarafan 4 bintang kepada jabatan atau agensi yang menunjukkan tahap pengurusan kewangan yang sangat baik.

Sebanyak enam jabatan serta agensi telah berjaya mendapat penarafan 4 bintang dalam aspek pengurusan kewangan yang diadakan tiap-tiap tiga tahun sekali bagi pejabat-pejabat kerajaan dan setahun sekali bagi pejabat-pejabat utama yang mengendalikan bajet melebihi RM10 juta setahun.

Pejabat-pejabat berkenaan iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (SUK), Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan, Majlis Agama Islam Dan Adat-Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Majlis Daerah Machang dan Majlis Daerah Pasir Puteh.

Manakala sebanyak 17 pejabat dan agensi kerajaan lagi telah menerima penarafan 5 bintang dalam Malaysia Government Portals And Websites Assessment 2013 yang dilaksanakan oleh MDeC iaitu Pejabat SUK, Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kelantan



(JPS), Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandar Raya Islam (MPKB-BRI), Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah dan Kuala Krai, Majlis Daerah Ketereh – Perbandaran Islam, Gua Musang, Pasir Mas, Tanah Merah, Pasir Puteh, Tumpat, Kuala Krai, Machang, Jeli, Bachok – Bandar Pelancongan Islam, dan Dabong.

Manakala seramai 24 orang daripada pegawai perkhidmatan awam negeri telah diiktiraf sebagai warga contoh bulanan oleh Pejabat SUK kerana mempunyai sifat-sifat kesungguhan, kebertanggungjawaban, disiplin, cekap, tepat, kesempurnaan kerja, kerjasama, berhemah dan menjaga kebersihan.

### **Bilangan penjawat awam di Kota Darulnaim dan peringkat jajahan sekarang?**

Bilangan penjawat awam yang terdapat di Kota Darulnaim ialah seramai 1,365 orang, di mana sebanyak 143 orang daripadanya kakitangan sambilan. Bilangan penjawat awam di peringkat Pejabat Tanah dan Jajahan sekarang ialah seramai 944 orang, di mana sebanyak 33 orang daripadanya berjawatan sambilan.

### **Pernakah kakitangan atau jabatan kerajaan negeri memenangi anugerah kecemerlangan di peringkat kebangsaan?**

Ya, pernah. Sebagai contohnya kumpulan Suria daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan telah merangkul anugerah Ketua Setiausaha Negara pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan Ke-30 yang diadakan di Kuching Sarawak pada 3 Disember 2013.

Sebelum itu kumpulan terbabit juga dinobatkan sebagai johan kategori teknikal, persembahan terbaik dan fasilitator terbaik dalam konvensyen KIK peringkat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang diadakan pada 10 hingga 13 September 2013 di Putrajaya.

### **Sejauh mana keberkesanan pelaksanaan Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) dalam kalangan penjawat awam negeri?**

Amalan 5S yang dilaksanakan sekarang pada saya adalah satu amalan baik amat berkesan untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat Kelantan. Melalui lima prinsip amalan Persekitaran Berkualiti iaitu seiri (sisih), seiton (susun), seiso (sapu), seiketsu (seragam) dan shitsuke (sentiasa amal), setiap perkara akan berada dalam keadaan teratur dan bersedia untuk digunakan pada bila-bila masa.

Sebagai contohnya dengan amalan 5S, fail-fail pejabat akan disimpan mengikut teknik bagi memudahkan kaedah penyimpanan dan pencarian fail tersebut. Dengan ini fail



akan dapat disimpan dengan selamat dan dapat diambil dengan cepat sewaktu diperlukan.

Amalan 5S ini dikeluarkan sijil pencapaiannya secara tahunan oleh pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Pihak MPC akan sentiasa melaksanakan audit sebelum sesuatu sijil pencapaian yang baharu dikeluarkan dari setahun ke setahun.

Saya percaya amalan ini sentiasa dilaksanakan oleh pegawai perkhidmatan awam negeri Kelantan, memandangkan setiap tahun sijil-sijil pencapaian 'standard' keperluan Sistem Pengurusan Persekitaran berkualiti sentiasa dikeluarkan MPC kepada jabatan-jabatan di Kelantan.

**Amalan berjimat-cermat dimulakan Menteri Besar di mana lampu pejabat ditutup apabila tidak diperlukan. Bagaimana pula amalan itu di peringkat pegawai dan kakitangan?**

Setiap kali ada mesyuarat atau perjumpaan dengan pegawai dan kakitangan saya seringkali mengingatkan mengenai amalan berjimat-cermat. Perkara ini telah diterjemahkan lagi melalui beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pejabat-pejabat kerajaan antaranya memantapkan perbelanjaan utiliti seperti elektrik, telefon dan air.

Pejabat SUK telah mengeluarkan surat arahan pada 16 Julai 2008 kepada semua jabatan, pihak berkuasa tempatan

dan pihak berkuasa berkanun negeri agar sentiasa mematuhi dan menggunakan Pekeliling Perbendaharaan Persekutuan Bilangan 7 Tahun 2008 iaitu Garis Panduan Bagi Perbelanjaan Secara Berhemat dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2008 iaitu Langkah-Langkah Tambahan Mengawal Perbelanjaan. Kedua-dua pekeling itu menghendaki supaya alat pendingin, lampu, komputer dan semua peralatan elektrik dimatikan sewaktu rehat kecuali mereka yang bekerja.

Bagi memantapkan penggunaan bahan api kenderaan pula, Pejabat SUK melaksanakan dua pendekatan iaitu mengadakan kursus-kursus yang berkait rapat kepada amalan belanja berhemat seperti Kursus Pemanduan Cemerlang, yang antara lainnya bertujuan untuk memupuk sikap kepenggunaan dan kepenjagaan kenderaan secara berhemat bagi mengurangkan kemalangan dan pembaziran minyak dan mengguna pakai Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil 4/2011 – Arahan Kepenggunaan Minyak Gred Ron 95 bagi semua kenderaan kerajaan.

Bagi memantapkan perbelanjaan di bawah beberapa butiran (kod) dalam Bajet Negeri Kelantan pula Pejabat SUK mengeluarkan Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Kelantan Bil 5 Tahun 2009 bagi mengguna pakai Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kelantan dan mensyaratkan supaya setiap agensi yang memohon menggunakan peruntukan di bawah kawalan SUK mendapatkan kebenaran Dato' SUK dan Dato' Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu sebelum membelanjakan peruntukan melebihi RM10,000 meliputi peruntukan pembangunan dan semua perbelanjaan di bawah Kumpulan Wang (Akaun Amanah).

Manakala bagi memantapkan penggunaan kertas, Pejabat SUK mengeluarkan surat saranan pada 30 November 2009 supaya semua kakitangan menggunakan kertas yang telah digunapakai untuk menyediakan apa-apa draf dokumen.

**Sebelum ini Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz mengamalkan prinsip berjimat jangan sampai kedekut, belanja jangan sampai boros. Sejauh mana amalan itu dipraktikkan di peringkat pegawai?**

Saya sering menekankan kepada perbelanjaan berhemah. Perbelanjaan berhemah pada saya ialah berbelanja dengan bijak iaitu membeli perkara yang diperlukan sahaja dan mengguna pakai perkara-perkara yang masih boleh lagi diperbaiki atau ditambah baik.

Dalam hal ini saya melihat kepada beberapa perkara iaitu dari aspek perolehan barangan, sekiranya kos untuk membeli baharu lebih menguntungkan daripada membaiki adalah lebih baik membeli baharu.

Saya telah mengeluarkan arahan kepada pegawai supaya membuat pelupusan kereta-kereta yang sudah tidak ekonomik untuk dibaiki dan membeli kenderaan-kenderaan baharu.

Pada saya cara ini adalah yang terbaik kerana mengikut kajian kos, memelihara kereta lama dalam masa lima tahun dan kos membeli kereta baharu untuk digunakan

selama lima tahun adalah lebih menguntungkan dari aspek kewangan, masa dan penggunaan.

Walau bagaimanapun, dari aspek guna tenaga, saya merasakan jumlah pegawai perkhidmatan awam, sama ada yang tetap atau sambilan sedia ada sudah mencukupi untuk melaksanakan tugas-tugas di jabatan.

Saya mengeluarkan arahan supaya tidak membuat pengambilan baharu walaupun pada pandangan sesetengah pihak kita kekurangan kakitangan. Pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang sedia ada boleh ditempatkan secara "redeployment" di beberapa jabatan untuk melaksanakan pelbagai perkara. Tidak ekonomik jika kita mengambil pekerja baharu untuk melaksanakan satu tugas sahaja.

**Sebelum ini Dato' lama bertugas sebagai Pegawai Kewangan Negeri, bagaimana cara mengurus perbelanjaan dalam keadaan sumber kewangan agak terhad?**

Dalam aspek perbelanjaan wang awam yang diamanahkan oleh rakyat untuk membelanjakannya dengan baik, Kerajaan Negeri Kelantan sedaya upaya mengambil pendekatan untuk memantau dan mengawal perbelanjaan yang dibuat oleh setiap jabatan negeri supaya membelanjakannya secara cermat dan berhemah tanpa mengetepikan kesempurnaan kerja dan pembangunan untuk rakyat. Usaha ini adalah merupakan satu kesinambungan daripada apa yang telah ditekankan oleh pucuk pimpinan negeri ini sejak dahulu lagi.

**Petunjuk Prestasi Utama (KPI) menjadi teras bagi menilai keberkesanan dan kebertanggungjawaban penjawat awam. Sejauh manakah pencapaian ke arah melahirkan perkhidmatan yang cepat, tepat dan berintegriti?**

Petunjuk Prestasi Utama merupakan satu pernyataan bertulis yang dapat menjelaskan sesuatu tugas dengan unit yang boleh diukur. Ianya amat penting untuk mengukur tahap pelaksanaan sesuatu pekerjaan. Saya percaya ia amat membantu mencapai tahap penyampaian perkhidmatan yang cepat dan tepat kerana ianya telah ada tertulis terlebih dahulu. Sekiranya semua pernyataan ini dilaksanakan ianya amat jelas dapat melahirkan perkhidmatan yang cepat dan tepat.

Walau bagaimanapun, Petunjuk Prestasi Utama sahaja tidak mampu melahirkan penjawat awam yang berintegriti sekiranya kesedaran mengenai jati diri yang tinggi tidak lahir di jiwa setiap penjawat awam.

**Penerimaan kakitangan awam negeri terhadap konsep Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI) yang melatari dasar Membangun Bersama Islam?**

Konsep Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan merupakan satu konsep yang berlandaskan kepada ajaran Islam yang memberikan kesedaran kepada setiap orang bahawa hidup kita ini adalah untuk beribadah kepada Allah SWT, dan akan dipertanggungjawabkan pada setiap amal perbuatan yang

dilakukan di dunia ini. Kedua-dua ini sekiranya dihayati dengan baik akan melahirkan kakitangan awam yang mempunyai itqan yang tinggi kepada pekerjaan dan amanah dalam perbuatan. Kakitangan awam negeri Kelantan menyambut baik konsep ini, bahkan sentiasa hadir dalam sesi ilmu yang berkaitan dengan UMI ini pada setiap kali ianya diadakan di Kota Darulnaim, terutamanya pada hari Khamis.

**Bagaimanakah hubungan penjawat awam dengan kepimpinan Kerajaan Negeri?**

Pada saya hubungan penjawat awam dengan kepimpinan Kerajaan Negeri adalah baik sekali. Penjawat awam sentiasa menghormati pemimpin Kerajaan Negeri dan mengikut arahan pada setiap masa. Begitu juga dengan kepimpinan Kerajaan Negeri. Mereka juga jelas dengan peranan masing-masing dan mengetahui bahawa penjawat awam mempunyai kod etika yang tersendiri yang perlu dipatuhi. Semua perkara yang diarahkan untuk dilaksanakan oleh pejawat awam ini sentiasa bersesuaian dan selaras dengan kehendak kod etika perkhidmatan awam.

**Bagaimana hubungan Kerajaan Negeri dan Pusat dari kaca mata Pegawai Tadbir Negeri?**

Sebagai salah seorang daripada Pegawai Tadbir Negeri Kelantan dan Ketua Perkhidmatan, saya berpandangan bahawa hubungan kedua-dua kerajaan ini pada masa sekarang berlangsung dengan berlandaskan kepada prinsip "federalism" dan "distribution of power" yang baik. Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa menjalinkan hubungan yang mesra dengan Kerajaan Persekutuan.

Dari aspek Ketua Kerajaan, sebagai contohnya Ustaz Dato' Menteri Besar sendiri membuat kunjungan hormat kepada Perdana Menteri selepas pilihan raya tahun 2013 yang lalu. Begitu juga dengan Pegawai Kerajaan, hubungan yang baik sentiasa dijalinkan diantara Pegawai Kerajaan Negeri dengan Pegawai Kerajaan Persekutuan. Banyak program Persekutuan dilaksanakan di Negeri Kelantan.

**Apa pendapat Dato' tentang Kerajaan Negeri pasca Tok Guru?**

Apa yang ada pada hari ini sebenarnya telah dimulakan asasnya oleh Tok Guru. Kerajaan yang ada pada hari ini adalah yang menjalankan semua asas-asas yang telah diletakkan oleh beliau. Pada saya Kerajaan Negeri sama ada semasa Tok Guru atau pasca Tok Guru tak ada perbezaan. Hubungan berjalan seperti biasa. Jika Tok Guru menunjangi Negeri Kelantan ini dengan tonggak Membangun Bersama Islam, begitulah juga Kerajaan Negeri dan Menteri Besar pada masa ini. Dasar Membangun Bersama Islam tetap diberi keutamaan.



*Tok Guru dan Ustaz Mat di Majlis Jalinan Mesra dengan sami-sami dan masyarakat Siam*

# PATAH TUMBUH HILANG BERGANTI

*Oleh Hamdan Mohd Razali*

Peralihan kuasa dalam politik merupakan suatu peristiwa yang sering berlaku. Ia lebih menarik perhatian ramai apabila melibatkan tokoh politik utama di peringkat negeri atau negara.

Inilah juga cabaran yang dihadapi Menteri Besar Kelantan yang baru, Ustaz Dato' Ahmad Yakob. Semenjak Kelantan diperintah PAS 24 tahun yang lalu, nama Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat cukup sinonim. Orang ramai mengenalinya sebagai Menteri Besar, biarpun kemunculannya sebagai tokoh politik jauh lebih awal daripada itu. Malah sudah lebih setahun beliau bukan lagi berada di kerusi ketua kerajaan Kelantan, namun namanya seakan-akan sukar dipisahkan.

Ramai merasakan seolah-olah Tok Guru Nik Abdul Aziz masih pemimpin utama kerajaan Kelantan, biarpun beliau bukan lagi berada di posisi itu. Pertukaran teraju berlaku selepas PAS memenangi Pilihan Raya Umum ke-13 yang lalu.

Pujian harus diberi kepada pemimpin dan penyokong PAS kerana suasana peralihan kuasa berlaku dalam keadaan tenang. Apa yang berlaku itu





Tok Guru di Putrajaya



Tok Guru di pejabatnya, IPTG

memperlihatkan ia seperti dirancang biarpun pada awalnya sukar diterima umum.

Budaya dan didikan berteraskan agama dan moral berjaya melahirkan sebuah kepimpinan yang mampu memberi perkhidmatan terbaik bagi menunaikan amanah rakyat.

Persoalannya sekarang, apakah harapan rakyat Kelantan kepada Menteri Besar yang baru? Sebagai sebuah negeri yang sering diwar-warkan miskin, tidak membangun dan tiada peluang pekerjaan, tanggung-jawab sosial dilihat seharusnya menjadi keutamaan Ustaz Ahmad.

Walaupun ianya tidak seteruk yang digembar-gemburkan oleh media perdana, namun meletakkan tugas itu sebagai satu keutamaan mencerminkan jiwa besar bagi seseorang Ketua Eksekutif sebuah negeri.

Rakyat Kelantan dilihat lebih selesa dengan PAS berdasarkan kemenangan berterusan parti ini semenjak tahun 1990. Maka, setiap pembaharuan yang direncana Menteri Besar perlu mengambil kira refleksi hasrat rakyat.

Lebih-lebih lagi pada era teknologi maklumat sekarang, setiap tindak-tanduk pemimpin sentiasa diawasi rakyat. Mereka sentiasa membuat penilaian. Medan media baru termasuk Whatsapp, Facebook, blog, twitter dan pelbagai lagi diguna mereka bagi meluahkan apa yang terbuka di hati.

Oleh itu keperluan kepada pembangunan dan penjana sumber ekonomi merupakan perkara penting yang perlu diberi tumpuan di Kelantan sekarang.

Tanggungjawab yang lebih penting ialah bagaimana merealisasikan tanggungjawab sosial ke arah membentuk rakyat yang berfikir matang dan berpengetahuan. Lagipun tradisi mengilmukan masyarakat terus menjadi agenda utama kerajaan negeri.

### Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG)

Langkah mewujudkan Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG) merupakan keputusan tepat bagi mewujudkan kesinambungan kepimpinan ulama. Proses menuntut ilmu perlu terus disebarkan. Seperti yang dinyatakan Ustaz Ahmad, IPTG

merupakan pusat rujukan dan pengembangan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) dan ummah.

Selain itu sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan kepada rakyat dan kerajaan Kelantan. IPTG menahirkan fikrah pemikiran ulama di sisi kerajaan negeri. Namun kedindaman ilmu memerlukan golongan agama menguasai semua cabang ilmu dalam bentuk multi-disiplin.

Maka penubuhan IPTG merupakan inisiatif Menteri Besar bagi memasyarakatkan pemikiran Islam dan kefahaman tentang modenisasi. Institut tersebut menekankan wajah MBI yang dipopularkan sejak awal pemerintahan PAS di Kelantan.

Penubuhan institut itu menggambarkan komitmen berterusan kerajaan negeri bagi memperkasakan pendekatan Islam yang mengutamakan penerokaan ilmu-ilmu baru.

Oleh itu kewujudan IPTG perlu dimanfaatkan sebaik mungkin oleh rakyat Kelantan bagi memastikan ada kesinambungan kepimpinan yang dirintis Tok Guru.

Setidak-tidaknya dapat membuka ruang penyelidikan dan kajian bagi institusi pengajian tinggi yang terdapat di Kelantan seperti Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, kampus kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM), Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kolej Pengajian Tinggi Mara dan Politeknik Kota Bharu.

Selain itu, di Kelantan juga terdapat kolej swasta antaranya Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kolej Teknologi Darulnaim (KTD), Universiti Tun Abdul Razak (Unitar), Kolej Islam Sains dan Teknologi (KIST), Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan (PTPL), Universiti Lim Kok Wing, Masterskill Global College Kota Bharu Metro Campus, Cosmopoint International College of Technology, Pusat Pengajian Tinggi Pondok dan Asia Pacific Flight Training Sdn Bhd (APFT).

Kelahiran begitu banyak institusi pengajian tinggi menggambarkan suasana kondusif yang ada di Kelantan.



Malah Kelantan terkenal sebagai pusat pengajian agama sejak zaman lampau sehingga dikenali sebagai Serambi Mekah.

Tanpa adanya elemen-elemen seperti itu sudah tentu Kelantan tidak menjadi pilihan bagi IPTS mengembangkan operasi di sini. Komitmen berterusan kerajaan negeri memartabatkan pendidikan memberi ruang kepada penduduk tempatan dan rakyat luar Kelantan meneruskan tradisi menuntut ilmu di sini.

### Berlainan parti politik

Memimpin sebuah negeri yang berlainan parti politik dengan kerajaan Pusat memberikan pengalaman yang berbeza kepada PAS di Kelantan. Selain layanan yang berbeza diterima berbanding negeri-negeri lain, ada isu-isu tertentu Kelantan terpaksa menggunakan saluran perundangan bagi mendapatkan hak.

Contoh yang paling jelas ialah tuntutan royalti petroleum Kelantan terhadap kerajaan Pusat dan Petronas. Perjanjian bagi mendapat royalti lima peratus yang ditandatangani pada tahun 1975 selepas diwujudkan Akta Petroleum antara kerajaan Kelantan dan Petronas sehingga sekarang tidak dilangsangkan.

Kerajaan negeri dan kumpulan pendesak Royalti di Kelantan telah melaksanakan pelbagai usaha dan tindakan bagi mendapatkan hak tersebut. Pendekatan yang berbeza diambil termasuk bersemuka dengan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Razak dan Petronas. Dari satu sudut, walaupun ia dilihat tindakan kurang popular,

namun realiti konsep federalisme memerlukan tindakan berani yang diyakini mampu memberikan manfaat kepada rakyat.

### Pertemuan antara MB dan PM

Pertemuan dengan Perdana Menteri merupakan satu peristiwa bersejarah bagi Menteri Besar biarpun baharu memegang jawatan tersebut. Ini kerana dalam "real politic" Malaysia hari ini, politik kepartian yang kuat boleh menyukarkan pemerintahan sesebuah kerajaan.



Apa pun langkah yang diambil itu dilihat mampu meredakan ketegangan suhu politik negeri dan Pusat untuk memberikan kebaikan kepada rakyat. Pada pertemuan tersebut, Menteri Besar dilihat tidak sesekali menggadaikan prinsip perjuangan walaupun terpaksa merintis usaha baru bagi mendapatkan hak.

Perjumpaan rasmi Menteri Besar dan Perdana Menteri merupakan suatu pertimbangan baru setelah Kelantan bertukar pucuk pimpinan. Ia mungkin membuka sedikit ruang untuk meluahkan kepada ketua kerajaan di peringkat Persekutuan untuk menyelesaikan segala permasalahan dan isu yang telah lama tertunda.

Selain itu, pada pertemuan tersebut juga kerajaan Kelantan menyatakan hasrat mahu melaksanakan undang-undang syariah di mana perundangan Islam mahu diletakkan pada posisi hadapan. Kelantan mahu kerajaan Pusat memberi ruang bagi membolehkan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II dapat dilaksanakan melalui mekanisme demokrasi.

Kesungguhan kerajaan negeri di bawah kepimpinan baru juga dapat dilihat apabila meluluskan peruntukan sebanyak RM1 juta bagi melaksanakan kemudahan infrastruktur hudud tahun 2014. Kerajaan negeri pasca Tok Guru menunjukkan kesungguhan bagi membolehkan kemudahan awal disediakan secara lebih agresif.

Keperluan prasarana yang kondusif termasuk penerangan, pendidikan dan latihan kehakiman syariah dapat diperkasakan lagi. Kerajaan negeri juga menganjurkan lawatan sambil belajar ke Brunei, Aceh dan negara-negara Arab bagi melihat dari dekat pengalaman negara terbabit melaksanakan perundangan syariah.



## Pembangunan ekonomi

Ditinjau dari aspek perkembangan ekonomi, pelaburan projek baru di bawah Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER) bernilai lebih RM100 juta yang disuntik diharap dapat memberi peluang penduduk meningkatkan taraf ekonomi mereka.

Selain itu, usaha membentuk jaringan pelaburan Islamik dengan negara-negara di Timur Tengah menjadi pelopor kepada pasaran baru produk-produk tempatan bagi menembusi pasaran antarabangsa.

Ketika perbahasan penggulungan persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) tahun lepas, Menteri Besar mengutarakan rancangan membina rangkaian makanan halal di Kelantan.

Rancangan mewujudkan hab halal mampu membuka ruang dua hala antara Kelantan dan pelabur luar dari Timur Tengah. Menteri Besar juga melontarkan rancangan penubuhan Sekretariat Hubungan Kelantan-Arabian Countries. Pelbagai sektor industri turut diberi tumpuan antaranya kepakaran dalam industri pendidikan, minyak, gas dan pelancongan Islam.

Pelancongan merupakan antara hasil utama negeri yang menyumbang hampir RM2 bilion setahun. Sempena Tahun Melawat Malaysia 2014, Kelantan merebut peluang menarik lebih ramai pelancong sesuai dengan kedudukan sebagai pintu masuk utama pelancong dari Thailand.

Kejayaan itu dapat dilihat dalam tempoh tiga bulan pertama pada tahun 2014, Kelantan berjaya menarik seramai 1.2 juta pelancong tempatan dan asing.

Kerajaan Kelantan melalui Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan, Mejar (B) Dato' Md Anizam Abd Rahman sentiasa berusaha memperkayakan lagi produk pelancongan di Kelantan.

"Kegiatan kebudayaan seperti makyong dan wayang kulit boleh dipersembahkan sebagai produk pelancongan jika menyerapkan unsur mendidik rakyat dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam," kata Ustaz Ahmad.

Kerajaan negeri pernah mengharamkan persembahan wayang kulit kerana mempunyai unsur-unsur syirik, khayal dan pemujaan. Bagaimanapun pengharaman itu

ditarik balik selepas persembahan wayang kulit versi baru diperkenalkan. Persembahan kebudayaan warisan itu dipastikan boleh mendidik dan memberi pengajaran kepada rakyat menggantikan jalan cerita yang tidak berpijak di bumi nyata.

Ustaz Ahmad meneruskan perancangan pembangunan yang direncanakan Tok Guru. Pembangunan sedia ada dipastikan dapat berjalan lancar.

Perkembangan pembangunan ekonomi dilihat semakin pesat dengan kehadiran lebih ramai pelabur ke Kelantan. Dari pusat perdagangan komersial di Lembah Sireh sehingga projek Kota Bharu Sentral di Tunjong, perubahan fizikal dapat dilihat dengan jelas.

Oleh itu tohmahan yang menyatakan Kelantan sebuah negeri yang mundur dan tidak membangun sekadar mainan politik bagi menafikan usaha dan kejayaan kepimpinan PAS. Kelantan seharusnya menjadi contoh sebagai sebuah negeri yang mempunyai kekuatan dalam menghayati falsafah federalisme.

Setiap kali berlangsung pilihan raya, pemimpin kerajaan Pusat menawarkan pelbagai projek dan pembangunan. Namun rakyat tetap memilih untuk mengekalkan kerajaan sedia ada. Inilah keunikan yang ada pada rakyat Kelantan. Mereka menimba pengalaman di kampus universiti politik yang diasaskan oleh Tok Guru sejak 1990.

Hasil didikan dan pengalaman itu berupaya mendidik jiwa rakyat Kelantan sehingga mereka menjadi tahan lasak diuji di medan pilihan raya. Oleh itu, walaupun kepimpinan negeri bertukar tangan, namun proses tarbiyah perlu diteruskan bagi melahirkan masyarakat Rabbani.

Apa lagi yang diharapkan rakyat selain daripada pemimpin yang menjiwai nilai ketuhanan, yang tidak hanya terpesona dengan kuasa dan harta. Ustaz Ahmad meneruskan agenda Membangun Bersama Islam (MBI) beriringan dengan matlamat Mardhotillah.

\*\*\* Penulis merupakan pelajar PhD USM, kajian bidang Sains Politik dan kini bertugas sebagai pensyarah.

# Peranan kolektif Pembangkang di DUN Kelantan

Oleh Aslani M

Benarkah demokrasi di Malaysia belum mampu memperlihatkan peranan pembangkang sebagai 'check and balance' terhadap kerajaan? Sebelum ini suara pembangkang seperti disenyapkan, biarpun ada asas kerajaan *u-turn* (turning back) terhadap sesuatu dasar yang dianggap boleh memberi kesan negatif terhadap rakyat.

Sedangkan semua pihak bersetuju kewujudan pembangkang menepati konsep 'check and balance' di mana pembangkang berperanan memantau pelaksanaan dasar kerajaan. Sebab itulah peranan pembangkang dianggap teras dalam sistem demokrasi.

Sistem demokrasi dilihat lebih subur dengan kewujudan pembangkang apabila pembangkang berperanan mengikut keabsahan ruang lingkup perlembagaan sesebuah negara atau negeri. Sebaliknya dalam banyak situasi di negara kita, peranan pembangkang diberi gambaran seperti suatu ancaman kepada kerajaan. Ia berlawanan dengan peranan sebagai ejen 'check and balance' dalam ruang lingkup sistem demokrasi berparlimen.

Norman Wilding dalam bukunya "An Encyclopedia of Parliament" menyatakan, kebiasaannya pembangkang diketuai oleh Ketua Pembangkang yang berada di barisan hadapan dan sebelah kiri Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) atau parlimen.

Parti pembangkang yang menguasai kerusi terbanyak akan mengisi kedudukan itu. Bagi pihak yang meremehkan peranan pembangkang, cuba semak apa yang disenaraikan di bawah Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Peraturan 4A (3) dan (4).

Ketua Pembangkang membawa maksud ketua kumpulan bagi pihak pembangkang. Kehadiran pembangkang sebenarnya memperkukuhkan konsep 'majority rule and minority right' di mana hak minoriti perlu dilindungi.

Pembangkang juga harus dilihat berfungsi sebagai kerajaan alternatif. Sebab itulah pembangkang di Malaysia pernah mengemukakan kabinet bayangan pada tahun 2008 sebagai usaha bagi menepati peranan tersebut.

Parlimen atau DUN lazimnya bersidang tiga kali setahun, kebiasaannya pada setiap Mac, Jun dan akhir tahun (belanjawan). Tempoh persidangan mesyuarat parlimen adalah sekitar 70 hari setahun, namun di Britain dan Australia parlimen bersidang selama 150 hari setahun.

## Dewan Undangan Negeri Kelantan

Sebelum melihat dari dekat peranan pembangkang di DUN Kelantan, elok difahami apa peranan dan fungsi DUN. Keahliannya mesti dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya.

DUN berperanan sebagai tempat menggubal dan meluluskan rang undang-undang berkaitan perkara di bawah senarai negeri dan senarai bersama. Selain itu sebagai tempat membahas serta meluluskan belanjawan negeri serta titah ucapan Diraja dan meminda undang-undang.

Keistimewaan Parlimen atau DUN di mana prosiding berlaku dalam dewan tidak boleh dipersoal atau didakwa di mahkamah. Speaker pula boleh dilantik dalam kalangan ahli dewan atau bukan ahli dewan. Di Kelantan pada penggal ke-13, Speaker dilantik bukan kalangan ahli dewan iaitu Dato' Abdullah Ya'kob, yang juga bekas wakil rakyat DUN Air Panas. Tugas Speaker antara lain ialah mempengerusikan persidangan, mengawal ahli dewan, mengenakan tindakan disiplin, menjadi jurucakap DUN dan memaklumkan kekosongan kerusi dewan.

DUN Kelantan juga pernah mencatat sejarah pada penggal kelapan, di mana tidak mempunyai seorang pun wakil pembangkang beberapa bulan selepas Angkatan Perpaduan Ummah memenangi Pilihan Raya Umum 1990.

Bagaimanapun tidak lama selepas itu, dua bekas anggota DUN Semangat 46 menyertai Barisan Nasional (BN) iaitu Nordin Salleh (Sungai Pinang) dan Wan Najib Wan Muhamad (Limbongan).

Pada penggal ke-10, sekali lagi DUN Kelantan hanya mempunyai dua wakil rakyat pembangkang iaitu Dato' Nozula Mat Diah (Paloh) dan Saupi Deraman (Galas). Manakala bilangan anggota pembangkang paling ramai dalam sejarah DUN Kelantan ialah pada penggal ke-11 di mana BN mempunyai seramai 21 ADUN, manakala kerajaan pula seramai 24 ADUN.

Bagaimanapun selepas berlaku Pilihan Raya Kecil DUN Pengkalan Pasir pada tahun 2005, BN berjaya merampas kerusi tersebut melalui Dato' Hanafi Mamat dengan menewaskan Dato' Hanifa Ahmad dari PAS.

Berikutan perkembangan itu, DUN Kelantan hanya dipisahkan oleh satu kerusi antara pembangkang dan kerajaan. Situasi serupa juga berlaku di Perak pada penggal ke-12 di mana terdapat perbezaan tiga kerusi DUN sahaja di antara pembangkang dan kerajaan.

Sejak penggal kelapan, kerusi Speaker DUN Kelantan didominasi wakil daripada PAS. Pada penggal kelapan, Speaker DUN Kelantan ialah Dato' Omar Mohamed. Penggal kesembilan sehingga ke-11 pula, Dato' Wan Abdul Rahim Wan Abdullah. Manakala Speaker pada penggal ke-12 iaitu Dato' Nassuruddin Daud dan penggal ke-13 (Dato' Abdullah Ya'kob).

## Peranan pembangkang

Jawatan ketua pembangkang DUN Kelantan silih berganti sejak penggal kelapan sehingga sekarang. Antara ketua pembangkang DUN Kelantan ialah Saupi Deraman, Dato' Zainal Abidin Abdul Kadir, Dato' Seri Mustapa Mohamed, Tan Sri Annuar Musa, Dato' Mohd Alwi Che Ahmad dan sekarang Dato' Nozula Mat Diah.

Persidangan DUN Kelantan benar-benar rancak dan gamat pada penggal ke-11 ketika bilangan pembangkang dan penyokong kerajaan hampir sama bilangannya.

Ketika itu DUN Kelantan dipengerusikan oleh Dato' Wan Abdul Rahim. Suasana gamat persidangan DUN bermula sejak sesi awal lagi. Ketika agenda pelantikan Speaker, pembangkang mengemukakan nama Dato' Hassan Harun sebagai calon Speaker bagi pihak BN, manakala PAS pula menamakan Dato' Wan Abdul Rahim. Kelebihan dua undi memenangkan Dato' Wan Abdul Rahim untuk sekali lagi dilantik sebagai Speaker DUN Kelantan.

Pengalaman yang dimiliki oleh Wan Abdul Rahim membolehkan beliau mengendalikan persidangan DUN dengan lancar biarpun sering kali berlaku perdebatan yang hangat. Sepanjang tempoh itu, kerajaan negeri tidak mengemukakan sebarang rang undang-undang yang melibatkan pindaan Undang-Undang Tubuh Negeri (Perlembagaan Negeri) kerana ia memerlukan sokongan dua pertiga.

Sepanjang tempoh hampir 24 tahun sejak 1990, kehangatan persidangan DUN Kelantan benar-benar terasa ketika barisan pembangkang diketuai oleh Annuar Musa. Kepetahannya berpidato dan kemampuan untuk membangkitkan isu menyebabkan pihak kerajaan terpaksa bekerja keras bagi menjawab setiap persoalan yang ditimbulkan.

DUN Kelantan turut mencatat sejarah apabila dua penggal diwakili oleh seorang menteri kabinet yang berada di kerusi pembangkang yang mana Mustapa juga merupakan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Beliau menang di kerusi DUN Air Lanas pada Pilihan Raya Umum 2004 dan 2013 untuk melayakkannya berada di DUN Kelantan.

Pada penggal ke-11, Mustapa pernah berada di kerusi ketua pembangkang sebelum bertukar kepada Annuar. Dan sekali lagi pada penggal ke-13, Mustapa kembali ke DUN Kelantan selepas menang kali kedua di DUN Air Lanas.

Selain Mustapa, barisan pembangkang turut dibarisi Yang Berhormat (YB) Dato' Nozula mewakili DUN Paloh, Dato' Alwi Che Ahmad (Kok Lanas), Dato' Noor Zahidi Omar (Pengkalan Kubur), Dato' Ramzi Abdul Rahman (Dabong), Dato' Abdul Aziz Derashid (Kuala Balah), Dato' Mohd Adhan Kechik (Bukit Bunga), Mat Yusof Abdul Ghani (Nenggiri) dan Abdul Aziz Yusof (Galas). Selain itu Zulkifle Ali (Selising), Bakri @ Mohd Bakri Mustapha (Gual Ipoh) dan Zawawi Othman (Semerak).

## Tanggungjawab kolektif pembangkang

Pada penggal lalu, barisan pembangkang telah diketuai oleh Mohd Alwi, namun pada penggal ke-13 beliau diganti dengan Nozula. Sepanjang sesi persidangan sebelum ini, Mohd Alwi dilihat memainkan peranan yang proaktif bagi membantu kerajaan negeri mempertingkatkan lagi urusan tadbir negeri. Kebolehannya berpidato dan mengutarakan isu banyak membantu kerajaan Kelantan menambah baik program yang dilaksanakan bagi manfaat rakyat.

Pengkaji sejarah Kelantan, Dr Mustafa Ahmad berkata, Mohd Alwi cuba memperlihatkan susur-galur keluarganya yang merupakan pengasas Sekolah Agama Rakyat di Ketereh. Kecenderungan itu dapat dilihat di mana setiap kali beliau mengambil bahagian berbahas tema-tema Islam dengan diselangi beberapa potong ayat al-Quran.

"Pada pandangan saya YB Alwi mampu mengikut rentak penyokong kerajaan di mana sebahagian besar mereka mampu berhujah bertapak ayat-ayat al Quran dan Hadis. Setidak-tidaknya jarak ketokohan yang ada pada Alwi tidak jauh berbeza dengan wakil-wakil rakyat PAS," katanya.

Selain Alwi, Mustapa juga tampil dengan gagasan besar bagi membawa perubahan fizikal di Kelantan kerana kedudukannya sebagai menteri kabinet. Biar pun kemahiran berpidatonya mungkin tidak setara Alwi atau Annuar pada sesi lepas, namun kehadirannya di DUN Kelantan diharap dapat membantu menyelesaikan



**N1 PENGKALAN KUBOR**  
Mat Razi Mat Ail



**N25 KOK LANAS**  
Datuk Md. Alwi Che Ahmad



**N27 GUAL IPOH**  
Bakri@Mohd Bakri Mustapha



**N29 SELISING**  
Zulkifli Ali



**N31 SEMERAK**  
Zawawi Othman



**N36 BUKIT BUNGA**  
Mohd Adhan Kechik



**N37 AIR LANAS**  
Datuk Seri Mustapa Mohamed



**N38 KUALA BALAH**  
Datuk Abdul Aziz Derashid



**N42 DABONG**  
Datuk Ramzi Ab Rahman



**N43 NENGGIRI**  
Mat Yusoff Abdul Ghani

masalah rakyat. Kesibukan sebagai seorang menteri membuatkan Mustapa kadang-kadang tidak kelihatan di DUN Kelantan.

Selain itu Noor Zahidi, Abdul Rashid, Adhan dan Ramzi juga sedikit sebanyak dapat membantu kerajaan negeri dalam melaksanakan tugas sebagai "check and balance". Mereka dilihat lebih matang ketika berhujah tanpa mempamerkan emosi berbanding Nozula, Mat Yusof, Bakri dan Zawawi. Ramai pemerhati politik melihat Nozula biarpun diberi tugas sebagai ketua pembangkang, namun belum mampu menyumbang idea menarik kepada kerajaan negeri.

"Kalau ada sedikit sebanyak pun ia tenggelam di sebalik emosinya ketika berucap. Telatah itu tidak mencerminkan sebagai seorang wakil rakyat yang matang biar pun berada di DUN Kelantan sejak tahun 1990. Malah dalam banyak keadaan, beliau seperti mempamerkan lawak sekadar untuk menghangatkan persidangan DUN," kata seorang pegawai kerajaan.

Samajuga fungsi di peringkat parlimen, di mana ADUN pembangkang turut dilantik menganggotai Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Kerajaan (Public Account Committee - PAC). Pelantikan Mohd Adhan dicadangkan oleh Menteri Besar, Ustaz Dato' Ahmad Yakob dan disokong oleh Timbalan Menteri Besar, Dato' Mohd Amar Nik Abdullah.

Lima lagi ADUN yang dilantik menganggotai PAC iaitu ADUN Tawang, Dato' Hassan Mohamood sebagai pengerusi, manakala ahli-ahlinya iaitu Wan Ubaidah Omar (Kijang), Mohamad Zaki Ibrahim (Kelaboran) dan Azami Mohd Nor (Kadok). Selain itu Dr Yusnan Yusof (Melor) dan Roslan Puteh (Guchil).

PAC berperanan bagi menyemak perjalanan kewangan kerajaan negeri dan agensi-agensinya, serta mengkaji Laporan Ketua Audit Negara dan perkara-perkara yang dirujuk ADUN-ADUN pada persidangan DUN.

### Kesimpulan

Kehadiran pembangkang di DUN Kelantan setidak-tidaknya melengkapkan peranan sebagai 'check and balance' kepada jentera pentadbiran kerajaan. Sebelum ini banyak tuduhan dan dakwaan melulu dihala kepada kerajaan negeri termasuk berlaku penyelewengan dan salah urus.

Namun segala dakwaan pembangkang sehingga kini belum dapat dibuktikan. Belum ada kes yang mampu menepati unsur-unsur 'prima facie' yang boleh diketengahkan ke mahkamah.

### Rujukan

<http://repo.uum.edu.my/3132/>  
<http://malaysianreview.com/15676/pembangkang-komponen-kerajaan-bukan-pengkhianat-berita-semasa/>



**N44 PALOH**  
Datuk Nozula Mat Diah



**N45 GALAS**  
Ab Aziz Yusoff





## Lebuh Raya Rakyat disulami konsep wakaf – Dato' Hanifa Ahmad

Oleh Yaakub Dasan Foto Ahmad Naime Muhammad



Ketika Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Pasir pada tahun 2005, tiba-tiba namanya muncul. Beliau menjadi sebutan ramai, malah hampir setiap hari muncul di dada-dada akhbar.

Ramai orang datang menemuinya. Ada yang datang merakam tahniah, membantu dan berkempen bagi pihaknya. Beliau juga keluar masuk kampung menemui penduduk di DUN Pengkalan Pasir. Beliau mewakili PAS bagi mempertahankan DUN Pengkalan Pasir berikutan kematian penyandanginya, Abdul Aziz Jaafar. Bagaimanapun beliau tidak bernasib baik ketika itu apabila DUN Pengkalan Pasir dirampas oleh calon Barisan Nasional melalui Dato' Hanafi Mamat.

Namanya tidak asing lagi dalam bidang pengurusan korporat di Kelantan. Beliau pernah menerajui Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) iaitu salah satu anak syarikat milik kerajaan negeri.

Sebelum itu Dato' Hanifa Ahmad dilantik sebagai Pengurus Damai Sdn Bhd, anak syarikat PKINK yang





*Dato' Hanifa memberi ucapan sempena Majlis Masuk Tapak Lebu Raya Rakyat*

bertanggungjawab membangunkan ladang di kawasan hulu Kelantan. Penglibatan Hanifa yang sinonim dengan gelaran Abe Par dalam politik sebenarnya bukan sebagai pendatang baru.

### **Keluarga politik**

Pada Pilihan Raya Umum 1978 ketika kerajaan PAS tumbang di Kelantan, Hanifa bertanding di DUN Meranti mewakili Berjasa. Manakala abangnya, Daud Yatimee Ahmad pula menang di DUN Tok Uban juga atas tiket Berjasa. Berjasa membentuk kerajaan campuran dengan Barisan Nasional (BN) di Kelantan.

Kemenangan pada pilihan raya itu melayakkan Hanifa dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO), manakala Daud Yatimee pula dilantik sebagai Speaker DUN. Menteri Besar kerajaan campuran BN-Berjasa ialah Tan Sri Mohammad Yaacob.

Kerajaan gabungan Berjasa dan BN mentadbir Kelantan dalam tempoh 1978 sehingga 1982. Ketika itu Hanifa dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perancangan dan Ekonomi. Bagaimanapun selepas sepenggal berpakat dengan BN, akhirnya Berjasa kembali bersama PAS dan menumbangkan pula BN pada Pilihan Raya Umum 1990.

Hanifa ketika ditemui baru-baru ini berkata, penglibatan keluarganya dalam politik bermula daripada datuknya, Abdul Rahman Haji Daud yang pernah menjadi ADUN PAS di Rantau Panjang pada Pilihan Raya Umum 1959. Beliau mengalahkan Ismail atau Gelap Pakwel dari Parti Negara dan Nik Yusof Nik Loding dari Perikatan.

Penglibatan dalam politik kemudian diteruskan ayahnya, Haji Ahmad Yatim apabila dipilih mewakili PAS pada Pilihan Raya Kecil 1962, ekoran bapa mertuanya Abdul Rahman Daud meninggal dunia akibat serangan jantung. Ahmad Yatim juga pernah dilantik sebagai EXCO kerajaan negeri pada 1964-1969.

Penglibatan datuk dan ayahnya kemudian diteruskan Hanifa bersama abangnya. Malah keluarga isterinya juga merupakan pemimpin politik terkemuka yang pernah mengasaskan PAS di Kelantan iaitu Amaluddin Darus.

Isterinya Datin Zaharah Rosminah Amaluddin dan hasil perkongsian hidup mereka dikurniakan empat orang anak. Sebelum terlibat sepenuh masa sebagai ahli politik, Abe Par pernah berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik selepas menamatkan pengajian di Universiti Malaya dalam bidang ekonomi pada tahun 1969.

### **Pengalaman**

Berdasarkan pengalaman itu, Abe Par tidak kekok untuk menjalankan tugas baru yang diamanahkan. Kini beliau kembali semula sebagai anggota EXCO kerajaan negeri. Kali pertama beliau mewakili DUN Pengkalan Pasir pada Pilihan Raya Umum 2008.

Sekarang beliau dilantik mempengerusikan portfolio Kerja Raya, Infrastruktur, Utiliti dan Teknologi Maklumat. Ketika ditanya misinya selepas kembali sebagai anggota EXCO kerajaan negeri, Abe Par berkata, beliau berusaha meningkatkan lagi perkhidmatan kepada rakyat. Selain melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan di bawah

portfolio Kerja Raya, Infrastruktur, Utiliti dan Teknologi Maklumat.

Beliau ditemubual di pejabat Pusat Khidmat DUN Pengkalan Pasir, Pasir Mas yang terletak di lot kedai Mini Stadium Pasir Mas. ADUN Pengkalan Pasir itu mempunyai beberapa kakitangan bagi membantu melancarkan khidmatnya kepada rakyat.

Tanpa berselindung pada pertemuan tersebut, Abe Par menyifatkan pelantikannya sebagai anggota EXCO merupakan satu amanah yang cukup besar terpaksa dipikulnya. Peluang tersebut sedaya-upaya cuba dimanfaatkan bagi merapatkan lagi hubungan antara kerajaan negeri dengan rakyat terutamanya menyelesaikan masalah di bawah portfolionya.

diangkat penghulu, pegawai, wakil rakyat atau Penyelia DUN," ujarnya.

Setiap tahun, kerajaan negeri memperuntukkan bajet dalam belanjawan negeri untuk membaiki dan membina jalan serta jambatan di seluruh daerah.

Mengenai projek bertaraf mega yang diusahakan kerajaan negeri iaitu membina Lebuhraya Rakyat yang menghubungkan Kota Bharu-Kuala Krai katanya, usaha itu dilakukan selepas diketepikan oleh kerajaan Persekutuan sejak Rancangan Malaysia Kelima (RMK-5) pada tahun 1986.

Tambahnya lagi, lebuhraya sepanjang 73 kilometer yang menghubungkan Kota Bharu-Kuala Krai merupakan keperluan mendesak.

Sedangkan di negeri-negeri lain pengguna terpaksa membayar tol apabila kenderaan menjejaki lebuhraya. Ditanya bebanan kewangan yang terpaksa ditanggung kerajaan negeri, Abe Par berkata, kerajaan membina lebuhraya bagi kemudahan rakyat dan bukan untuk berniaga.

**"Pembinaan lebuhraya tersebut sebenarnya berdasarkan konsep 'wakaf jalan.' Sehingga April 2014, sumbangan rakyat dan orang ramai dalam pelbagai bentuk berjumlah RM2.9 juta. Wang itu disimpan dalam Akaun Amanah Kerajaan Negeri di bawah Perbendaharaan. Kita boleh gunakan duit itu untuk membuat pelbagai keperluan rakyat termasuk membina jambatan di lebuhraya itu," jelas beliau.**



## Kerja raya

Menyentuh bidang tugas di bawah jawatankuasa kerja raya, Abe Par menyatakan, tanggungjawab utamanya adalah membina dan membaiki pulih jalan-jalan raya di bawah kerajaan negeri yang terdapat di Kelantan.

"Saya cuba pastikan supaya keadaan infrastruktur tersebut bertambah baik dan selesai kepada rakyat di seluruh jajahan. Begitu juga jalan-jalan kampung, jalan penggawa dan jambatan juga dipantau dari dekat supaya dapat memberi keselesaan kepada masyarakat. Mana-mana jalan kampung yang rosak akan dibaiki. Pertimbangan untuk menaik taraf dan membaiki jalan kampung dibuat berdasarkan kepada permohonan

"Lantaran itu Kerajaan Kelantan mengambil peranan tersebut untuk membina Lebuhraya Rakyat dari Machang ke Kuala Krai sepanjang 30km dengan anggaran sebanyak RM500 juta. Jumlah itu belum termasuk perbelanjaan pengambilan balik tanah milik rakyat yang terbabit dengan laluan," ujar beliau.

Menurut beliau, tender pembinaan lebuhraya Machang-Kuala Krai ditutup pada 24 Mac 2014 dan kerja-kerja pembinaannya dijangka dapat dimulakan pada akhir Mei atau awal Jun 2014. Beliau menjangka lebuhraya empat lorong tersebut dijangka siap dalam tempoh tiga tahun setengah.

Apa yang penting, pengguna tidak akan dikenakan sebarang tol.

Bagaimanapun laluan sepanjang 43km dari Machang ke Kota Bharu diserahkan kepada kerajaan Pusat untuk membinanya.

"Terpulang kepada mereka cara pembinaan yang akan dilaksanakan kelak. Cuma yang kita mahu ia mestilah disiapkan secepat mungkin bagi memenuhi keperluan rakyat," ujarnya.

## Infrastruktur dan utiliti

Selain projek menyediakan kemudahan asas untuk rakyat, Abe Par juga bertanggungjawab terhadap infrastruktur dan utiliti. Tumpuannya sekarang ialah projek pembekalan air bersih kepada pengguna di seluruh negeri.



**Dato' Hanifa menyampaikan sumbangan peribadi untuk tabung Lebuh Raya Rakyat**

Kerajaan negeri kini dalam proses terakhir migrasi projek bekalan air dengan Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB), agensi di bawah kerajaan Pusat.

"Sekarang proses migrasi masih dalam proses perundingan yang dijangka dapat dimuktamadkan pada Jun 2014. Kita percaya pihak PAAB akan menerima migrasi dengan terma-terma yang dipersetujui bersama.

Hasil migrasi, PAAB akan menyalurkan bantuan kewangan bagi membolehkan Air Kelantan Sdn Berhad (AKSB) melaksanakan pelbagai projek baru termasuk pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) dan menukar paip biasa kepada polypipe," ujarnya.

Katanya juga, LRA yang ada sekarang berupaya membekalkan air bersih sebanyak 450 juta liter padu sehari. Dan apabila projek LRA baru siap, bekalan air dijangka dapat ditingkatkan kepada 700 juta liter padu sehari.

Sekarang kira-kira 65 peratus penduduk Kelantan menggunakan air bersih yang disalurkan oleh AKSB, dan apabila siap projek baru yang dijalankan, pengeluaran air dijangka meningkat kepada 80 hingga 85 peratus jumlah penduduk.

Selain projek bekalan air bersih, tumpuan kerajaan negeri juga menjana

bekalan tenaga alternatif (hijau) bagi keperluan penjaan elektrik yang dikendalikan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Tambah Abe Parlagi, "antarausahayag dilakukan iaitu memperbanyakkan projek bekalan 'tenaga solar' di seluruh negeri. Sekarang, sebuah syarikat melaksanakan projek tenaga solar di Kampung Baru, Lubuk Jong, Pasir Mas berupaya memberi bekalan tenaga tambahan kepada TNB sebanyak 4 megawatt sehari. Projek tenaga solar tersebut dibina oleh syarikat swasta tempatan iaitu Komitmen Mantap di atas tapak seluas 18 ekar dengan kos kira-kira RM50 juta," katanya.

Abe Par juga berkata, kerajaan negeri menggalakkan mana-mana syarikat swasta terlibat dengan projek tenaga solar di Kelantan bagi meningkatkan bekalan tenaga alternatif kepada TNB. Kelantan juga menghasilkan tenaga alternatif melalui Empangan Pergau di Jeli.

### Teknologi Maklumat

Bercakap mengenai Teknologi Maklumat, Abe Par berkata, projek wifi untuk mengakses internet akan disediakan di 45 kawasan DUN di Kelantan sebagai usaha menggalakkan lagi penggunaan internet dalam kalangan rakyat.

Di samping itu wifi percuma juga akan disediakan di sekolah-sekolah Yayasan

Islam Kelantan (YIK) dan masjid-masjid terpilih di setiap jajahan.

"Kerajaan negeri berusaha mempermudahkan komunikasi antara rakyat menggunakan internet kerana kosnya lebih murah dan cepat," katanya. Malah beberapa tahun lalu kerajaan negeri juga membekalkan Ipad kepada setiap wakil rakyat bagi membantu memudahkan mereka melaksanakan tugas.

Kerajaan negeri juga mempunyai ICT Incubator Centre yang terletak di Kota Bharu Bazaar (KB Cyber). Syarikat tersebut mendapat status Multimedia Super Corridor (MSC) daripada Multimedia Development Corporation (MDC) pada 23 Mac 2010.

ICT Incubator Centre berperanan bagi membantu usahawan ICT tempatan. Pejabat ICT Incubator Centre yang terletak di tingkat dua KB Cyber itu dilengkapi kemudahan bilik mesyuarat, ruang pameran, tempat latihan dan kemudahan lain berkaitan perniagaan ICT.

Kelantan juga tidak ketinggalan memiliki saluran televisyen internet iaitu Radio Televisyen Kelantan (RTV) yang beroperasi di Kota Darulnaim dan juga Kelantan TV (KTV) yang dikendalikan oleh IT PAS Kelantan.

### Kesimpulan

**Abe Par berharap melalui pelbagai usaha, program dan perancangan yang dijalankan oleh kerajaan negeri membolehkan rakyat menikmati manfaatnya, biarpun berdepan dengan kekangan kewangan.**

Kelantan kini mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negeri-negeri lain. Sedangkan mereka tidak dianak tirikan oleh kerajaan Pusat. Kepayahan dan kesukaran membuat rakyat Kelantan lebih matang berpolitik.



## Evolusi Ukiran Merentasi Zaman Abdul Kadir warisi seni ukiran hulu keris

Oleh Rossem

Seni kraf mempunyai nilai estetika yang perlu dipertahankan. Kemahirannya jarang dimiliki orang kebanyakan. Tanpa ketekunan dan proses pembelajaran yang panjang, seni itu tidak mampu dikuasai. Di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang adalah negeri yang mempunyai pengukir dari turun-temurun.

Sejak dahulu lagi seni kraf memberi sumbangan besar kepada pembangunan sosio-ekonomi rakyat di Kelantan. Di tangan mereka bahan-bahan terbuang diolah menjadi produk berharga. Kesenian kraf tradisional sebagai satu warisan yang boleh dibanggakan.

Tanah liat, rotan, besi, tembaga, kayu, buluh dan pelbagai lagi diadun dengan kepakaran diwarisi akan menghasilkan produk bermutu tinggi. Hasil rimba, tanah liat di tepi sungai,

logam, kayu di hutan dan pelbagai lagi mampu ditukar wajahnya kepada seni yang menjadi kegilaan ramai. Tanah liat akhirnya bertukar kepada seramik, kayu menjadi kerusi, rotan dijalin menjadi bakul dan logam emas ditukar kepada gelang dan cincin.

Memandangkan kemahiran warisan lama semakin pupus, kerajaan mewujudkan Lembaga Kraftangan Malaysia (LKM) pada tahun 1973 sebagai usaha membangunkan semula industri berkenaan.

Kemudian pada 1 Oktober 1979, LKM bertukar pula kepada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia). Kraftangan Malaysia ditubuhkan di bawah Akta 222, Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979 sebagai sebuah badan berkanun.



Abdul Kadir Kailani Abdullah



*Peralatan membuat hulu keris*

Antara peranan Kraftangan Malaysia adalah meningkatkan kesedaran dan minat orang ramai terhadap penggunaan kraf tempatan, membangunkan produk berkualiti berorientasikan pasaran, menggalakkan pertumbuhan, memajukan industri kraf dan menyediakan tenaga terlatih.

Di Kelantan terdapat beberapa industri kraftangan yang diberi tumpuan bagi menyambung hayat seni tradisional terbabit. Antaranya perusahaan menenun kain songket menggunakan tangan serta alat-alat tradisional terus dipertahankan.

Penghasilan songket di Kampung Penambang, Jalan Pantai Cahaya Bulan (PCB) diberi wajah baru. Songket digunakan oleh golongan pembesar negeri dan negara. Ia dipakai bersama perhiasan emas dan perak pada majlis keramaian.

Begitu juga perusahaan batik yang mula diperkenalkan di Malaysia sejak tahun 1910 dan Kelantan merupakan negeri terawal mempelopori industri batik. Seni batik di Kelantan dikenali sebagai perusahaan mencanting batik, di mana sehelai kain putih dicorak dengan teknik mencanting bagi menghasilkan corak mengikut

inspirasi pelukis.

### Seni ukir

Tidak kurang penting industri kraf di Kelantan iaitu seni ukir kayu, emas, perak dan tembaga. Seni ukiran yang mashyur di Kelantan adalah seni ukir perak. Produk perak dan piuter yang terhasil diakui mempunyai kehalusan seni dan ketulenan rekabentuk.

Begitu juga ukiran kayu bagi menghasilkan keris mempunyai makna-makna tertentu seperti kapal, kepala burung dan pelbagai lagi. Perusahaan mengukir keris terdapat di Kampung Badang Jalan PCB, Peringat dan beberapa lagi tempat di Kelantan.

Industri pembuatan keris bermula dengan aktiviti menempa (membentuk) kepingan besi menjadi keris, parang, golok, badik, pisau dan pelbagai lagi mengikut tempahan pelanggan.

Kemahiran membuat keris meliputi seni tempa, seni ukir, seni pahat dan seni bentuk. Hulu keris diukir daripada kayu teras yang keras atau gading binatang. Keris dibentuk pelbagai corak dan rekabentuk yang unik di mana setiap ukirannya

mempunyai makna-makna tertentu.

Tempoh pembuatan sebilah keris mengambil masa yang agak lama berdasarkan ukiran-ukiran halus dan berseni berdasarkan kepada cita rasa pelanggan.

Kini, bilangan tukang yang mahir mengukir keris di Malaysia semakin berkurangan. Perusahaan seni kraf itu hilang begitu sahaja apabila tidak ada anak atau cucu yang berminat untuk meneruskan kesinambungan industri kraf keluarga.

Bagaimanapun antara pembuat keris yang masih ada sekarang iaitu Rusman yang dikenali sebagai May Keris tinggal di Kampung Banggol, Jalan PCB.

Selain itu tukang keris terkenal, Abdul Kadir Kailani Abdullah, 64 dan adiknya, Wan Rahim Abdullah kini menetap di Kedai Peringat. Mereka mewarisi kepakaran Che Ghani Long atau terkenal dengan panggilan Pakcik Mat Tanduk.

Seni membuat hulu keris terkenal di Peringat sejak tahun 1960-an. Industri seni membuat keris itu mula berkembang setelah Abdul Kadir membuka bengkel membuat hulu keris daripada tanduk kerbau.

Beliau meneruskan warisan mengukir hulu keris yang dipelajari daripada ayah tirinya, Mat Tanduk. Bengkel tersebut dibangunkan di hadapan rumahnya berhampiran Masjid Mukim Peringat, Kota Bharu. Beliau amat mengagumi seni ukiran sejak kecil lagi dan kecintaan itu semakin bercambah apabila beliau meningkat dewasa.

Walaupun bengkelnya tidak mempunyai sebaran papan nama, namun bagi peminat keris, bengkel tersebut sentiasa menjadi pilihan mereka untuk mendapatkan seni ukir keris.

Ketika wakil Qiadah berkunjung ke bengkelnya baru-baru ini kelihatan peralatan untuk membuat keris tersusun rapi bergantung di dinding. Di situlah Abdul Kadir bekerja seharian mencari rezeki dengan mengukir hulu keris, hulu pisau dan pedang.



Abdul Kadir atau akrab dengan panggilan Che Kar (Bakar) mula membuat kerja-kerja mengukir sejak zaman remaja lagi iaitu sekitar tahun 1970-an. Ketika itu bahan-bahan bagi menghasilkan hulu keris dibuat daripada tanduk kerbau. Tanduk diukir menyerupai burung bangau, buaya dan bentuk haiwan-haiwan lain.

"Bagaimanapun selepas sukar untuk mendapatkan tanduk kerbau, saya beralih kepada mengukir hulu keris, badik, pisau dan pedang menggunakan kayu teras. Saya tidak hanya setakat membuat hulu keris sahaja, kebiasaannya lengkap satu set termasuk keris serta sarungnya," ujarnya. Menurutnya kerja-kerja mengukir yang dijalankan lebih bersifat turun temurun daripada Mat Tanduk. Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.

Kayu yang sesuai dan berkualiti untuk membuat hulu keris ialah kayu kemuning. Di Malaysia terdapat berpuluh-puluh jenis kayu kemuning, namun antara yang terbaik ialah kemuning emas dan kemuning hitam.

"Kemuning emas bila disapu cat kayu, warnanya menyerupai warna emas. Harganya sekali ganda dengan kayu kemuning limau dan kemuning batu. Kemuning hitam juga boleh tahan dari segi kecantikan dan ketahanannya," ujar beliau.

Pembuatan keris yang diusahakan oleh Che Kar bergantung kepada kehendak dan citarasa pelanggan. Di antara pelanggannya termasuk istana Negara Brunei Darussalam, pembesar dari negeri-negeri di Malaysia dan peminat keris tempatan.

Bercakap mengenai pasaran untuk seni ukir kerisnya, bagi Che Kar ia tidak menjadi masalah. Malah dengan hasil kemahiran kerja tangan itulah beliau dapat membesarkan anak-anaknya. Che Kar juga memberitahu beliau tidak mengukir sesuka hati bentuk hulu keris. Beliau tetap berpegang kepada etika ketika bertukang menghasilkan hulu keris agar tidak menyerupai bentuk rupa

binatang seperti kepala burung, ular dan sebagainya. "Berdosa mengukir wajah menyerupai haiwan-haiwan," katanya.

Bagaimanapun setiap bentuk atau imej ukiran pada hulu keris yang dihasilkan tersirat maknanya yang tersendiri. Misalnya imej di hadapan hulu keris itu membawa maksud seperti orang sedang berdiri solat (qiam), manakala hulu keris yang tampak seperti orang membongkok menggambarkan seseorang sedang rukuk.

Bahagian hulu keris biasanya berukuran sepanjang lebih kurang 15sm, direka dalam keadaan membengkok di bahagian tengah untuk memudahkan pemiliknya memegang.

Bahagian hulu diukir dengan tangan sepenuhnya, mempunyai nilai estetika Melayu yang tinggi. Ada juga diperbuat daripada perdu atau tunjang kayu kemuning, tegor, tempinis, sena, celagi, petai belalang, boai, kayu lebang, kayu hitam, gading gajah, tanduk binatang, gigi ikan paus, emas, perak, besi dan kemor (sejenis batu karang).

Hulu keris diberi pelbagai nama antaranya Anak Ayam Teleng, Anak Ayam Sejuk, Jawa Demam, Kakak Tua, Tapak Kuda, Pekaka, Awan Larat, Bunga Tebuk, Ketam Guri dan bentuk fauna. Bidang ini perlu dijiwai dengan sabra dan tenang kerana ukiran sebenarnya adalah haluan hati pengukir ketika bekerja.

### Tradisi Melayu lama

Pada zaman lampau keris merupakan senjata yang digunakan oleh masyarakat Melayu tradisional bagi tujuan mempertahankan diri dan melawan musuh.

Bagi masyarakat Melayu lama, setiap individu mempunyai sekurang-kurangnya sebilah keris sebagai senjata untuk mempertahankan diri.



Keris merupakan senjata pendek yang digunakan 800 tahun lampau. Senjata itu boleh didapati di kawasan yang didiami oleh ramai penduduk Melayu seperti di Malaysia, Indonesia, Singapura, selatan Thailand, selatan Filipina, kepulauan Mindanao dan Brunei Darussalam.

Penggunaan keris cukup popular pada era pemerintahan Kesultanan Melayu di mana ia digunakan oleh pendekar, pahlawan serta pembesar istana.

Namun ia masih lagi menjadi simbol kebesaran raja-raja sebagai lambang kekuasaan atau kedaulatan diraja. Antara keris yang menjadi senjata diraja ialah Keris Pendek, Keris Panjang Emas dan Keris Taming Sari.

Keris mempunyai dua belah mata, melebar, di pangkal dan tirus dihujungnya serta tajam. Terdapat juga mata keris yang lurus dan lengkokan dengan kecantikan pamor serta hulunya.

Senjata tersebut merupakan lambang kedaulatan orang Melayu dan yang paling masyhur ialah Keris Taming

Sari yang pernah digunakan oleh Laksamana Hang Tuah berdasarkan kepada lagendanya yang tersurat.

Menurut sejarah, asal-usul keris datang dari Kepulauan Jawa dan digunakan antara abad ke-9 dan abad ke-14. Sang Guna pula merupakan orang pertama yang membuat keris tempa panjang berukuran tiga jengkal pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah di Melaka.

Bagi mempertahankan nilai seni ukiran keris yang semakin lapuk dek zaman, usaha memupuk minat di kalangan generasi baru perlu diterapkan di peringkat sekolah lagi agar warisan tersebut terus berdiri kukuh tidak ditelan zaman.



# PUSAT LATIHAN DARUL DIGITAL

Kursus Soft Skill, Pengurusan, IT & Multimedia

Darul Digital Multimedia Solutions Sdn Bhd (Darul Digital) adalah merupakan sebuah pusat latihan yang menawarkan kursus – kursus dalam bidang Soft skill / Pengurusan, IT dan Multimedia. Darul Digital juga diiktiraf sebagai pusat bertauliah untuk Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan juga penyedia latihan kategori A bagi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).

## SENARAI KURSUS YANG DITAWARKAN :

- ➔ Bengkel Perancangan Strategik
- ➔ Bengkel Keselamatan Pekerja
- ➔ Kursus Pengurusan Kewangan
- ➔ Kursus Tanggungjawab Majikan
- ➔ Bengkel Khidmat Pelanggan
- ➔ Seminar Motivasi Cemerlang
- ➔ Kursus Pengurusan Hartanah
- ➔ Kursus Pemasaran Berkesan
- ➔ Kursus Akta Kerja & Perundangan Perusahaan
- ➔ Kursus Pengurusan Majlis, Protokol & Etik Sosial
- ➔ Kursus Microsoft Office
- ➔ Kursus Pembangunan Laman Web
- ➔ Kursus Penyelenggaraan Komputer
- ➔ Kursus Animasi
- ➔ Kursus Suntingan Video
- ➔ Kursus Adobe Photoshop
- ➔ Kursus Adobe Illustrator
- ➔ Kursus Fotografi



### Perkhidmatan Lain :

- Rakaman dan suntingan video
- Rekabentuk grafik & percetakan
- Penerbitan video korporat / montaj / klip
- Sokongan teknikal IT
- Pembangunan laman web dan sistem serta pentadbiran server.

### Maklumat lanjut, hubungi :

Darul Digital Multimedia Solutions Sdn Bhd,  
 Lot 3-14, Tingkat 3, KB Cyber Plaza, Jalan Hamzah,  
 15150 Kota Bharu, Kelantan  
 Tel : 09-747 3800 | Faks : 09-747 3801  
 Laman web : [www.daruldigital.com.my](http://www.daruldigital.com.my)  
 Emel : [info@daruldigital.com.my](mailto:info@daruldigital.com.my)



JALAN MASUK KE LADANG PANGGONG LALAT



PUSAT PENGUMPULAN HASIL SAWIT DI PANGGONG LALAT



ACARA TAHUNAN PMBKS : MAJLIS SAMBUTAN HARI JADI STAFF PMBK SAWIT BULAN JAN - MAC PADA 01 APRIL 2014



قمبرك ساويت سنديريان برحد  
**PMBK SAWIT SDN. BHD.**

(DIMILIKI SEPENUHNYA OLEH PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN)



# KELANTAN GOLD TRADE SDN BHD



دينار ددان دیر هم مات واغ شریعة

DINAR DAN DIRHAM MATAWANG SYARIAH

**GUNAKANLAH DINAR DIRHAM**  
dalam muamalat harian

## KEGUNAAN DINAR DIRHAM

- Urusan jual beli
- Urusan Pembayaran
- Simpanan pendidikan masa depan
- Pembayaran zakat fitrah dan harta
- Menunaikan umrah, Haji dan melancong ke luar negara



**KELANTAN GOLD TRADE SDN BHD**  
\*dulunya lebih dikenali sebagai Kelantan Golden Trade Sdn Bhd  
"menupakan anak syarikat dan dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)"

Lot 3-14, Tingkat 3 KB BAZAR, Jalan Hamzah  
15050 Kota Bharu, Kelantan

Tel. :- +609 744 1901 Faks ; +609 744 1902

e-mail : marketing@kgt.com.my web : www.kgt.com.my



TEMPAHAN ONLINE & MAKLUMAT LANJUT :

[www.kgt.com.my](http://www.kgt.com.my)



<https://www.facebook.com/kelgoldtrade>

**UNTUK DI HUBUNGI**

**En. Adnan : 019-665 8557 | En. Najah : 010-928 9642**



# TOK GURU KOB ditahan di bawah ISA

Oleh Nik Azman Nm & Asqolani M

Mungkin tidak ramai yang mengenali Allahyarham Tok Guru Haji Yakob Ishak. Agak berbeza berbanding dengan Abdullah Arshad (Pak Nik Lah).

Namun lingkaran sejarah kehidupan mereka hampir serupa. Sama-sama pernah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sebagai tahanan politik. Faktornya kerana memperjuangkan Islam. Inilah harga mahal sebuah perjuangan yang perlu dibayar oleh mereka.

Ternyata perjuangan mereka akhirnya dihargai. Kini keringat orang tua diwarisi anak-anak. Pak Nik Lah

meninggalkan perjuangan kepada anak lelakinya iaitu Dato' Mohd Amar Abdullah yang kini merupakan Timbalan Menteri Besar Kelantan.

Manakala usaha Tok Guru Haji Kob pula diwarisi oleh Ustaz Dato' Ahmad Yakob yang menggantikan Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai ketua kerajaan Kelantan.

## Latar belakang

Tok Guru Haji Kob dilahirkan di Kampung Kelong, Tumpat pada tahun 1912. Zaman remajanya dipenuhi dengan menuntut ilmu



agama yang membawanya sehingga ke Patani, Thailand. Beliau belajar di Patani dalam tempoh yang agak lama. Di sana beliau menekuni kitab-kitab tua merangkumi bidang Fiqah, Usul, Hadis, Nahu, Saraf, Tasawuf dan pelbagai lagi bidang ilmu.

Ketika itu ramai rakyat Kelantan berhijrah ke selatan Thailand kerana kesukaran mencari rezeki di bumi sendiri. Pendudukan British di Tanah Melayu juga menyebabkan amalan agama semakin terpinggir. Penjajah campur tangan terhadap pentadbiran kerajaan negeri.

Tok Guru Haji Kob menggunakan kesempatan itu untuk mencari ilmu agama di Patani yang terkenal sebagai pusat pengajian agama di nusantara pada masa itu melalui alim ulama yang begitu ramai di sana.

Ternyata nama Tok Guru Haji Kob sebaris dengan nama-nama besar tok guru-tok guru pondok di Kelantan ketika itu. Kembara ilmunya begitu panjang. Beliau juga pernah belajar di Pondok Tok Selehor dan Pondok Bunut Payong.

### Buka pondok

Menyedari kepentingan pendidikan dan tarbiyah menyebabkan Tok Guru Haji Kob membina pondok selepas kembali ke kampung. Beliau mahu mencurahkan segala ilmu di dada. Pondok tersebut dibina di Kampung Berangan pada tahun 1942 yang terletak kira-kira 25km daripada



bandar Kota Bharu dan 7km dari bandar Tumpat. Hasratnya bagi membolehkan penduduk tempatan menimba ilmu agama.

Pondok tersebut diberi nama Madrasah Yaakubiah atau lebih dikenali sebagai Pondok Berangan terletak tidak jauh daripada perkampungan Siam di Berangan. Ia dibina bersebelahan landasan kereta api ke Tumpat dan Wakaf Bharu. Tok Guru Haji Kob berpindah ke Kampung Berangan selepas berkahwin dengan gadis tempatan.

Beliau menggabungkan antara ilmu, amal dan iman sebagai asas kekuatan kepada pelajar-pelajar di pondok terbabit. Ketika pondok tersebut dibuka, gerakan menentang penjajah memuncak ditambah pula kedatangan Jepun ke Tanah Melayu.

Tok Guru Haji Kob dibantu oleh beberapa orang anak murid dalam mencurahkan usaha dan keringat bagi


menyebarkan ilmu agama kepada masyarakat. Pengorbanannya tidak sedikit apabila berdepan dengan mehnah dan tribulasi ketika usaha dakwah dilakukan.

Impiannya adalah untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dalam bidang agama dan sahsiah. Selain mengasuh mereka menjadi pemimpin dan melahirkan pelajar yang mampu menguasai kitab turath. Dan lebih penting lagi untuk melahirkan Muslim yang berwibawa dari segi akhlak dan ketrampilan.

Tok Guru Haji Kob turut berhasrat membentuk mukmin yang patuh kepada agama serta melahirkan Muslim celik al-Quran.

### Keluarga

Hasil pengkongsian hidup dengan Che Zainab Che Hussin, 85, mereka dikurniakan tujuh orang anak. Anak sulung, Asiah sekarang tinggal di



Mengkebang, Kuala Krai. Kedua, Ahmad, ketiga Habsah, keempat Kamariah seorang pendakwah, kelima, Faridah bertugas sebagai guru. Keenam, Hazrin seorang pensyarah perubatan di Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian dan ketujuh, Jalilah juga seorang guru.

Beliau sekarang tinggal bersama anak ketiga, Habsah di rumah asal Tok Guru Haji Kob di belakang surau Pondok Berangan, dan tidak jauh dari situ terdapat dua orang lagi anaknya yang tinggal berdekatan.

## Aktivis PAS

Tok Guru Haji Kob juga seorang yang aktif dalam politik. Perjuangan bagi mendaulatkan daulah Islamiah menjadi impiannya. Penglibatannya secara aktif dalam gerakan Islam menjadi ikutan kepada anak-anak muridnya. Beliau ternyata mempunyai pengaruh yang kuat. Bagaimanapun pembabitannya dalam politik dicurigai pihak pemerintah.

Ustaz Ahmad menceritakan, ekoran penglibatan aktif ayahnya bersama PAS menyebabkan pada suatu malam beliau didatangi "special branch" (SB). "Beberapa orang SB datang mencari ayah saya. Ketika itu ayah tiada di rumah. Puas mereka menggeledah di dalam dan luar rumah langsung tidak jumpa. Kami pun tidak tahu ayah berada di mana ketika itu."

"Anehnya selepas polis pulang, ayah tiba-tiba muncul di hadapan pintu. Ketika kami tanya ayah pergi ke mana tadi. Katanya beliau berada di kawasan kubur di sebelah pondok," kata Menteri Besar ketika berkongsi kisah lama ayahnya.

Ustaz Ahmad berkata, ayahnya seperti dapat mengesan lebih awal kedatangan SB ke rumah pada malam itu. Bagaimanapun keesokannya beliau datang ke balai polis.

Pada masa itu ramai tok guru pondok ditahan di bawah ISA. Tok Guru Haji Kob juga mengalami nasib serupa, beliau ditahan di bawah ISA di Batu Gajah selama 10 bulan. Tok Guru Haji Kob juga terkenal sebagai seorang yang warak dan kuat beribadat. Pondok yang dibina di sebidang tanah seluas lebih seekar kekal sehingga sekarang dan kini menjadi tumpuan pelajar dari merata tempat.

Beliau meninggal dunia pada tahun 1990 ketika berusia 78 tahun. Selepas Tok Guru Haji Kob tiada, pondok tersebut diurus oleh anak muridnya iaitu Tok Guru Haji Muhammad Ali yang lahir pada tahun 1948. Beliau juga dikenali sebagai Tok Guru Haji Mat kini menyambung usaha yang pernah dirintis Tok Guru Haji Kob dengan bertindak sebagai mudir.

Sistem pembelajaran yang diamalkan sekarang dikenali sebagai pengajian umum iaitu pelajar diberi kebebasan memilih mata pelajaran yang hendak diikuti. Juga kaedah pengajian nizami di mana pelajar mengikuti kelas mengikut tahap kemampuan mereka.

Kini, terdapat 40 buah rumah pondok bersaiz kecil didiami seramai 100 penghuni termasuk warga emas dan ibu-ibu tunggal. Pelajar sepenuh masa yang mendalami kitab pula seramai 40 orang termasuk pelajar yang berasal dari Kemboja.

Legasi Tok Guru Haji Kob kini diteruskan Ustaz Ahmad, namun dimensi perjuangannya lebih luas, bukan lagi sekadar sebuah pusat pengajian pondok, sebaliknya negeri yang bernama Kelantan.



# Pak Nik Lah jadi tahanan politik 1964

Oleh Nik Azman Nik Mustafa Foto Ihsan Arkib Badan Perhubungan PAS Kelantan

## Latar belakang

Haji Nik Abdullah Arshad dilahirkan di Kampung Panchor, Kemumin, Pengkalan Chepa pada tahun 1934 Masihi (1353H). Nik Abdullah mempunyai tujuh orang adik-beradik iaitu enam lelaki dan seorang perempuan. Bapanya Haji Arshad atau lebih dikenali dengan panggilan 'Tok Ayah Kedah' manakala ibunya, Raja Mariam Raja Daud. Nik Abdullah yang lebih mesra dengan Pak Nik Lah belajar agama melalui kitab jawi dan Arab daripada bapa saudaranya, Tok Guru Haji Daud Said. Beliau juga belajar al-Quran daripada abang-abangnya iaitu Mohd Zain (Ayah Wa), Mahmood (Pak Lang Mood) dan Abdul Rahman (Pak Da Man).

Ketiga-tiga abangnya dan Tok Guru Haji Daud yang mendorongnya supaya bersekolah. Berdetik dari situlah Pak Nik Lah menjejaki Sekolah Jami' Merbau di Kota Bharu. Pada tahun 1947 ketika masyarakat Melayu masih ketinggalan dalam bidang pendidikan Pak Nik Lah memasuki darjah satu. Ketika belajar di Jami' Merbau,

Pak Nik tinggal di Pondok Tok Guru Haji Abdullah Tahir di Bunut Payong. Setiap hari beliau terpaksa berulang-alik ke sekolah berjalan kaki sejauh kira-kira 3.8 km.

Di Pondok Bunut Payong, Pak Nik Lah menghafal kitab al-'rab yang dikarang Tok Guru Haji Abdullah. Ia sebagai syarat untuk membolehkannya terus menetap di pondok tersebut. Bagaimanapun Pak Nik Lah tidak dapat mengkhatamkan kitab al-'rab. Disebabkan kegagalan itu beliau terpaksa berpindah ke Surau Kampung Menuan (Pondok Ustaz Haji Shu'aib).

Pondok tersebut terletak tidak berapa jauh daripada Masjid Muhammadi. Pak Nik Lah belajar di Jami' Merbau setakat Thanawi Dua (darjah VIII) pada tahun 1957. Di Jami' Merbau beliau mempelajari kitab-kitab tua seperti Tafsir al-Jalalain, Tafsir al-Maraghi, Nahu Sharh Ibn Aqil, Tauhid al-Husunu al-Hamidiah, Hadis serta Balaghah.

Antara guru-gurunya ialah Ustaz Haji Abdul Rahman Daud al-Makki, Tok Guru Haji Mohd Noor Ibrahim, Ustaz Wan



Mahmud Wan Daud, Ustaz Abdul Hamid Taib, Ustaz Ismail, Ustaz Mohd Zain, Ustaz Ismail Yusuff, Ustaz Shuaibaun Daud, Ustaz Haji Nik Abdul Rahman, Ustaz Haji Mohamad, Ustaz Haji Hassan Idris dan Ustaz Azahari Melor.

Rakan-rakan seangkatan dengannya di Jami' Merbau pula ialah Haji Ramli, Haji Mohd Che Wook (bekas mufti Kelantan 1988-1990), Ustaz Nik Mustaffa, Ustaz Salahuddin Abdullah dan Ustaz Abdul Ghani Azmi.

Pak Nik Lah seorang pemuda yang baik dan peramah tetapi tegas dengan prinsipnya. Sikapnya suka merendah diri, namun berdisiplin tinggi.

### Tubuh sekolah agama

Setelah tamat pengajiannya di peringkat Thanawi II, beliau menumpukan usaha untuk menubuhkan sebuah sekolah agama rakyat di Panchor. Usaha gigih beliau tanpa mengira penat dan lelah akhirnya sekolah berkenaan berjaya diwujudkan pada tahun 1952. Pada peringkat awal hanya mempunyai 10 orang pelajar. Jumlah murid semakin bertambah dan pada akhir tahun 1952 bilangan

pelajar meningkat kepada 58 orang. Kebanyakan pelajar yang datang tidak kenal huruf.

Oleh itu Pak Nik Lah membuka kelas berasingan sesi pagi yang dikenali 'sekolah Melayu'. Sekolah itu merupakan yang pertama di Panchor dinamakan 'Sekolah Rendah/Melayu Panchor' pada tahun 1954. Pak Nik Lah berjaya mewujudkan dua sekolah ketika itu di Panchor iaitu Sekolah Agama/Arab Panchor dan Sekolah Rendah Melayu Panchor.

Disebabkan sambutan ibu bapa amat menggalakkan Pak Nik Lah menyerahkan Sekolah Rendah Melayu kepada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN). JPN kemudian menggabungkan Sekolah Rendah Panchor dengan Sekolah Rendah Beris Lanjut, sekarang dikenali sebagai Sekolah Kebangsaan Panji.

Pak Nik Lah mendirikan rumah tangga dengan seorang kerabat Diraja Kelantan iaitu sepupu Tengku Razaleigh Hamzah. Beliau berkahwin dengan Tengku Chik @ Tengku Rashidah Tengku Ibrahim pada tahun 1958. Hasil perkongsian hidup itu beliau dikurniakan 12 cahaya mata iaitu tiga lelaki dan sembilan perempuan.

Selepas mendirikan rumah tangga beliau meneruskan usaha dakwah dengan menyampaikan kuliah agama secara tetap di surau dan masjid di banyak tempat. Antaranya Masjid Kampung Jambu Chempaka (Panji), Masjid Pulau Belanga, Masjid Budi, Masjid Binjai dan Masjid Kedai Buluh. Manakala kuliah secara bergilir di Masjid Padang Lepar, Masjid Simpang Tiga Melawi, Bachok. Malah beliau menyampaikan kuliah agama sehingga ke Tanah Merah, Jeli dan Dabong. Di Kota Bharu, Pak Nik Lah menyampaikan kuliah di Dewan Zulkifli Muhammad, Pejabat Perhubungan PAS Kelantan sekiranya ketiadaan Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat.

### Menyertai PAS

Sebelum aktif bersama PAS, Pak Nik Lah pernah dilantik menjadi Ketua Penerangan UMNO cawangan Panji pada tahun 1958. Jawatan ini diberi kerana kepetahannya berpidato. Beliau seorang yang berani dan tidak ragu-ragu untuk menyatakan yang hak. Pak Nik Lah juga tidak teragak-agak mengkritik kerajaan sekiranya didapati sesuatu perkara itu bercanggah dengan peraturan agama. Beliau tidak lama bersama UMNO, malah pada tahun yang sama beliau menyertai PAS selepas didatangi oleh rombongan pemimpin PAS Kelantan yang diketuai oleh Dato' Asri Muda, Nik Mohd Adib, Haji Abdul Hamid Taib, Haji Abdul Rahman Sulong, Haji Latiff, Amaluddin Darus dan Ustaz Khaidhir Khatib.

Hasil pertemuan itu beliau menerima PAS kerana dasarnya bersesuaian dengan kurikulum sekolah agama yang diasasnya iaitu Madrasah Tarbiyah Mardiyah pada 1952.

### Calon pilihan raya

Pada Pilihan Raya Umum 1959, beliau bertanding buat

pertama kali mewakili PAS di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Bharu Pantai ketika berusia 25 tahun. Beliau ditentang oleh calon UMNO/Perikatan, Parti Negara dan PSRM. Bagaimanapun beliau menang dengan majoriti lebih 4,000 undi.

Kehadiran Pak Nik Lah di pentas PAS menyebabkan UMNO dan kerajaan Perikatan semakin gusar. Kelantangannya menyuarakan hak rakyat dan membongkar kezaliman kerajaan menyebabkan beliau sering diperhatikan. Akhirnya menjelang Pilihan Raya Umum 1964, beliau ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) atas alasan ketenteraman awam.

Beliau dibawa ke Kem Tahanan Politik Batu Gajah, Perak. Pak Nik Lah ditahan di situ sehingga pertengahan tahun 1965, sebelum dibebaskan tanpa syarat. Walaupun berada dalam tahanan, pengaruh dan ketokohnya tetap terserlah. Beliau tetap memenangi Pilihan Raya Umum 1964.

Pak Nik Lah juga mengekalkan kerusi tersebut pada Pilihan Raya Umum 1969 dan 1974. Semasa dalam tahanan, beliau berjinak dalam bidang penulisan di mana buku pertama yang dihasilkan bertajuk Falsafah 10 Rukun.

Melalui buku itu beliau mengemukakan hujah tentang pegangan hidup dan asas-asas penting perjuangan bagi mencapai kejayaan hidup yang diredhai Allah. Manakala buku yang keduanya bertajuk Angkara Kalbu Kota iaitu rangka ucapannya di Dewan Rakyat pada tahun 1987.

Ketika PAS dan UMNO bergabung membentuk kerajaan campuran selepas Pilihan Raya Umum 1974, Pak Nik Lah dilantik menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan. Pada Pilihan Raya Umum 1978, beliau mewakili PAS bertanding di DUN Sering. Ketika itu Sering dan DUN Manek Urai yang diwakili Haji Wan Abdullah Wan Su hanya mampu dipertahankan PAS.

Pada Pilihan Raya Umum 1982 beliau tidak bertanding. Selepas berehat sepenggal beliau bertanding pada Pilihan Raya Umum 1986 di kerusi Parlimen Pengkalan Chepa. Pada pilihan raya itu beliau menewaskan calon tajaan UMNO dari HAMIM iaitu Haji Wan Ismail Wan Ibrahim dengan majoriti 4,174 undi.

Pak Nik Lah berucap lebih dua jam pada ucapan sulungnya di parlimen pada tahun 1986. Beliau begitu dihormati dan disegani dalam kalangan pembangkang khususnya DAP sehinggakan mereka memanggilnya YB Pak Nik.

### **Pegang jawatan parti**

Pak Nik Lah pernah memegang beberapa jawatan penting dalam PAS termasuk Timbalan Pesuruhjaya PAS Kelantan dan Yang DiPertua PAS Pengkalan Chepa. Di peringkat Pusat pula beliau merupakan anggota jawatankuasa PAS Pusat merangkap Pengerusi Lajnah Kebajikan dan Masyarakat. Pada Pilihan Raya Umum Oktober 1990, Pak Nik Lah menang dengan majoriti 17,447 undi mengalahkan calon BN.



Beliau juga pernah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Pendidikan dan Dakwah Kelantan dan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) pada tahun 1990.

Ketika hayatnya beliau pernah memberitahu seorang anak muridnya iaitu Haji Sulaiman Tapang, "zaman kita hanya untuk tebas hutan assobiyah dan tanam benih Islam untuk bagi laluan kepada pemimpin akan datang."



# Kolam Air Panas Tok Bok

## catat suhu 42 darjah celsius

Oleh Atiff Zayyad Idris Foto Ahmad Naime Muhammad

Machang merupakan salah satu daripada 10 jajahan yang terdapat di Kelantan. Kedudukannya begitu strategik kerana terletak di tengah-tengah geografi negeri. Nama jajahan Machang dikatakan berasal daripada sejenis pokok buah-buahan.

Buah machang menjadi kegemaran ramai kerana bau harum dan rasanya manis. Pokoknya mudah membesar dan lebih subur di kawasan yang tanah berpasir. Bagi pokok yang berusia puluhan tahun boleh dijadikan perabot.

Terdapat enam daerah di Machang iaitu Labok, Pulau Chondong, Panyit, Pangkal Meleret, Ulu Sat dan Temangan.

Di bahagian utara jajahan Machang bersempadan dengan jajahan Kota Bharu, di timurnya pula jajahan Pasir Puteh dan di barat berjiran jajahan Tanah Merah. Manakala di selatan jajahan Kuala Krai. Jajahan Machang menjadi laluan utama ke Kuala Lumpur. Begitu juga pengguna jalan raya dari Jertih atau Pasir Puteh terpaksa melalui jajahan Machang untuk ke Jeli atau Gerik.

Hari ini Machang sudah jauh berubah. Ada laluan pintas dari Kota Bharu ke Kuala Krai menyebabkan Bandar Lama

Machang agak suram sedikit. Bagaimanapun dengan adanya kampus Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Bukit Ilmu, wajah Machang kembali ceria. Bandar Machang kini tertumpu di kawasan baru bersebelahan Sekolah Menengah Hamzah.

Machang juga terkenal sebagai pusat rekreasi alam semulajadi di Kelantan iaitu di Bukit Bakar dan Tok Bok. Di Bukit Bakar terletak stesen pemancar milik Telekom Malaysia Bhd. Di kaki Bukit Bakar mengalir air jernih di celah-celah batu. Machang juga satu-satunya jajahan yang memiliki kolam air panas yang terletak di tanah pamah sedangkan di Jeli dan Gua Musang kolam air panas terletak di kawasan berbukit.

### Sejarah

Mengikut sejarah orang tua-tua, 'mata air panas' muncul selepas seekor kerbau jerlus di kawasan tersebut. Air panas tiba-tiba muncul di kawasan jerlus tersebut selepas kerbau menggelumur. Air yang keluar dari kolam itu mencatat suhu di antara 38-42 darjah Celcius.

Kemudian penduduk meletak sebuah tong (drum besi) bagi menanda lokasi tersebut, bermula dari situlah



pengunjung datang. Malah kehangatan air boleh menjadi kaedah rawatan bagi penyakit tertentu. Hari ini ia menjadi antara pusat pelancongan tersohor di Kelantan.

## Lokasi

Kolam Air Panas Tok Bok juga dikenali dalam kalangan pelancong sebagai Tok Bok Hot Spring. Ia terletak di Kampung Rengas, daerah Labok. Kawasan tersebut kini dibangunkan semula oleh kerajaan negeri melalui Pusat Penerangan Pelancongan Negeri (TIC) dan MDM.

Kolam Air Panas Tok Bok merangkumi kawasan seluas hampir dua ekar. Bagi pelancong yang pertama kali mahu mengunjunginya, tidak sukar untuk menemui lokasinya. Ia terletak kira-kira 15km dari Bandar Machang, dan hampir 30 km dari Kota Bharu.

Terdapat papan tanda Kolam Air Panas Tok Bok di jalan utama Kota Bharu-Machang di Labok. Sekarang untuk sampai ke kolam air panas lebih mudah selepas kerajaan negeri membina jalan pintas Tok Bok-Selising, Pasir Puteh. Perjalanan dari simpang jalan raya Kota Bharu-Machang hanya mengambil masa kira-kira lima minit untuk sampai ke kolam air panas.

## Prasarana

MDM telah menaik taraf pusat rekreasi tersebut dengan menyediakan prasarana baru hasil kerjasama TIC bagi keselesaan pengunjung. Sebuah telaga asal dinaiktaraf dengan dilengkapi pancuran air. Selain itu turut dibina tiga kolam baru bagi mengasingkan pengunjung lelaki dan wanita.

Taman permainan kanak-kanak juga disediakan. Pokok asal yang rimbun dikekalkan sebagai tempat berteduh. Turut disediakan tandas atau bilik persalinan. Kemudahan lain yang dibina ialah musalla dan wakaf besar, di samping kedai-kedai makan berhampiran jalan masuk.

Kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM100,000 pada tahun 2013 bagi penyediaan kemudahan asas tersebut. Keindahan suasana alam sekitarnya yang menghijau, berbukit-bukau serta pemandangan sawah padi juga menjadi tarikan. Kedudukannya jauh dari hiruk-pikuk kesibukan kota sudah tentu memberi ketenangan kepada pengunjung.

"Kini ramai orang datang untuk berkhemah khususnya pelajar sekolah dan pusat pengajian pondok bagi menjalankan aktiviti luar mereka di sini. Ada juga ada Persatuan Cina datang dengan berbasikal untuk jungle tracking ke Bukit Chabang Tongkat. Di situ mempunyai air terjun Batu Hampar. Mereka kemudian singgah untuk bersantai di kolam air panas," kata Arif yang lebih dikenali sebagai Tok Ayah.

## Rekreasi keluarga

Seorang pengunjung Nik Kemaruzaman Nik Jaafar, 48, dari Kampung Sireh, Kota Bharu seolah-olah menjadikan



penduduk membina takungan bagi memudahkan mereka mengambil air panas di kolam yang digali.

Tanah tapak kolam air panas asalnya dimiliki oleh Penggawa Daerah Labok iaitu Haji Mohd Taib Ibrahim atau lebih dikenali sebagai Tok Yib.

Seorang penduduk tempatan Arif Ismail, 55, ketika ditemui berkata, "pada tahun 1950-an arwah Tok Yib membina berek di lokasi tersebut sebagai rumah tumpangan bagi membolehkan pengunjung bermalam. Ketika itu sudah ada pelancong dari luar termasuk Pulau Pinang, Terengganu dan Kedah datang ke kolam air panas tersebut. Tok Yib juga menyediakan beberapa ekor kuda untuk disewa kepada pengunjung mengelilingi kawasan itu dengan bayaran 20 sen," katanya.

Selepas dimajukan arwah penggawa, kolam air panas Tok Bok semakin dikenali ramai. Ramai pengunjung datang mandi di kolam tersebut terutamanya mereka yang menghadapi penyakit kulit, kerapu dan puru buta.

Malah ramai pesakit angin ahmar, gout, saraf dan sembab juga datang mandi serta berendam bagi memulihkan penyakit mereka. Ada kalangan mereka beberapa kali datang selepas mendapati penyakit yang dihadapi semakin pulih. Kebiasaannya ada yang berulang-alik lebih seminggu.

Bagaimanapun selepas arwah Tok Yib meninggal dunia, kolam air panas tersebut terbiar. Arif berkata, "selepas beberapa tahun kemudian penduduk tempatan dengan bantuan golongan belia mengambil inisiatif bergotong-royong membersihkan kawasan tersebut. Bermula dari situlah kolam air panas Tok Bok menjadi perhatian umum semula.

Pada tahun 1980, Majlis Daerah Machang (MDM) mengambil alih pengurusan kawasan rekreasi Tok Bok. Pembangunan semula itu menyebabkan lebih ramai



**Arif Ismail**

Kolam Air Panas Tok Bok sebagai rumah keduanya. Beliau sering berkunjung ke situ sejak tahun 1984 dengan motosikal.

“Tempat ini memberi ketenangan kerana sunyi dari kesibukan bandar. Di samping itu air kolamnya boleh menyegarkan badan. Adakalanya saya bermalam di sini. Penduduk tempatan di sini pun mengenali saya kerana kerap datang,” katanya yang juga seorang ahli perniagaan.



**Nik Kamaruzaman**

Nik Kamaruzaman juga memberitahu sebelum ini beliau bersama penduduk tempatan mengambil inisiatif bergotong-royong sebulan sekali membersihkan kolam dan kawasan sekitar. Dahulu jalan masuk ke kolam air panas melalui Kampung Jelutong, bagaimanapun selepas siap jalan baru melalui jalan Pangkal Kerdas perjalanan lebih mudah dan cepat.

Beliau juga mengakui air kolam di situ boleh menyihatkan badan khususnya mereka yang menghadapi penyakit angin ahmar dan penyakit kulit.



**Azizi Aziz**

“Saya ingat bermula tahun 2010 lokasi ini menjadi tumpuan orang ramai, bilangan pengunjung semakin bertambah khususnya pada hari cuti umum. Usaha pelbagai pihak termasuk kerajaan negeri menaik taraf kolam berbanding mula-mula saya menjejakkan kaki ke sini pada 1984. Saya gembira dengan perubahan yang berlaku walaupun perlu beberapa penambahbaikan lagi untuk kemudahan pengunjung khususnya jalan masuk dari simpang Tok Bok-Selising,” tambahnya.

Pasangan suami isteri keturunan Kemboja Roshid 38, dan Khatijah 30, juga menjadikan Kolam Air Panas Tok Bok sebagai destinasi mereka sekiranya mempunyai masa lapang. Beliau yang berhijrah ke Kelantan sejak lapan tahun lalu meluahkan teruja dengan penambahbaikan yang dilakukan oleh kerajaan negeri.

Katanya, “biarpun Kelantan mempunyai beberapa lokasi pelancongan alam semulajadi yang cantik, namun saya lebih selesa berkunjung ke Tok Bok memandangkan kolam air panasnya agak unik dan jarang ditemui di tempat lain. Airnya boleh menyegarkan badan yang letih selepas bekerja,” katanya.

## Masa hadapan

Majlis Daerah Machang menempatkan seorang kakitangan untuk menjaga kebersihan pusat rekreasi Kolam Air Panas Tok Bok. Azizi Aziz, anak jati Kampung Rengas berasa

kagum kerana terdapat lokasi pelancongan di kampung kelahirannya.

Katanya, “kolam air panas menyebabkan Tok Bok dikenali ramai sehingga ke luar Kelantan. Sejak di bangku sekolah rendah lagi saya menjadikan kolam air panas itu sebagai tempat mandi-manda dan bermain bersama rakan-rakan sekolah.”

Sambungannya lagi, “saya bekerja enam hari seminggu termasuk hari Jumaat bagi mengelakkan berlaku timbunan sampah-sarap. Bilangan pengunjung lebih ramai pada hujung minggu termasuk yang datang bersama keluarga untuk berkelah di sini.”

Kehadiran ramai pengunjung membolehkan penduduk tempatan menjalankan perniagaan kecil-kecilan bagi menjual makanan dan minuman di samping menambah pendapatan keluarga.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan Negeri, Mejar (B) Dato’ Md Anizam Abdul Rahman ketika ditemui berkata, pada 2013 kerajaan negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM100,000 kepada MDM bagi menaik taraf prasarana di Kolam Air Panas Tok Bok.

Katanya lagi, “dengan ada kakitangan tetap yang bertugas di situ diharap kolam air panas dapat diurus dengan baik terutamanya aspek kebersihan. Destinasi tersebut menjadi produk utama bagi menarik pelancong dari dalam dan luar negara bertandang ke Kelantan. Lokasinya lebih dekat dan mudah dikunjungi berbanding kolam air panas yang terdapat di Jeli dan Gua Musang kerana terletak jauh di pedalaman,” katanya ketika ditemui.

Beliau berharap rakyat Kelantan dapat mengisi masa hujung minggu atau cuti umum dengan mengunjungi tempat-tempat menarik bersama keluarga. Seperti kata mantan Menteri Besar, Tuan Guru Dato’ Nik Abdul Aziz Nik Mat yang meminta rakyat Kelantan menggunakan hari Jumaat untuk menuntut ilmu dan hari Sabtu untuk beriadah bersama keluarga.

Md Anizam juga berkata, kerajaan negeri menyalur peruntukan bagi menaik taraf prasarana dan kemudahan infrastruktur di destinasi pelancongan, biarpun berdepan dengan kekangan kewangan.

Kerajaan negeri juga merancang memajukan lokasi-lokasi pelancongan lain yang terdapat di Kelantan dengan meningkatkan kemudahan asas.

“Anugerah yang tidak ternilai ini diciptakan Allah SWT untuk membolehkan hamba-Nya menikmati, di samping memperlihatkan tanda-tanda kebesaran-Nya,” kata beliau.



بيناراي  
**BINARAYA**



PROJEK KUMPULAN PKINK  
PENGGERAK PEMBANGUNAN UMMAH

rumah idamanku

# Jualan Hartanah Binaraya

Pelaburan hari ini untuk masa depan

www.binaraya.com.my




**UNIT TERHAD**

Harga Dari **RM 295,000 & Ke atas**

Keluasan Lantai : 1,412 KPS

**34 UNIT** RUMAH BANGLO 1 TINGKAT KUALA KRAI, KELANTAN (Berhadapan SK Padang Embak)

DALAM PEMBINAAN



**UNIT TERHAD**

Harga Dari **RM 250,000 & Ke atas**

Keluasan Lantai : 1,261 KPS

**14 UNIT** RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT KUALA KRAI, KELANTAN (Berhadapan SK. Sungai Embak)

DALAM PEMBINAAN

- SEBAB UTAMA PEMBELIAN MELALUI KAMI:**
- ✓ Anak Syarikat PKINK (Semua Urusan Dijamin)
  - ✓ Harga Jualan Bersih
  - ✓ Tempahan 1% daripada Harga Jualan
  - ✓ Urus Selesai Pinjaman Perumahan (Kerajaan/Institusi Kewangan)
  - ✓ Khidmat Nasihat Pengeluaran KWSP
  - ✓ 50% Kos Guaman Untuk Perjanjian Jual Beli
  - ✓ Bayaran Pindah Milik & Gadaian Ditanggung Oleh Pemaju
  - ✓ Jualan juga Dibuka Kepada Orang Melayu Bukan Kelahiran Kelantan
  - ✓ Rekabentuk Terkini
  - ✓ Pelaburan Hari Ini Untuk Masa Depan



**UNIT TERHAD**

Harga Dari **RM 750,000 & Ke atas**

**28 UNIT** Kedai/Pejabat 3 Tingkat  
**02 UNIT** Kedai/Pejabat 4 Tingkat (Ada Lift)

[FASA 3] BANDAR BARU RANTAU PANJANG (Dalam Kompleks Bebas Cukai Rantau Panjang) 20' X 70'

DALAM PEMBINAAN

## AKAN DILANCARKAN 2014



**4 UNIT** Rumah Banglo 2 Tingkat Taman Kurnia Jaya PENGKALAN CHEPA



**18 UNIT** Rumah Banglo 1 Tingkat Taman Sri Guntong Binaraya Limbat, KOTA BHARU



**97 UNIT** Rumah Teres 2 Tingkat Taman Kifayah Binaraya Bandar Jeli, JELI



**12 UNIT** Rumah Banglo 1 Tingkat Taman Sri Machang MACHANG



**43 UNIT** Rumah Teres 2 Tingkat Taman Kurnia Jaya PENGKALAN CHEPA



**8 UNIT** Rumah Banglo 1 Tingkat Taman Itqan Binaraya Bukit Marak, KOTA BHARU



**7 UNIT** Kedai 2 Tingkat Desa Ar Rahman Binaraya KUALA KRAI



**18 UNIT** Rumah Teres 2 Tingkat Desa Ar Rahman Binaraya KUALA KRAI

Syarikat Kumpulan



سرنان پانتي تيمور  
Proficial Impian Sdn.Bhd.



SINARAN PANTAI TIMUR  
CONSORTIUM BERHAD

Untuk Pertanyaan & Daftar Tempahan, Sila hubungi, TEAM PEMASARAN Kami :

**09-741 4455 / 09-741 4465**

marketing@binaraya.com.my

www.facebook.com/Binaraya-PKINK

DESA AR RAHMAN BINARAYA, KUALA KRAI (FASA 2)  
No. Lot: 1/1, 2/1, 3/1, 4/1, 5/1, 6/1, 7/1, 8/1, 9/1, 10/1, 11/1, 12/1, 13/1, 14/1, 15/1, 16/1, 17/1, 18/1, 19/1, 20/1, 21/1, 22/1, 23/1, 24/1, 25/1, 26/1, 27/1, 28/1, 29/1, 30/1, 31/1, 32/1, 33/1, 34/1, 35/1, 36/1, 37/1, 38/1, 39/1, 40/1, 41/1, 42/1, 43/1, 44/1, 45/1, 46/1, 47/1, 48/1, 49/1, 50/1, 51/1, 52/1, 53/1, 54/1, 55/1, 56/1, 57/1, 58/1, 59/1, 60/1, 61/1, 62/1, 63/1, 64/1, 65/1, 66/1, 67/1, 68/1, 69/1, 70/1, 71/1, 72/1, 73/1, 74/1, 75/1, 76/1, 77/1, 78/1, 79/1, 80/1, 81/1, 82/1, 83/1, 84/1, 85/1, 86/1, 87/1, 88/1, 89/1, 90/1, 91/1, 92/1, 93/1, 94/1, 95/1, 96/1, 97/1, 98/1, 99/1, 100/1, 101/1, 102/1, 103/1, 104/1, 105/1, 106/1, 107/1, 108/1, 109/1, 110/1, 111/1, 112/1, 113/1, 114/1, 115/1, 116/1, 117/1, 118/1, 119/1, 120/1, 121/1, 122/1, 123/1, 124/1, 125/1, 126/1, 127/1, 128/1, 129/1, 130/1, 131/1, 132/1, 133/1, 134/1, 135/1, 136/1, 137/1, 138/1, 139/1, 140/1, 141/1, 142/1, 143/1, 144/1, 145/1, 146/1, 147/1, 148/1, 149/1, 150/1, 151/1, 152/1, 153/1, 154/1, 155/1, 156/1, 157/1, 158/1, 159/1, 160/1, 161/1, 162/1, 163/1, 164/1, 165/1, 166/1, 167/1, 168/1, 169/1, 170/1, 171/1, 172/1, 173/1, 174/1, 175/1, 176/1, 177/1, 178/1, 179/1, 180/1, 181/1, 182/1, 183/1, 184/1, 185/1, 186/1, 187/1, 188/1, 189/1, 190/1, 191/1, 192/1, 193/1, 194/1, 195/1, 196/1, 197/1, 198/1, 199/1, 200/1, 201/1, 202/1, 203/1, 204/1, 205/1, 206/1, 207/1, 208/1, 209/1, 210/1, 211/1, 212/1, 213/1, 214/1, 215/1, 216/1, 217/1, 218/1, 219/1, 220/1, 221/1, 222/1, 223/1, 224/1, 225/1, 226/1, 227/1, 228/1, 229/1, 230/1, 231/1, 232/1, 233/1, 234/1, 235/1, 236/1, 237/1, 238/1, 239/1, 240/1, 241/1, 242/1, 243/1, 244/1, 245/1, 246/1, 247/1, 248/1, 249/1, 250/1, 251/1, 252/1, 253/1, 254/1, 255/1, 256/1, 257/1, 258/1, 259/1, 260/1, 261/1, 262/1, 263/1, 264/1, 265/1, 266/1, 267/1, 268/1, 269/1, 270/1, 271/1, 272/1, 273/1, 274/1, 275/1, 276/1, 277/1, 278/1, 279/1, 280/1, 281/1, 282/1, 283/1, 284/1, 285/1, 286/1, 287/1, 288/1, 289/1, 290/1, 291/1, 292/1, 293/1, 294/1, 295/1, 296/1, 297/1, 298/1, 299/1, 300/1, 301/1, 302/1, 303/1, 304/1, 305/1, 306/1, 307/1, 308/1, 309/1, 310/1, 311/1, 312/1, 313/1, 314/1, 315/1, 316/1, 317/1, 318/1, 319/1, 320/1, 321/1, 322/1, 323/1, 324/1, 325/1, 326/1, 327/1, 328/1, 329/1, 330/1, 331/1, 332/1, 333/1, 334/1, 335/1, 336/1, 337/1, 338/1, 339/1, 340/1, 341/1, 342/1, 343/1, 344/1, 345/1, 346/1, 347/1, 348/1, 349/1, 350/1, 351/1, 352/1, 353/1, 354/1, 355/1, 356/1, 357/1, 358/1, 359/1, 360/1, 361/1, 362/1, 363/1, 364/1, 365/1, 366/1, 367/1, 368/1, 369/1, 370/1, 371/1, 372/1, 373/1, 374/1, 375/1, 376/1, 377/1, 378/1, 379/1, 380/1, 381/1, 382/1, 383/1, 384/1, 385/1, 386/1, 387/1, 388/1, 389/1, 390/1, 391/1, 392/1, 393/1, 394/1, 395/1, 396/1, 397/1, 398/1, 399/1, 400/1, 401/1, 402/1, 403/1, 404/1, 405/1, 406/1, 407/1, 408/1, 409/1, 410/1, 411/1, 412/1, 413/1, 414/1, 415/1, 416/1, 417/1, 418/1, 419/1, 420/1, 421/1, 422/1, 423/1, 424/1, 425/1, 426/1, 427/1, 428/1, 429/1, 430/1, 431/1, 432/1, 433/1, 434/1, 435/1, 436/1, 437/1, 438/1, 439/1, 440/1, 441/1, 442/1, 443/1, 444/1, 445/1, 446/1, 447/1, 448/1, 449/1, 450/1, 451/1, 452/1, 453/1, 454/1, 455/1, 456/1, 457/1, 458/1, 459/1, 460/1, 461/1, 462/1, 463/1, 464/1, 465/1, 466/1, 467/1, 468/1, 469/1, 470/1, 471/1, 472/1, 473/1, 474/1, 475/1, 476/1, 477/1, 478/1, 479/1, 480/1, 481/1, 482/1, 483/1, 484/1, 485/1, 486/1, 487/1, 488/1, 489/1, 490/1, 491/1, 492/1, 493/1, 494/1, 495/1, 496/1, 497/1, 498/1, 499/1, 500/1, 501/1, 502/1, 503/1, 504/1, 505/1, 506/1, 507/1, 508/1, 509/1, 510/1, 511/1, 512/1, 513/1, 514/1, 515/1, 516/1, 517/1, 518/1, 519/1, 520/1, 521/1, 522/1, 523/1, 524/1, 525/1, 526/1, 527/1, 528/1, 529/1, 530/1, 531/1, 532/1, 533/1, 534/1, 535/1, 536/1, 537/1, 538/1, 539/1, 540/1, 541/1, 542/1, 543/1, 544/1, 545/1, 546/1, 547/1, 548/1, 549/1, 550/1, 551/1, 552/1, 553/1, 554/1, 555/1, 556/1, 557/1, 558/1, 559/1, 560/1, 561/1, 562/1, 563/1, 564/1, 565/1, 566/1, 567/1, 568/1, 569/1, 570/1, 571/1, 572/1, 573/1, 574/1, 575/1, 576/1, 577/1, 578/1, 579/1, 580/1, 581/1, 582/1, 583/1, 584/1, 585/1, 586/1, 587/1, 588/1, 589/1, 590/1, 591/1, 592/1, 593/1, 594/1, 595/1, 596/1, 597/1, 598/1, 599/1, 600/1, 601/1, 602/1, 603/1, 604/1, 605/1, 606/1, 607/1, 608/1, 609/1, 610/1, 611/1, 612/1, 613/1, 614/1, 615/1, 616/1, 617/1, 618/1, 619/1, 620/1, 621/1, 622/1, 623/1, 624/1, 625/1, 626/1, 627/1, 628/1, 629/1, 630/1, 631/1, 632/1, 633/1, 634/1, 635/1, 636/1, 637/1, 638/1, 639/1, 640/1, 641/1, 642/1, 643/1, 644/1, 645/1, 646/1, 647/1, 648/1, 649/1, 650/1, 651/1, 652/1, 653/1, 654/1, 655/1, 656/1, 657/1, 658/1, 659/1, 660/1, 661/1, 662/1, 663/1, 664/1, 665/1, 666/1, 667/1, 668/1, 669/1, 670/1, 671/1, 672/1, 673/1, 674/1, 675/1, 676/1, 677/1, 678/1, 679/1, 680/1, 681/1, 682/1, 683/1, 684/1, 685/1, 686/1, 687/1, 688/1, 689/1, 690/1, 691/1, 692/1, 693/1, 694/1, 695/1, 696/1, 697/1, 698/1, 699/1, 700/1, 701/1, 702/1, 703/1, 704/1, 705/1, 706/1, 707/1, 708/1, 709/1, 710/1, 711/1, 712/1, 713/1, 714/1, 715/1, 716/1, 717/1, 718/1, 719/1, 720/1, 721/1, 722/1, 723/1, 724/1, 725/1, 726/1, 727/1, 728/1, 729/1, 730/1, 731/1, 732/1, 733/1, 734/1, 735/1, 736/1, 737/1, 738/1, 739/1, 740/1, 741/1, 742/1, 743/1, 744/1, 745/1, 746/1, 747/1, 748/1, 749/1, 750/1, 751/1, 752/1, 753/1, 754/1, 755/1, 756/1, 757/1, 758/1, 759/1, 760/1, 761/1, 762/1, 763/1, 764/1, 765/1, 766/1, 767/1, 768/1, 769/1, 770/1, 771/1, 772/1, 773/1, 774/1, 775/1, 776/1, 777/1, 778/1, 779/1, 780/1, 781/1, 782/1, 783/1, 784/1, 785/1, 786/1, 787/1, 788/1, 789/1, 790/1, 791/1, 792/1, 793/1, 794/1, 795/1, 796/1, 797/1, 798/1, 799/1, 800/1, 801/1, 802/1, 803/1, 804/1, 805/1, 806/1, 807/1, 808/1, 809/1, 810/1, 811/1, 812/1, 813/1, 814/1, 815/1, 816/1, 817/1, 818/1, 819/1, 820/1, 821/1, 822/1, 823/1, 824/1, 825/1, 826/1, 827/1, 828/1, 829/1, 830/1, 831/1, 832/1, 833/1, 834/1, 835/1, 836/1, 837/1, 838/1, 839/1, 840/1, 841/1, 842/1, 843/1, 844/1, 845/1, 846/1, 847/1, 848/1, 849/1, 850/1, 851/1, 852/1, 853/1, 854/1, 855/1, 856/1, 857/1, 858/1, 859/1, 860/1, 861/1, 862/1, 863/1, 864/1, 865/1, 866/1, 867/1, 868/1, 869/1, 870/1, 871/1, 872/1, 873/1, 874/1, 875/1, 876/1, 877/1, 878/1, 879/1, 880/1, 881/1, 882/1, 883/1, 884/1, 885/1, 886/1, 887/1, 888/1, 889/1, 890/1, 891/1, 892/1, 893/1, 894/1, 895/1, 896/1, 897/1, 898/1, 899/1, 900/1, 901/1, 902/1, 903/1, 904/1, 905/1, 906/1, 907/1, 908/1, 909/1, 910/1, 911/1, 912/1, 913/1, 914/1, 915/1, 916/1, 917/1, 918/1, 919/1, 920/1, 921/1, 922/1, 923/1, 924/1, 925/1, 926/1, 927/1, 928/1, 929/1, 930/1, 931/1, 932/1, 933/1, 934/1, 935/1, 936/1, 937/1, 938/1, 939/1, 940/1, 941/1, 942/1, 943/1, 944/1, 945/1, 946/1, 947/1, 948/1, 949/1, 950/1, 951/1, 952/1, 953/1, 954/1, 955/1, 956/1, 957/1, 958/1, 959/1, 960/1, 961/1, 962/1, 963/1, 964/1, 965/1, 966/1, 967/1, 968/1, 969/1, 970/1, 971/1, 972/1, 973/1, 974/1, 975/1, 976/1, 977/1, 978/1, 979/1, 980/1, 981/1, 982/1, 983/1, 984/1, 985/1, 986/1, 987/1, 988/1, 989/1, 990/1, 991/1, 992/1, 993/1, 994/1, 995/1, 996/1, 997/1, 998/1, 999/1, 1000/1, 1001/1, 1002/1, 1003/1, 1004/1, 1005/1, 1006/1, 1007/1, 1008/1, 1009/1, 1010/1, 1011/1, 1012/1, 1013/1, 1014/1, 1015/1, 1016/1, 1017/1, 1018/1, 1019/1, 1020/1, 1021/1, 1022/1, 1023/1, 1024/1, 1025/1, 1026/1, 1027/1, 1028/1, 1029/1, 1030/1, 1031/1, 1032/1, 1033/1, 1034/1, 1035/1, 1036/1, 1037/1, 1038/1, 1039/1, 1040/1, 1041/1, 1042/1, 1043/1, 1044/1, 1045/1, 1046/1, 1047/1, 1048/1, 1049/1, 1050/1, 1051/1, 1052/1, 1053/1, 1054/1, 1055/1, 1056/1, 1057/1, 1058/1, 1059/1, 1060/1, 1061/1, 1062/1, 1063/1, 1064/1, 1065/1, 1066/1, 1067/1, 1068/1, 1069/1, 1070/1, 1071/1, 1072/1, 1073/1, 1074/1, 1075/1, 1076/1, 1077/1, 1078/1, 1079/1, 1080/1, 1081/1, 1082/1, 1083/1, 1084/1, 1085/1, 1086/1, 1087/1, 1088/1, 1089/1, 1090/1, 1091/1, 1092/1, 1093/1, 1094/1, 1095/1, 1096/1, 1097/1, 1098/1, 1099/1, 1100/1, 1101/1, 1102/1, 1103/1, 1104/1, 1105/1, 1106/1, 1107/1, 1108/1, 1109/1, 1110/1, 1111/1, 1112/1, 1113/1, 1114/1, 1115/1, 1116/1, 1117/1, 1118/1, 1119/1, 1120/1, 1121/1, 1122/1, 1123/1, 1124/1, 1125/1, 1126/1, 1127/1, 1128/1, 1129/1, 1130/1, 1131/1, 1132/1, 1133/1, 1134/1, 1135/1, 1136/1, 1137/1, 1138/1, 1139/1, 1140/1, 1141/1, 1142/1, 1143/1, 1144/1, 1145/1, 1146/1, 1147/1, 1148/1, 1149/1, 1150/1, 1151/1, 1152/1, 1153/1, 1154/1, 1155/1, 1156/1, 1157/1, 1158/1, 1159/1, 1160/1, 1161/1, 1162/1, 1163/1, 1164/1, 1165/1, 1166/1, 1167/1, 1168/1, 1169/1, 1170/1, 1171/1, 1172/1, 1173/1, 1174/1, 1175/1, 1176/1, 1177/1, 1178/1, 1179/1, 1180/1, 1181/1, 1182/1, 1183/1, 1184/1, 1185/1, 1186/1, 1187/1, 1188/1, 1189/1, 1190/1, 1191/1, 1192/1, 1193/1, 1194/1, 1195/1, 1196/1, 1197/1, 1198/1, 1199/1, 1200/1, 1201/1, 1202/1, 1203/1, 1204/1, 1205/1, 1206/1, 1207/1, 1208/1, 1209/1, 1210/1, 1211/1, 1212/1, 1213/1, 1214/1, 1215/1, 1216/1, 1217/1, 1218/1, 1219/1, 1220/1, 1221/1, 1222/1, 1223/1, 1224/1, 1225/1, 1226/1, 1227/1, 1228/1, 1229/1, 1230/1, 1231/1, 1232/1, 1233/1, 1234/1, 1235/1, 1236/1, 1237/1, 1238/1, 1239/1, 1240/1, 1241/1, 1242/1, 1243/1, 1244/1, 1245/1, 1246/1, 1247/1, 1248/1, 1249/1, 1250/1, 1251/1, 1252/1, 1253/1, 1254/1, 1255/1, 1256/1, 1257/1, 1258/1, 1259/1, 1260/1, 1261/1, 1262/1, 1263/1, 1264/1, 1265/1, 1266/1, 1267/1, 1268/1, 1269/1, 1270/1, 1271/1, 1272/1, 1273/1, 1274/1, 1275/1, 1276/1, 1277/1, 1278/1, 1279/1, 1280/1, 1281/1, 1282/1, 1283/1, 1284/1, 1285/1, 1286/1, 1287/1, 1288/1, 1289/1, 1290/1, 1291/1, 1292/1, 1293/1, 1294/1, 1295/1, 1296/1, 1297/1, 1298/1, 1299/1, 1300/1, 1301/1, 1302/1, 1303/1, 1304/1, 1305/1, 1306/1, 1307/1, 1308/1, 1309/1, 1310/1, 1311/1, 1312/1, 1313/1, 1314/1, 1315/1, 1316/1, 1317/1, 1318/1, 1319/1, 1320/1, 1321/1, 1322/1, 1323/1, 1324/1, 1325/1, 1326/1, 1327/1, 1328/1, 1329/1, 1330/1, 1331/1, 1332/1, 1333/1, 1334/1, 1335/1, 1336/1, 1337/1, 1338/1, 1339/1, 1340/1, 1341/1, 1342/1, 1343/1, 1344/1, 1345/1, 1346/1, 1347/1, 1348/1, 1349/1, 1350/1, 1351/1, 1352/1, 1353/1, 1354/1, 1355/1, 1356/1, 1357/1, 1358/1, 1359/1, 1360/1, 1361/1, 1362/1, 1363/1, 1364/1, 1365/1, 1366/1, 1367/1, 1368/1, 1369/1, 1370/1, 1371/1, 1372/1, 1373/1, 1374/1, 1375/1, 1376/1, 13



Adunan dibahagikan kepada 4 dan dititiskan pewarna



Doh digentel sebesar guli dan ditekan pada tengahnya supaya leper sedikit



# PUTERI MANDI

RESEPI JALINAN KASIH INSANI *Oleh Zananzaly*

Degup kalbu orang Melayu akrab menghadapi mafhum firman Allah melalui surah Al-Israa' ayat 7 yang bermaksud "jika kamu berbuat kebaikan, (maka faedah) kebaikan yang kamu lakukan adalah untuk diri kamu; dan jika kamu berbuat kejahatan, maka (kesannya yang buruk) berbalik kepada diri kamu juga."

Memahami maksud peri nabi SAW maka sejak dari kecil, dara dan teruna Melayu dididik agar berkasih sayang melalui tali silaturahim sesama kita dalam batas dan lingkung syarak dan adab. Dari sinilah resepi Puteri Mandi menjadi wadah pencetus tarbiyah orang-orang Melayu kepada pewaris mereka disingkap berpandukan pengertian silaturahmi yang merujuk kepada perbuatan baik, kasih-sayang dan kelembutan yang ditujukan kepada

keluarga yang senasab (satu keturunan), kaum kerabat dan sahabat karib dengan memberi perhatian terhadap keadaan dan hal ehwal mereka meskipun mereka berada di tempat yang jauh dan berbuat tidak baik kepada kita. Lazimnya, resepi ini popular dibikin oleh sekawan anak-anak dara sambil bersantai di tepi serambi sambil menunggu solat Asar. Tiga cawan tepung pulut, secubit garam dan sesudu air kapur serta air secukupnya disediakan untuk dijadikan doh Puteri Mandi.

Resepi jalinan kasih insani yang merupakan kata kunci pembongkar rahsia bahari mengenai intisari silaturrahmi sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari; "dari Anas bin Malik r.a katanya, dia mendengar Rasulullah SAW bersabda "sesiapa yang ingin



**Dohyang telah masak akan terapung dipermukaan air**



**Kelapa parut digaul dengan gula melaka sebagai kuah**

**Senduk khas digunakan untuk mengangkat doh yang telah masak**

supaya dimudahkan (Allah) rezekinya atau dipanjangkan (Allah) umurnya, maka hendaklah dia menghubungkan silaturahim (hubungan kasih sayang)."

Jari-jemari anak-anak dara orang Melayu yang halus manis tirus seperti sulur bakung amat sesuai untuk mencampurkan tepung pulut dan air kapur ke dalam satu bekas, diselang-seli dengan tambahan air biasa sedikit demi sedikit sambil dipantau oleh orang tua mereka agar jangan sampai "carak air" (terlebih air) bagi mengelakkan doh lembik atau cair. Kekentalan adunan memadai dengan kadar ia mudah diuli dengan petanda tepung tidak lagi melekat pada loyang.

Kemudian adunan dibahagikan kepada 4 bahagian dan dititiskan pewarna hijau, merah, oren dan kuning diraja pada setiap satu bahagian sebagai lambang meriah dan akrabnya suatu ikatan suci berpasakkan teras silaturahim

yang menuntut umat Islam sentiasa menjaganya sehingga seseorang itu tidak dikatakan beriman selagi ia tidak mengasihi saudaranya sebagaimana ia mengasihi dirinya sendiri.

Apabila perwana dan doh sudah sehati elok, doh digentel sebesar guli dan ditekan pada tengahnya supaya leper sedikit. Lekuk yang terbentuk itu bukanlah sebarang lekuk melainkan ia adalah simbolik aura pemanis seperti lesung pipit di pipi puteri-puteri Melayu-Islam nan jelita lagi sopan menyediakan resepi minum petang sambil bibir tak lekang mentahsinkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran di anjung "balaisah" penuh tertib dan sopan yang sesekali menyungging senyuman mesra sesama mereka tanda akrabnya mahabbah fillah yang sedia bertemu dan berpisah semata-mata kerana Allah.

Nah, dari sinilah nama Puteri Mandi dan silaturrahmi menjadi serasi bagi melengkapkan kejanggalan manusia yang tak betah hidup berseorangan tanpa bergantung harap dan menerima serta memberi kasih sayang sesama makhluk justeru silaturahim itu laksana cahaya mempersona yang semakin "diberikan" akan bertambah terangnya.



Sambil menantikan kesemua doh berwarna-warni yang kempis di tengah itu siap digentel, air dijerang separuh periuk sehingga mendidih lalu dimasukkan doh yang telah siap dibentuk tadi satu per satu ke dalam periuk sambil menunggu ia masak dengan petanda doh terapung di permukaan air lalu diveduk dengan senduk khas berlubang jarang untuk diisi ke dalam loyang berisi air sejuk bagi mengelakkan "puteri-puteri" itu melekat sesama sendiri.

Sementara itu, disediakan periuk yang lain pula untuk memanaskan air, gula pasir biasa atau gula Melaka atau lebih popular dengan panggilan "nisse" di kalangan orang Kelantan bagi mempelbagaikan rupa, warna dan rasa hidangan.

Secubit garam ditabur sesedap rasa dengan diserikan simpulan daun pandan sebagai pembangkit aroma seumpama acap bertanya khabar melalui telefon juga menjadi perisa kelazatan nikmat silaturahmi yang merupakan salah satu tanda dan kewajipan iman sebagaimana sabda Rasulullah SAW "barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhir, hendaklah bersilaturahmi." (Mutafaqun 'alaihi).

Berikutnya, apabila air gula sudah mendidih, digantikan daun pandan tersebut dengan kelapa parut lalu dididihkan lagi sebatian manis bersari lazat itu sehingga cukup likat mengikut citarasa si pembuat.

Apabila sudah likat dan mendidih, dimasukkan kesemua puteri mandi tadi lalu digaul sebat dengan likatan nyiur beraneka rasa manis, lemak masin lagi harum sebagai tamsilan imej lembut sopan luhur budi baik anak bangsa Melayu-Islam yang terpencah dari iman yang kental hasil tarbiyah islamiah sejak dari kecil lagi jelas terzahir melalui tingkahlaku nan indah pekerti seperti doh-doh Puteri Mandi yang beraneka warna, ditambah seri dengan senyuman manis menawan hati semanis likatan kelapa parut yang membaluti melambangkan silaturahmi yang bersemi dipasak dengan kebijaksanaan mereka bergaul membawa diri dalam batasan sifat malu dan rendah hati bagaikan semalu. Mereka menyemai kasih sayang selalu bagi mengelak rosak seperti dedalu.

Siaplah sepinggan sajian kuih tradisi dari Negeri Cik Siti sedia untuk dijamah rasa oleh seisi keluarga sambil minda dan jiwa mencerna intisari silaturahmi yang tersirat dibalik namanya yang cantik dan rasanya yang manis semanis jalinan silaturahmi sesebuah ummah untuk hidup lebih cemerlang dan berjaya kerana ukhuwah yang dipupuk di atas rasa cinta dan kasih kerana Allah pasti akan memberikan kekuatan pada jiwa mana-mana individu.

Justeru itu, silaturahmi yang sedia ada di kalangan ibu bapa wajar diteruskan oleh anak cucu dan waris seterusnya dengan mengaktifkan amalan ziarah-menziarahi dan



*Sedia untuk dihidangkan*

kunjung-mengunjung tanpa perlu menunggu musim perayaan dengan membawa juadah Puteri Mandi sebagai buah tangan supaya makin tambah sempurna ikatan kasih sayang berlandaskan iman apatah lagi keberkatan seumpama menyalakan lilin orang lain, lilin kita tidak akan padam, malah kita akan mendapat lebih banyak lagi cahaya yang terang-benderang sebagaimana dalil al-Quran mengenai mustahak dan manfaat menyambung tali silaturahmi seperti maksud mukaddimah firman Allah dalam surah An-Nisa':

"Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (mempergunakan) nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain, dan (peliharalah) hubungan silaturahim. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi kamu." (An Nisa' 4:1).



# فاكيج عمرة

**UMRAH DISEMBER  
2014**

(UMRAH MUSIM SEJUK)



**RM 6290**

**(HOTEL : 250 - 350 METER)**

**PAKEJ UMRAH  
2015**

HARGA DARI

**RM 5770**



09 - 7437050 / 013 - 7467050 (PEJABAT KOTA BHARU)  
013 - 933 7257 / 012 969 7257 (HOTLINE)



# Kopi Cap Dua Badak

## Warisan Keluarga

Oleh Tuan Mohd Nor Tuan Yahya Foto Muhammad Ridhwan Ab Rahim

Kopi amat sinonim dengan kehidupan. Seteguk demi seteguk, merasakan kenikmatan aroma dan rasa kopi tersebut. Kenikmatan dari rasa pahit dan manis yang terkandung di dalam kopi tersebut dapat memberikan kepuasan kepada penggemarnya. Kandungan kafeinnya yang mampu memberikan kesan perangsang kepada sel-sel otak manusia disamping berfungsi untuk memecahkan lemak di dalam tubuh manusia. Minuman kopi menjadi tersohor di zaman kebangkitan Islam memandangkan waktu itu arak diharamkan.

Hidangan pagi tanpa kopi panas tentunya rasa agak hambar. Lebih-lebih lagi bagi mereka yang menggunakan tenaga empat kerat mencari rezeki. Aromanya yang semerbak menusuk hidung cukup membuatkan kita terangsang dan kepahitannya cukup untuk membuatkan badan kita terasa segar. Digandingkan pula dengan ubi rebus atau pulut ikan kering di musim tengkujuh, tentunya sampai menjilat cawan.

Maka tidak hairanlah ada orang tua-tua dahulu berseloroh dengan anak cucu, kononnya kopi dibuat daripada arang kerana warnanya hitam pekat.

Biar ada pun disebut orang lama asal usul kopi dibuat, namun peminatnya tidak ambil kisah, asalkan keasliannya

tetap dirasai. Maka tidak hairanlah mereka yang sudah berumur tentunya rasa hambar tanpa dihirup kopi panas pagi atau malam.

Bagi peminat tegar, minuman pagi tanpa sajian kopi panas dirasakan seperti tidak hilang haus. Lebih-lebih lagi bagi mereka yang sudah biasa dengan kopi jenama Cap Dua Badak. Kalau isteri atau anak perempuan membacuh kopi lain, si ayah akan memebel panjang. Lalu dilontarkan kata-kata "kopi cap apa ni? Rasanya tidak seasli kopi Cap Dua Badak".

Ini selengar sejarah kopi panas dalam masyarakat Melayu, bagaikan irama dan lagu yang tidak dapat dipisahkan.

### Sejarah

Serbuk Kopi Cap Dua Badak bermula sebagai minuman keluarga. Sekitar tahun 1950-an, datuk kepada Rosli Ariffin, 52 menumbuk biji-biji kopi untuk hidangan keluarganya. Kopi menjadi kegemaran keluarga mereka. Selepas itu keenakan serbuk kopi tersebut dicuba pula oleh keluarga terdekat dan rakan taulan yang datang bertandang.

Bermula dari situ ramai orang menggemari serbuk kopi yang dihasilkan keluarga Rosli. Keenakannya





dijaja dari mulut ke mulut. Malah semakin ramai yang mahu mencubanya. Ekoran permintaan yang semakin menggalakkan daripada orang ramai, keluarga Rosli menamakan serbuk kopi yang dihasilkan datuknya sebagai Cap Dua Badak.

Dengan adanya jenama tersendiri memudahkan penggemar kopi Cap Dua Badak untuk membezakan dengan produk keluaran lain.

“Sekadar menghidu keenakan aromanya sudah cukup membuat penggemar mengenali asal-usul kopi tersebut,” ujar Rosli sambil berseloroh ketika ditemui wakil Qiadah baru-baru ini.

Kini kopi Cap Dua Badak merupakan jenama yang tidak asing lagi di Kelantan dan merupakan citarasa sejati kerana keasliannya dulu dan sekarang masih dikekalkan. Kopi Cap Dua Badak ternyata mampu bersaing dengan produk lain yang sudah lama berada di pasaran.

Bercerita mengenai biji-biji kopi sebagai bahan mentah bagi menghasilkan serbuk kopi, Rosli memberitahu ia diperolehi dari Sumatera, Indonesia. Tiada masalah mengenai bekalan bahan mentah kerana ia mudah diperolehi di negara tersebut.

“Setakat ini pengeluaran serbuk tidak bermasalah bagi memenuhi permintaan di pasaran tempatan mahupun

tempahan dari negeri-negeri lain. Terdapat tiga jenis kopi yang diperolehi iaitu Robusta, Liberico dan Arabica,” katanya. Kopi Arabica amat popular kerana ianya lebih halus dan beraroma tinggi manakala Robusta merupakan kopi yang lebih pahit dan mempunyai kafein lebih tinggi berbanding Arabica.

Rosli mula mengambil alih perniagaan keluarganya itu pada tahun 1988 dan beliau masih mengekalkan nama Cap Dua Badak. Bermula dari situlah beliau mengembangkan lagi industri pemprosesan serbuk kopi.

Beliau yang berkelulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) berusaha untuk memperluaskan perusahaan tersebut. Dua tapak milik keluarganya didirikan bangunan bagi memproses serbuk kopi dan sebuah bangunan lagi untuk pembungkusan.

Dibantu oleh seramai 13 orang pekerja, perusahaan serbuk kopi milik Rosli kini berjaya mendapat pengiktirafan Sijil Halal dan Sijil Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

## Produk

Bercerita mengenai produk yang dikeluarkan, Rosli berkata pada awalnya beliau hanya mampu menghasilkan serbuk kopi tradisional sahaja bagi memenuhi permintaan tempatan.

Namun kini, lebih membanggakan lagi, syarikat tersebut telah mampu menyediakan pelbagai produk lain berasaskan biji kopi. Antaranya produk Kopi Berasaskan



**Proses pembungkusan sedang dijalankan**

Herba dan Kopi Berasaskan Kecantikan. Kopi berasaskan herba dihasil melalui campuran tongkat ali, halia bara dan mahkota dewa. Manakala kopi kecantikan pula campuran kologen, glutathione dan serbuk mutiara.

Kopi tradisional yang dikeluarkan kilangnya sekarang boleh didapati dalam bentuk uncang dan pek. Di samping jenama Cap Dua Badak, syarikatnya juga sekarang telah mampu mengeluarkan produk berjenama CalCafe.

“Kedua-dua produk tersebut masih mengekalkan keaslian seperti kopi tradisional. Kualitinya tidak jauh berbeza,” tambahnya.

Bagi menghadapi persaingan sengit dalam bidang perniagaan, Rosli tidak pernah lekang berusaha untuk menimba ilmu dalam usaha meningkatkan lagi pengeluaran dan melebarkan sayap bagi memasarkan produk syarikatnya. Beliau sering mengikuti pelbagai kursus dan ekspo jualan yang diadakan di seluruh negeri. Malah beliau turut melangkah ke luar negara bagi menambah lagi pengetahuan berkaitan industri kopi.

“Kita seharusnya mengikuti arus perkembangan teknologi berkaitan pemprosesan berasaskan biji kopi. Lagi pun sekarang pelbagai jenis minuman berasaskan biji kopi ada di pasaran. Persaingan sebegini membolehkan kita memperkembangkan lagi perusahaan,” ujar beliau.

Selari dengan perkembangan teknologi maklumat, syarikatnya juga sedang berusaha untuk memperluaskan

promosi kopi Cap Dua Badak termasuk secara dalam talian (online).

**“Alhamdulillah produk kopi keluaran syarikat kami berjaya menembusi pasar raya terkenal di Kelantan termasuk Mydin dan Tesco. Permintaannya amat menggalakkan,”** katanya.

Menyentuh perancangan masa hadapan, Rosli berkata syarikatnya juga sedang berusaha untuk mendapatkan taraf GMP, di samping itu memperbesarkan lagi perusahaan sedia ada. Syarikatnya telah berpindah ke kawasan lebih luas dan selesa iaitu bersebelahan Balai Bomba dan Penyelamat Ketereh. Di lokasi baru itu beliau bercadang membuka kioks yang menyediakan minuman berasaskan serbuk kopi, di samping mewujudkan ruang pameran.

“Pengunjung boleh berhenti rehat dan menikmati kopi segar serta mendapatkan produk kami dengan harga yang lebih murah,” kata beliau.

Orang ramai yang berminat untuk mendapatkan kopi Cap Dua Badak boleh kunjungi Lot 1755, Batu 11, Jalan Kuala Krai, 16540 Ketereh, Kelantan. Atau hubungi Rosli Ariffin di talian 012-901 1323 @ 012-900 9262.

Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd (KBC) merupakan peneraju utama bidang bioteknologi di negeri Kelantan. Fokus utama syarikat dalam penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan produk berasaskan bioteknologi menjadikan KBC sebuah syarikat berdaya maju dan unik.

KBC bertanggungjawab menyediakan platform bioteknologi yang kukuh dalam menayakan pembangunan K-Ekonomi negeri Kelantan. Usahawan bio ini digembling melalui tiga bidang utama iaitu; Bioteknologi Pertanian, Bioteknologi Kesihatan dan Bioteknologi Industri.

Kajian yang berterusan dan berkualiti tinggi menjadi aset penting dalam menghasilkan produk yang unik dan saintifik sekaligus memenuhi kehendak pelanggan dalam pelbagai bidang lapangan kehidupan.

## Bioteknologi PERTANIAN

TEKNOLOGI KULTUR TISU TUMBUHAN



Membekalkan Anak Benih:

- Pisang Berangan
- Pisang Nangka
- Betik Sekaki
- Kelapa Mataq
- Nangka Madu
- Durian Kunyit



## Bioteknologi KESIHATAN

KILANG KOSMETIK GMP

- Kontrak Pengilangan
- R&D Formulasi Produk / Analisis Produk
- Kursus / Seminar
- Pendaftaran Produk (KKM & Halal)



## Bioteknologi MIKRO ORGANISMA

INOKULASI KULTUR BIO-HIJAU

Aplikasi dalam bidang

- Pertanian
- Penternakan
- Perikanan dan Alam Sekitar



**KELANTAN BIOTECH CORPORATION SDN BHD**

Lot 3174, Batu 23, Jalan Kota Bharu - Machang,  
18500 Machang, Kelantan  
Tel: 09-976 5280 Faks: 09-976 5282

Mengembalikan kegemilangan Islam  
dengan menggunakan Bioteknologi

# Universiti terbuka Kelantan

## Di Medan Ilmu

Oleh Tuan Ahmad Latif & Abby Asyikin Foto Ahmad Naime Muhammad



*Tazkirah Masjid Mukim Gong Chapa, Tembila, Pasir Putih*

Menurut seorang pengembara barat, D'Eredia – Islam masuk ke Patani dan Pahang lebih awal berbanding dengan Melaka. Banyak catatan sejarah yang ditemui mengenai kemasukan Islam ke Kelantan melalui Champa di mana dahulu ianya adalah sebuah negeri Melayu yang berada di pantai timur dan selatan Vietnam.

Batu Bersurat yang bertarikh 1303 Masehi ditemui di Kuala Berang secara jelas membuktikan Islam masuk ke Tanah Melayu melalui Champa. Sebelum bertapak di Terengganu, Islam lebih awal memasuki Kelantan yang terletak tidak jauh dari Patani. Kepingan wang emas yang ditemui di Kota Kubang Labu tercatat tarikh 577 Hijriah iaitu bersamaan 1181 Masehi membuktikan sejarah itu.

Kemasukan Islam dari Champa dan Patani diperkukuhkan lagi apabila pendakwah Islam tiba di Canton, China semasa pemerintahan Maharaja Wu-te (618-626) iaitu era Dinasti Tang. Kumpulan pendakwah tersebut diketuai oleh Sa'ad Abd Qais bersama tiga lagi sahabatnya yang datang dari Semenanjung Arab iaitu Qais Hudhafah, Urwah Abi Uththan, dan Abu Qais al Harith.

Bermula dari situlah Islam terus berkembang sehingga ke Tanah Melayu. Ketika Kelantan di bawah pemerintah Long Yunus, beliau menghantar seorang anak angkat, Sheikh Abdul Halim yang berasal dari China ke Mekah bagi mendalami ilmu agama. Sekembalinya dari Mekah, Sheikh

Abdul Halim dilantik sebagai penasihat agama kepada Sultan Muhammad I (1801-1837).

Bermula dari situ juga perundangan Islam dilaksanakan di Kelantan. Pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad II diwujudkan pula Institusi Kehakiman Islam. Manakala pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad III hukuman rejam dijatuhkan kepada pesalah zina. Perundangan Islam di Kelantan diperkasakan lagi pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad dan Sultan Mansor.

Bagaimanapun selepas British mula bertapak di Kelantan pada penghujung kurun ke-19, pentadbiran negeri dikuasai sepenuhnya oleh penjajah. Kesannya pentadbiran Islam yang sudah lama berakar umbi tergunat.

### Perkembangan dakwah

Sejak penghujung abad ke-19 sehingga menjelang kemerdekaan, amalan agama mulai pudar dalam masyarakat Kelantan. Amalan syirik seperti puja pantai, laga lembu dan sarang-sarang maksiat tumbuh di Kota Bharu. Kerajaan Perikatan yang memerintah Kelantan selepas merdeka membiarkan amalan sekular dan syirik peninggalan penjajah membiak dan berakar umbi di negeri Cik Siti Wan Kembang.

Bagaimanapun setelah Kelantan ditadbir PAS selepas Pilihan Raya Umum 1959, amalan-amalan syirik dan maksiat mula diperangi. Tugas pertama itu dipikul kerajaan negeri di bawah Dato' Ishak Lutfi Omar.



**Kuliah di Medan Ilmu**

Kerajaan negeri melantik pegawai-pegawai dakwah dikenali sebagai mubaligh. Sejak tempoh itu sehingga 1978, agama Islam mula disemarakkan dengan mewujudkan pusat pengajian agama seperti Yayasan Islam Kelantan. Begitu juga Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan dilahirkan bagi membolehkan pelajar-pelajar lepasan sekolah menengah agama melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Malangnya suasana Islam kembali suram selepas kerajaan negeri bertukar tangan pada Pilihan Raya Umum 1978. Pentadbiran kerajaan negeri jatuh ke tangan Barisan Nasional (BN). Biarpun kegiatan dakwah diteruskan, namun tiada "political will" oleh kerajaan negeri ketika itu. Kegiatan dakwah yang sederhana menyebabkan tiada penambahbaikan dilakukan kerajaan negeri di bawah Tan Sri Muhamad Yaakob kecuali membina kompleks Balai Islam di Lundang.

### **Pusat tarbiah**

Selepas PAS gagal mempertahankan kerajaan negeri pada tahun 1978, parti Islam itu mulai menyusun semula strategik dakwah bagi mengembalikan semula pengaruh PAS selepas merosot teruk akibat krisis dalaman sebelum itu.

Bermula dari situlah pusat-pusat tarbiah diwujudkan di seluruh Kelantan sebagai tempat membina benteng kerohanian di kalangan pendukung gerakan Islam.

Antara pusat tarbiah yang dikenali ramai ketika itu ialah Pusat Tarbiah Pohon Buluh di Pasir Mas; Pusat Tarbiah Telaga Bata, Tumpat; Pusat Tarbiah Kampung Repek, Bachok; dan Pondok Padang Lepar, Ketereh. Selain itu Dewan Zulkifli Muhammad, Pejabat Perhubungan PAS Kelantan; Pondok Sungai Durian, Kuala Krai; Gunung Reng, Jeli dan Balai Islam Limbongan, Pasir Puteh.

Penubuhan pusat-pusat tarbiah itu dibuat hasil Ijtimak Ulama PAS pada 1978 ekoran kegagalan mempertahankan kerajaan negeri pada tahun tersebut.

Bermula dari situlah kuliah-kuliah disusun di setiap pusat tarbiah bagi menanam semula benih-benih dakwah dan

perjuangan Islam. Kuliah-kuliah agama di pusat tarbiah tersebut diadakan pada setiap pagi Jumaat, manakala pada sebelah malam pula diadakan usrah.

### **Dewan Zulkifli Muhammad (Medan Ilmu)**

Dewan Zulkifli Muhammad menjadi tumpuan ramai memandangkan tenaga pengkuliah terdiri daripada pemimpin-pemimpin peringkat negeri antaranya Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, Nik Abdullah Arshad, Ustaz Mohamed Daud Iraqi, Ustaz Yahya Othman dan ramai lagi pemimpin utama PAS.

Ustaz Shaary Awang dilantik sebagai petugas khas yang bertanggungjawab mengatur pengkuliah di Dewan Zulkifli Muhammad. Selain itu penceramah yang bergerak ke seluruh Kelantan terdiri daripada Ustaz Buniyamin Yaakob, Haji Omar Mohamad dan Ustaz Mustafa Ibrahim.

Kuliah pagi Jumaat di Dewan Zulkifli Muhammad diadakan selepas Tok Guru Nik Aziz tidak lagi dibenar menyampaikan kuliah di Masjid Muhammadi yang terletak di tingkat dua Pejabat Perhubungan PAS Kelantan. Setiap pagi Jumaat dewan tersebut penuh sesak dengan kehadiran orang ramai sehingga terpaksa bertinggung di atas tangga.

Malah ramai juga mendengar kuliah di kaki lima Pejabat Perhubungan PAS Kelantan dan kedai-kedai berdekatan. Corong pembesar suara juga dihalai ke bawah. Kuliah Tok Guru yang digelar dengan panggilan Murabbi Ummah itu turut dirakam dan dijual kepada orang ramai. Malah puluhan ribu kaset, CD dan buku yang merakam ilmu agama dan politik dicurahkan Tok Guru Nik Abdul Aziz. Beliau memang cukup popular dalam kalangan rakyat.

Bagaimanapun selepas Tok Guru Nik Abdul Aziz menghadapi masalah jantung pada 2004, kuliah pagi Jumaat dipindahkan ke Jalan Dato' Pati. Yang kemudiannya ditutup kepada semua lalu lintas bermula jam 9 malam sehingga 12 pagi Jumaat. Banyak khemah didirikan di atas jalan untuk membolehkan orang ramai berteduh sambil mengikuti kuliah. Pentas pengkuliah juga disediakan. Orang ramai duduk bersila di segenap penjuru.

Saban hari Jumaat, seawal jam 6.30 pagi, kenderaan dua dan empat roda mulai merangkak menuju ke Medan Ilmu. Sehingga kini, setiap pagi Jumaat, Jalan Dato' Pati menjadi tumpuan orang ramai dan pelancong asing untuk mendengar kuliah agama. Jalan-jalan di sekitarnya turut dipenuhi dengan deretan kenderaan.

Tok Guru Nik Abdul Aziz seumpama magnet yang berupaya menarik ribuan orang membanjiri Jalan Dato' Pati. Mantan Menteri Besar Kelantan itu mengisi kuliah sesi kedua walaupun kini beliau sering keuzuran.

Suara dan bahasanya membuatkan hadirin tidak berganjak biarpun sinaran mentari pagi memancar. Ada juga rombongan masyarakat Tionghua dari luar Kelantan turut bersila di atas jalan sambil tekun mendengar setiap kupasan yang disampaikan oleh Tok Guru.

Medan Ilmu seumpama pekan sehari. Boleh juga disebut sebagai 'pasar minggu plus' iaitu berbelanja sambil menuntut ilmu. Pelbagai gaya dan rencam kehidupan dapat disaksikan. Hampir semua keperluan harian tersedia, sama ada kuih-muih, sayur-sayuran bahkan aneka busana muslim turut dijual.



**Pusat tarbiah Pasir Mas**



**Kuliah Masjid Besar Pasir Mas**



**Ustaz Azhar Idrus berceramah di Medan Ilmu**

Benarlah kata Tok Guru Nik Abdul Aziz, Kelantan sejak dahulu terkenal dengan jolokan Serambi Mekah kerana kegiatan keagamaannya. Ia berbeza berbanding negeri-negeri lain di Malaysia.

“Kalau dahulu mereka yang berminat mendalami ilmu agama terpaksa merantau ke Patani dan Mekah. Sekarang masyarakat dapat belajar agama dengan mendatangi Medan Ilmu,” ujarnya pada kuliah awal Rejab 1435. Jalan Dato’ Pati dimasyhurkan sebagai Medan Ilmu selepas Kota Bharu dikenali sebagai Bandar Raya Islam pada tahun 2005.

Sebelum ini kuliah di situ bermula jam 9.30 pagi dan berakhir sejam kemudian. Bermula tahun 2008, kuliah diadakan dua sesi bermula jam 8.30 pagi. Sesi awal kebiasaannya membariskan tokoh-tokoh muda PAS. Ada juga sesi pertama bergantian di antara Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar, Ketua Pemuda PAS Kelantan, anggota parlimen Bachok dan lain-lain pimpinan.

Kebiasannya Tok Guru Nik Abdul Aziz akan mengisi kuliah sesi kedua. Bahkan pada 28 Februari 2014 yang lalu, ‘selebriiti dakwah’ Ustaz Azhar Idrus juga pernah menyampaikan kuliah di situ. Sambutan daripada orang ramai amat menggalakkan sehinggakan jalan sekitarnya penuh sesak dipenuhi pengunjung.

Semarak kuliah agama mingguan tidak hanya berpusat di Medan Ilmu sahaja, malah di setiap daerah di Negeri Cik Siti Wan Kembang terdapat tempat-tempat pengajian agama sama ada pagi Jumaat mahupun Sabtu.

Sebahagian besar ianya diselenggarakan oleh PAS peringkat kawasan. Malah ada juga kuliah yang dilangsungkan di masjid-masjid dan surau dalam kawasan pasar di bawah pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan.

### **Pusat Tarbiah Pohon Buluh**

Pondok Pohon Buluh terletak di mukim Meranti, daerah Kubang Gadong, 5km dari bandar Pasir Mas dan 20km dari Bandar Kota Bharu. Lokasi pusat tarbiah itu tidak jauh dari Jalan Pasir Mas-Meranti, manakala PAS Rantau Panjang pula mempunyai pusat tarbiah yang tersergam di jalan raya Pasir Mas-Rantau Panjang.

Madrasah Nasrullah yang terletak di Kampung Pohon Buluh, Meranti, Pasir Mas merupakan pusat tarbiah yang masyhur pada suatu masa dahulu sehingga berjaya menghasilkan ulama-ulama terkenal di Kelantan. Pusat pengajian agama itu masih beroperasi sehingga kini. Ia diasaskan oleh Tok Guru Haji Abdul Rahman Salleh dan Ustaz Haji Mokhtar Latif yang berasal daripada Thailand.

Mereka merupakan tenaga pengajar di Madrasah Nasrullah. Kawasan pusat tarbiah tersebut merupakan tanah milik yang diwakafkan oleh Haji Hassan bagi tujuan pembinaan madrasah. Bangunan-bangunan lain yang dibina termasuk pondok kediaman penghuni. Asrama pelajar pula dibina pada awal 1970-an.

Pada awal penubuhannya, ia berfungsi sebagai sekolah pondok bagi memberi pendidikan tarbiah kepada kanak-kanak, orang dewasa dan warga emas. Madrasah tersebut turut menyediakan kelas Pusat Asuhan Tunas-tunas Islam (PASTI). Selain itu kelas Qiraati disediakan untuk golongan dewasa dan warga pondok bagi mendalami ilmu al-Quran.

Warga emas pula mendiami rumah-rumah pondok yang dibina. Pada 1990-an, dibina pula asrama dua tingkat bagi menempatkan pelajar-pelajar tahfiz. Kemudahan lain yang disediakan termasuk masjid, tempat letak kereta, rumah tenaga pengajar dan kedai runcit.

Kini, setiap pagi Jumaat kuliah agama disampaikan oleh ADUN Meranti, Dato’ Mohd Nassuruddin Daud. Selain itu Ustaz Mansor Daud dan pensyarah Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra juga seringkali menjadi pengkuliah di Pusat Tarbiah Pohon Buluh.

Sebelum itu, Tok Guru Haji Daud (ayah kepada ADUN Meranti) dan bekas Ketua Dewan Ulama PAS Kelantan, Ustaz Zakaria Ismail juga pernah menjadi tenaga pengajar utama.

Setiap pagi Jumaat, kawasan pusat tarbiah itu dipenuhi dengan orang ramai. Penduduk yang tinggal di sekitar Pasir Mas, Rantau Panjang dan Tumpat mengambil kesempatan datang menimba ilmu agama di Madrasah Nasrullah.

### **Medan Ilmu Kedai Mulong**

Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam (MDKPI) juga mewujudkan Medan Ilmu bagi membolehkan masyarakat



**Kuliah Perang Badar, Padang Majlis Daerah Ketereh**

di sekitar parlimen Ketereh mengikuti kuliah agama pada setiap pagi Jumaat dan Sabtu.

Sehingga kini, dua lokasi dijadikan tempat kuliah mingguan iaitu di Kedai Melor dan Kedai Mulong. Kuliah agama di Kedai Melor diadakan di surau pekan tersebut yang menjadi tumpuan ramai pada hari minggu. Ia dilancarkan pada tahun 2008.

Selepas kejayaan medan ilmu pertama, MDKPI kemudian mewujudkan medan ilmu kedua iaitu di Kedai Mulong yang dilancarkan pada 30 Zulhijjah 1430 bersamaan 17 Disember 2009 bertempat di perkarangan surau Pasar Kedai Mulong. Pelancaran disempurnakan Yang DiPertua Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam, Tengku Azmi Tengku Jaafar.

Majlis pelancaran Medan Ilmu itu dimulakan dengan Kuliah Perdana Hijratul Rasul disampaikan oleh Pegawai Halaqat Kawasan Kota Bharu, Ustaz Nor Azariza Mohd Alawi. Program itu diserikan lagi dengan bacaan ayat-ayat suci al-Quran yang disampaikan oleh Johan Qari Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Kelantan 2009 iaitu Mohd Anuar Razali.

Kewujudan medan ilmu di kawasan parlimen Ketereh melengkapkan lagi agenda menjadikan Majlis Daerah Ketereh sebagai Perbandaran Islam bermula 2010. Tenaga pengkuliah di Medan Ilmu Kedai Melor dan Kedai Mulong terdiri daripada pegawai Dakwah Halaqat Parlimen Ketereh. Turut juga diundang ADUN Melor, Dr Yusnan Yusof dan penceramah dari luar kawasan.

Orang ramai yang datang selain dapat membeli keperluan harian, mereka juga dihidangkan dengan pengisian rohani. Malah penduduk yang tinggal di tempat lain juga datang mengikuti kuliah agama yang disampaikan.

Ternyata MDKPI berjaya mempelopori usaha tersebut. Label Perbandaran Islam mencerminkan identiti Islam semakin disuburkan di kawasan parlimen Ketereh. MDKPI telah melancarkan satu program Jawatankuasa Penduduk (JKP) yang bertujuan bagi merapatkan lagi hubungan dengan masyarakat setempat.

### Lokasi-lokasi lain

Di Tanah Merah, tempat popular kuliah pagi Jumaat ialah di Kampung Kelewek. Kehadiran Senator Dato' Dr Johari



Mat dua minggu sekali dengan diselangi Dr Azhar Abdullah menjadi tarikan utama kepada orang ramai.

Begitu juga di Gua Musang, kuliah pagi Jumaat yang diadakan di Pejabat PAS Gua Musang turut mendapat perhatian penduduk dari Merapoh, Kuala Lipis. Kuliah tersebut diadakan di dewan Pejabat PAS yang dikendalikan secara bergilir-gilir oleh Pengelola Dakwah Halaqat Gua Musang, Ustaz Suhaimi Mat Deris, Penyelia Dun Galas, Ustaz Abdullah Husain dan guru-guru Maahad Muhammadi Gua Musang.

### Kesimpulan

Sebelum dan selepas tahun 1990, setiap pagi Jumaat bermula jam 8 pagi, dua tokoh ulama yang tersohor iaitu Tok Guru Nik Abdul Aziz dan bekas Yang DiPertua ABIM Kelantan, Ustaz Muhammad Mustafa sering kali menyampaikan kuliah tafsir di Masjid Muhammadi, kemudian menyampaikan kuliah di Kompleks ABIM, Tanjung Mas.

Orang ramai mengikuti kuliah di Masjid Muhammadi kemudian berduyun-duyun pula bergerak ke Medan Ilmu bagi mengikuti kuliah Tok Guru Nik Abdul Aziz yang bermula jam 9.30 pagi. Ustaz Muhammad yang juga ADUN Demit dan bekas anggota parlimen Peringat sekarang hanya meneruskan kuliah agama di Kompleks ABIM dan sekali sekala menyampaikan kuliah agama di Medan Ilmu.

Sekarang tampil ulama-ulama muda yang dikenali ramai termasuk Ustaz Mohd Asri Mat Daud, Ustaz Zulkarnain Hassan, Ustaz Nik Mahadi Nik Mahmood dan Ustaz Nik Abdul Nik Abdul Aziz mengasah bakat di Medan Ilmu.

Suasana pembelajaran itu disifatkan Tok Guru Nik Abdul Aziz sebagai menghidupkan suasana seperti di Serambi Mekah. Ini dapat dibuktikan lagi apabila kuliah agama pagi Jumaat dan Sabtu juga diadakan di hampir seluruh parlimen di Kelantan.

### Rujukan

Abdul Razak Mahmud (2002), Ikhtisar Sejarah Kelantan, Pustaka Aman Press, Kota Bharu.

Mohd Rashad Shamsuddin M.D (2000), Islam Di China, Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur.

Mohd Amin Yaakub (2001), Sejarah Pemerintahan PAS Kelantan 1959-1990, Pusat Kajian Strategi, Kota Bharu.

# DR ABDULLAH SUDIN AB RAHMAN (D.A.S.A.R)

## Ilmu dunia dan akhirat mesti seiring

Oleh Shariah Derahman Foto Ahmad Naim Muhammad

Dr Abdullah Sudin Ab Rahman merupakan seorang ahli akademik berpengalaman lebih 38 tahun dalam dunia pendidikan. Beliau juga merupakan Presiden Pertubuhan Himpunan Lulusan Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN), sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang aktif dalam perkhidmatan misi kemanusiaan dan kemasyarakatan di persada antarabangsa dan domestik.

Dari sudut pendidikan, Dr Abdullah adalah seorang pakar ekonomi yang aktif dalam penyelidikan dan pembangunan terutama dalam bidang sosio-ekonomi dan kemiskinan. Beliau telah menghasilkan lebih 200 kertas kerja, ceramah, forum dan bengkel di peringkat kebangsaan dalam ekonomi, pengurusan, pendidikan Islam, motivasi dan keusahawanan.

Di luar kerjaya, beliau aktif dalam menerajui dan menginspirasi semangat kesukarelawan dan khidmat masyarakat dikalangan beliau, menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada mereka yang memerlukan di dalam dan di luar negara seperti di Palestin, Kemboja, Syria, Somalia dan Myanmar. Beliau kini berkhidmat sebagai Ketua Eksekutif, Kolej Teknologi Darulnaim (KTD), sebuah kolej swasta di negeri Kelantan. Ikuti temuramah bersama beliau bagi mengenalinya dengan lebih dekat...

**Qiadah: Boleh Dr kongsi sedikit latar belakang Dr dan keluarga kepada pembaca Qiadah?**


**D.A.S.A.R:** Saya dilahirkan pada 20 Disember 1949 dan berasal dari Pengkalan Chepa, Kelantan. Saya memperolehi PhD daripada University of Wales, United Kingdom pada tahun 1995 dengan tesis yang menumpukan kepada kajian kemiskinan selaras dengan perspektif Islam. Terdahulu, pada tahun 1982, saya mendapat Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Analitikal) dari Universiti Malaya.

Saya mempunyai seorang isteri, Pauziah Yaacob yang kini merupakan seorang pesara guru. Melalui perkahwinan ini, kami dianugerahi 7 orang anak iaitu 5 lelaki dan 2 perempuan.

**Qiadah: Bagaimana pula dengan perjalanan karier Dr?**

**D.A.S.A.R:** Saya memulakan kerjaya sebagai juruteknik Jabatan Parit dan Tali Air yang dikenali sebagai KADA, Jabatan Kerja Raya (JKR) Kelantan pada tahun 1971 sehingga 1972. Kemudian saya melanjutkan pelajaran diperingkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaya.





DASAR & Dato' Abu Azam



Selepas selesai pelajaran di peringkat ijazah, saya bekerja dengan EPU, Jabatan Perdana Menteri. Kemudian saya bekerja dengan sebuah bank sekejap, kemudian berkhidmat dengan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) selama setahun sebelum berpindah ke alam pendidikan di kampus Institut Teknologi MARA (kini Universiti Teknologi MARA) cawangan Perlis pada 1 Mac, 1976.

Seterusnya, saya berpindah ke cawangan ITM di Terengganu pada tahun 1982 sehingga tahun 1986 dan kemudian saya berkhidmat di UiTM cawangan Kelantan pada tahun 1986 sehingga 2003. Di sini, saya mula membina kerjaya sebagai pensyarah, kemudian menjadi Penyelaras Program Luar Kampus, Ketua Jabatan Ekonomi, dan kemudian Ketua Jabatan Penyelidikan. Pada tahun 1987, saya dilantik menjadi Timbalan Pengarah Kampus dan setahun kemudian, telah dilantik sebagai Pengarah Kampus, UiTM Cawangan Kelantan.

Selepas bersara pada tahun 2003, saya dilantik sebagai Ketua Eksekutif, Institut Teknologi Darulnaim (ITD) yang kemudiannya menjadi Kolej Teknologi Darulnaim (KTD) sehinggalah ke hari ini.

Disamping itu, saya turut menyumbang bakti dalam bidang kebajikan dan kemasyarakatan dengan menerajui sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sebagai Presiden iaitu Pertubuhan Himpunan Lulusan Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN). Di samping itu juga, saya juga merupakan Presiden kepada Gabungan Profesional Kelantan (GPK).

**Qiadah: Boleh Dr. kongsikan apa resipi kejayaan Dr. sehingga berada ditahap sekarang?**

**D.A.S.A.R:** Hakikat kejayaan sebenar belum dirasai. Hal ini kerana kejayaan yang sebenar hanya dapat kita rasai selepas mati iaitu apabila dijauhkan daripada api neraka Allah SWT dan dimasukkan ke dalam Syurga-Nya. Ini seperti mana firman Allah SWT yang bermaksud :

*"Setiap yang bernyawa akan merasakan kematian. Dan hanya pada hari kiamat sahajalah diberikan dengan sempurna balasanmu. Barang siapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke dalam syurga, sungguh dia memperoleh kemenangan. Kehidupan dunia hanyalah kesenangan yang memperdaya."* (Ali Imran 3:185)

Jelas di sini, hanya di akhirat ganjaran yang sebenar daripada Allah SWT. Cuma dalam konteks realitinya sehingga ke hari ini dalam bidang pendidikan dan kerjaya, semuanya berhasil apabila saya mulai berjinak-jinak dengan pendidikan Islam. Sekitar awal tahun 1960-an (ketika Sekolah Menengah), saya mendapat pendidikan Islam di madrasah-madrasah yang berhampiran di kampung saya. Pada masa itu, saya bahagikan masa antara Maghrib sehingga Isyak setiap malam dan juga hari Jumaat untuk mendalami ilmu agama.

Sebelum itu, pencapaian akademik saya tidak begitu memuaskan tetapi selepas mendapat didikan Islam dan penghayatan agama seperti ilmu tauhid, sentiasa



**Dr. Abdullah Sudin Abdul Rahman dan En. Leo O'Brien**



**D.A.S.A.R. bersama Ismail Haniyeh**



mendirikan solat fardu dan mampu membaca al-Quran serta sentiasa membacanya, pencapaian akademik saya meningkat baik. Ia seiring dan selari antara amalan Islam dan pencapaian akademik.

Justeru, boleh saya simpulkan bahawa resepi kejayaan saya pada hari ini adalah penghayatan didikan Islam itu sendiri. Sumber didikan Islam adalah berteraskan al-Quran dan Hadis, dan itulah sumber kehidupan saya. Anugerah Allah SWT yang memberikan kecenderungan kepada saya untuk belajar agama sehingga walaupun sudah berkerjaya, saya masih meneruskan proses pendidikan agama sehinggalah sekarang. Walaupun saya berkelulusan dalam bidang ekonomi tetapi dengan izin Allah SWT, saya diberikan kemampuan oleh-Nya untuk melanjutkan pelajaran sehingga PhD dalam bidang ekonomi Islam.

**Qiadah: Sebagai anak Kelantan dan mahir dalam bidang ekonomi, apa pandangan Dr. tentang ekonomi Kelantan?**

**D.A.S.A.R:** Negeri Kelantan mempunyai potensi yang sangat besar untuk dibangunkan dan dikembangkan terutamanya didalam bidang ekonomi. Dengan bentuk muka bumi dan hasil bumi yang dianugerahkan oleh Allah SWT, ternyata ianya boleh diusahakan oleh manusia termasuk persisiran pantai, bukit-bukau, hutan belantara dan pelbagai tempat menarik yang mampu menjadi tarikan pelancong. Hal ini secara tidak langsung boleh menjana pendapatan penduduk Kelantan dan meningkatkan ekonomi negeri Kelantan.

Begitu juga dengan tempat-tempat tinggalan sejarah seperti Bukit Marak sebagai tempat penginapan Cik Siti Wan Kembang, Pantai Sri Tujoh, Pantai Irama dan Masjid Kampung Laut mampu memberikan satu pulangan pendapatan

kepada Kelantan jika ianya diuruskan secara kolektif dan menyeluruh. Salah satu hasil bumi yang wujud di Kelantan ialah hasil galian petroleum. Sekiranya hasil ini diberikan hak kepada Kelantan sepenuhnya untuk diuruskan, insya-Allah terlalu banyak manfaat yang akan diperolehi oleh semua pihak termasuk rakyat Kelantan sendiri.

**Qiadah: Bagaimana pula dengan segelintir masyarakat luar yang suka melabelkan Kelantan sebagai negeri termiskin? Adakah itu realitinya?**

**D.A.S.A.R:** Jawapannya ialah ya dan tidak. Ya – jika dilihat pada perspektif kebendaan pada masa-masa tertentu. Tidak – jika dipandang pada perspektif yang sama pada masa-masa yang lain pula. Kelantan – dari perspektif Islam boleh dianggap miskin dan tidak miskin. Miskin bukan sahaja dari aspek kebendaan tetapi juga dari aspek kerohanian dan amalan agama.

Contoh yang jelas, orang Kelantan – dari sudut agama dikenali sebagai kelompok yang kuat agamanya, maka dari sudut itu tidak boleh dikatakan miskin. Dalam bidang perniagaan, rata-rata ianya diusahakan sendiri oleh rakyat Kelantan dan kerajaan hanya membantu dari sudut-sudut tertentu sahaja. Hal ini juga boleh dilihat dari aspek pembinaan masjid di sekitar Kelantan. Jika harga masjid sekitar RM200,000, kebiasaannya kerajaan akan bantu hanya dalam RM20,000. Maka selebihnya diusahakan sendiri oleh rakyat. Ini membuktikan bahawa mereka mampu berdikari dalam melakukannya.

Dari sudut mana kita melihat dan menilai itu sangat penting. Justeru, perspektif itu harus dilihat pada sudut pandangan yang betul.



# MAJLIS KUMPULAN PMBK BERSAMA PENERUSI BAGI TAHUN 2014 "Amanah & Tanggungjawab"



**Ketibaan Ustaz Dato' Ahmad Yakob disambut oleh Ketua Pegawai Operasi PMBK**

07 Rabiul Awal 1435H, bersamaan 09 Januari 2014, telah berlangsung satu Majlis Kumpulan PMBK Bersama Pengerusi bagi Tahun 2014. Majlis tersebut telah diadakan di Perdana Resort yang dihadiri seramai 150 orang kakitangan PMBK dan kumpulan. Majlis ini merupakan julung-julung kalinya diadakan bersama Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan.

Majlis ini diserikan dengan kehadiran ahli Jawatankuasa Penasihat PMBK dan kakitangan kumpulan PMBK. Tujuan majlis ini diadakan adalah sebagai salah satu medan untuk menyampaikan maklumat mengenai hala tuju dan hasrat Ustaz Dato' Pengerusi PMBK serta dapat menyemai silaturrahim diantara pengerusi dan kakitangan kumpulan PMBK. Disamping itu juga, dengan adanya program sebegini, pelbagai hal berkaitan dengan anak syarikat dapat dibincangkan diantara satu sama lain.

Antara petikan ucapan oleh Ketua Pegawai Operasi PMBK, "penganalisa ekonomi meramalkan bahawa tahun 2014 adalah sebagai tahun mencabar bagi perkembangan ekonomi negara. Tempiasnya pasti akan turut dirasai oleh PMBK. Disamping itu juga, beliau sempat mengingatkan agar amanah dan tanggungjawab yang telah disandarkan

dalam menuntut seluruh tenaga, keringat dan idea dalam membangunkan PMBK demi kesejahteraan bumi Serambi Mekah.”

Sempena dengan majlis itu juga, Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan merangkap Pengerusi PMBK juga menyebut konsep ekonomi yang diamalkan oleh Nabi Yusuf a.s iaitu berbelanja jangan sampai membazir dan menyimpan

jangan sampai kedekut. Penggunaan hasil masyhul negeri juga perlu dimanfaatkan sepenuhnya untuk kegunaan generasi masa akan datang. Urus tadbir korporat yang efektif adalah menjadi hasrat dan cita-cita PMBK.

Dikesempatan ini juga, sesi bergambar turut diadakan di antara Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan dan Kumpulan Pengurusan PMBK sebagai kenang-kenangan.



*Sebilangan besar kakitangan kumpulan PMBK yang hadir*





## AUDIT PERSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2008 20-21 OGOS 2014



# MAJAARI MENGEKALKAN PENGIKTIRAFAN PENSIJILAN MS ISO 9001:2008

Majaari Services Sdn Bhd sekali telah diiktiraf oleh SIRIM Berhad (SIRIM) apabila berjaya melepasi Audit Pensijilan Semula (re-certification) yang dijalankan oleh SIRIM pada 20 dan 21 Ogos 2014. Sesi Pembukaan untuk Audit Pensijilan Semula telah dirasmikan oleh Sanusi Hj Othman, Ketua Pegawai Operasi, Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK).

Kerja-kerja pengauditan bagi pensijilan semula MS ISO 9001:2008 telah dijalankan oleh dua orang pegawai SIRIM iaitu Mahmud Rizal Othman selaku Ketua Pasukan Audit dengan dibantu oleh Azhar Mustapha.

Pada audit kali ini, Majaari telah menunjukkan kecemerlangan dalam mematuhi prosedur-prosedur kerja apabila SIRIM melaporkan tiada rekod ketidakpatuhan yang dicatatkan sepanjang siasatan audit dijalankan.

Kesimpulan penemuan audit kali ini menyatakan bahawa dokumentasi dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) bagi proses-proses yang diaudit secara keseluruhannya adalah mengikut kehendak ISO 9001:2008. Komitmen terhadap pelaksanaan SPK pada amnya adalah baik dan berterusan.

Pihak organisasi masih lagi dapat menunjukkan bukti dalam mengawal proses-proses yang dibangunkan dengan baik. Ini secara tidak langsung memberi keyakinan kepada pelanggan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan. Ini membolehkan pihak SIRIM mengesyorkan untuk Majaari diteruskan pensijilan semula tanpa pindaan.

Audit Pensijilan Semula adalah susulan dari kejayaan Majaari pada 1 Februari 2012 dalam mendapatkan pengiktirafan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 daripada SIRIM berdasarkan kepada sistem dan prosedur pengurusan berpandukan standard ISO yang telah digunakan sejak ia mula beroperasi pada tahun 2009.

Pengiktirafan terbaru ini telah memberikan lebih keyakinan kepada Majaari untuk terus melaksanakan tanggungjawab pengurusan pembetulan di Kelantan dengan lebih efektif setaraf dengan syarikat pembetulan nasional sedia ada di Malaysia, Insya-Allah.

### Majaari – Sekilas Pandang

Majaari adalah syarikat 100% milik Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn Bhd (KUMH) yang merupakan anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Kelantan melalui Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) yang ditubuhkan pada 14 Disember 2007.

Majaari yang bermaksud mengalir dalam Bahasa Arab dipengerusikan oleh Dato' Haji Abdul Fattah Haji Mahmood, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Kelantan dan dibantu oleh beberapa orang Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang profesional dan berpengalaman luas.

Kerajaan Negeri Kelantan telah menyerahkan pengurusan pembentungan seperti operasi dan penyelenggaraan loji rawatan kumbahan awam, pengosongan tangki septik (desludging) dan agensi perakuan pembentungan bagi pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada MSSB pada 4 Muharam 1430H bersamaan 1 Januari 2009.

Majaari sentiasa menitikberatkan aspek penjagaan tatatertib, kebolehtanggungjawaban dan pelaksanaan yang berkualiti seperti yang dianjurkan oleh Islam dengan melaksanakan kerja-kerja perkhidmatan pambetulan yang merupakan satu fardhu kifayah sebaik mungkin.

Pelbagai kejayaan telah berjaya dicapai oleh Majaari selama ia beroperasi sehingga kini termasuklah membaikpulih dan menaiktaraf loji-loji rawatan kumbahan awam sekitar Kota Bharu dengan jayanya dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Kapasiti 8 loji dan 13 buah stesen pam yang berada di 9 lokasi dijangka memberi manfaat kepada 47,500 penduduk di kawasan tersebut.

Majaari telah berjaya memberikan khidmat yang bermutu tinggi disebalik pelbagai cabaran yang dihadapi termasuklah kekangan kewangan dan peruntukan yang terhad hasil dari usaha, keprihatinan, komitmen dan tanggungjawab terhadap rakyat dalam menjaga alam sekitar khususnya sumber air.



**SUDAHKAH ANDA  
MENGOSONGKAN  
TANGKI SEPTIK  
DI PREMIS  
ANDA?**



**Kami Menyediakan Perkhidmatan**  
▶ Pengosongan Tangki Septik  
▶ Membersihkan Sumbatan

**TALIAN PENGGUNA**

**09-747 0005**

# ERAT SILATURAHIM

## PERTANDINGAN BOLING ANTARA JABATAN PMBK

Oleh Shariah Derahman | Foto Ahmad Nai'me Muhammad



Jabatan Pembangunan Korporat telah mengungguli Pertandingan Boling Peringkat Jabatan PMBK yang dianjurkan oleh Jabatan Komunikasi Korporat pada 15 Februari 2014 bertempat di Pacific Bowl, KB Mall, Kota Bharu. Jabatan ini bukan sahaja memenangi hadiah Jabatan Terbaik, malah turut memenangi Peserta Muslimin dan Muslimat Terbaik dengan jumlah jatuhan pin paling banyak.

Pertandingan ini merupakan acara yang julung-julung kalinya diadakan bagi mengumpul kakitangan bersama keluarga sambil bersantai pada hujung minggu disamping mengeratkan silaturahim sesama kakitangan.

Acara dimulakan dengan ketibaan para peserta pada jam 2.30 petang, seterusnya ucapan aluan oleh Ketua Pegawai Operasi PMBK, dan disusuli taklimat



Seawal ketibaan, bersantai menantikan pertandingan bermula.

ringkas berkenaan pertandingan oleh Pengurus Kanan Komunikasi Korporat.

Sebanyak 6 kumpulan mengambil bahagian dalam pertandingan ini yang diwakili oleh 4 orang peserta. Ia turut dimeriahkan oleh kakitangan lain yang hadir sebagai penyokong untuk memberi semangat kepada rakan yang bertanding mewakili jabatan masing-masing.

Beberapa kategori dipertandingkan bagi membakar semangat pemain untuk terus berjuang. Kategori jatuhan pin tertinggi lelaki telah dimenangi oleh Mohd Zairuh Paridin (wakil Jabatan Pembangunan Korporat) dan kategori wanita dimenangi oleh Syazaima Arham Yahya Ariff (juga wakil Jabatan Pembangunan Korporat). Bagi kategori berkumpulan pula, tempat pertama dimenangi oleh Jabatan Pembangunan Korporat, diikuti Jabatan Audit Dalaman di tempat kedua, seterusnya di



**Gaya hayunan** dari salah seorang pemain yang memberi mata penuh "Strike!" pertama.

tempat ketiga pula dimenangi oleh Jabatan Kewangan & Pemasaran, dan bagi tempat keempat dan kelima dimenangi oleh Jabatan Ketua Pegawai Operasi dan Jabatan Sumber Manusia. Manakala tempat keenam dan kumpulan sorak terbaik dimenangi oleh Jabatan Hartanah. Hadiah disampaikan oleh Ketua Pegawai Operasi PMBK.

Program yang berlangsung selama 3 jam ini berakhir pada jam 5.00 petang. Program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada semua kakitangan dan ahli keluarga kakitangan PMBK. Melalui program ini juga hubungan di antara kakitangan dan ahli keluarga bertambah erat dan mesra.



**Johan**  
Jabatan Pembangunan Korporat  
Jatuhan pin: 1255



**Naib Johan**  
Jabatan Audit Dalaman  
Jatuhan pin: 994



**Tempat Ketiga**  
Jabatan Kewangan dan Unit Pemasaran  
Jatuhan pin: 956



**Tempat Ke-4, Ke-5 & Ke-6**  
Jabatan Ketua Pegawai Operasi, Jabatan Sumber Manusia, dan Jabatan Hartanah  
Jatuhan pin: 902, 852 dan 823



**Kategori Sorakan & Sokongan Berkumpulan**  
Jabatan Hartanah



**Kategori Muslimin Terbaik**  
Mohd Zairuh Paridin • Jatuhan pin: 387  
**Kategori Muslimat Terbaik**  
Syazaima Arham Yahya Ariff • Jatuhan pin: 209



● Sesi pendaftaran



● Ucapan aluan



● Jabatan KPO



● Jabatan Hartanah



● Jabatan Kewangan



● Jabatan Sumber Manusia



● Jabatan Audit Dalaman



● Johan



● Naib Johan



● Tempat ketiga



● Tempat keempat



● Tempat kelima



● Tempat keenam



● Muslimin terbaik



● Muslimat terbaik





# MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN RAMADAN 1435H KEPADA SAUDARA BARU

## Berat Sama Dipikul, Ringan Sama Dijinjing

Oleh Siti Norazami Mohd Anuar Foto Ahmad Nai'me Muhammad

Golongan muallaf adalah antara mereka yang layak menerima zakat. Ia sebagaimana yang terkandung dalam firman Allah yang maksudnya: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, orang miskin dan amil-amil yang menguruskannya dan orang muallaf.. (at-Taubah: 60)

Pada 22 Ramadan 1435H bersamaan dengan 20 Julai 2014, PMBK dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) telah mengadakan satu Majlis Penyampaian Sumbangan Ramadan 1435H kepada 100 orang saudara baru sebagai satu program tanggungjawab sosialnya sempena bulan Ramadan.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh Dr Md Yusnan Yusoff, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan & Hubungan Serantau Negeri Kelantan. Penyampaian sumbangan tersebut adalah sebagai kebajikan kepada mereka dalam memenuhi tuntutan berpuasa serta Aidilfitri yang bakal menjelang tiba.

Islam sebagai satu agama yang prihatin, telah memberi jaminan kepada golongan saudara baru ini bahawa nasib mereka akan dibela sehinggalah mereka boleh berdikari.

Golongan ini telah tersenarai dalam kalangan lapan asnaf yang layak menerima zakat dan ia merupakan salah satu

syariat (peraturan hukum) yang masih tetap berlaku sehingga sekarang dan masih belum dinasakhkan (masih belum dihapuskan) mengikut pendapat jumur ulama fekah (majoriti) sehingga orang-orang muallaf yang kaya juga tidak dihalang dari menerima harta zakat.

Golongan sebegini perlu diberi perhatian agar bertambah mantap agama Islamnya. Ini kerana mereka bukan sahaja seperti bayi yang baru lahir iaitu suci dari segala dosa dan noda malah iman mereka juga masih lemah. Namun mereka yang mengamalkan ajaran Islam dengan betul adalah mereka yang mendapat darjat yang tinggi di sisi Allah SWT.

Islam sebenarnya bermula dengan muallaf. Setelah Nabi Muhammad SAW diangkat oleh Allah SWT menjadi Rasul, maka seluruh umat Islam yang mengikut Rasulullah SAW adalah bergelar muallaf, kecuali Saidina Ali Abi Talib kerana beliau memeluk Islam ketika masih di bawah umur yakni ketika usia remaja.

Moto "Untung Dunia, Untung Akhirat" PMBK secara jelas meletakkan konsep takwa dalam setiap perancangan yang pastinya menjadi kayu ukur ampuh dalam melunaskan tanggungjawab sosial. Konsep ini jauh merentasi sempadan dunia. Mengharapkan barakah pahala untuk kehidupan di akhirat Allah nanti.

# MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN RAMADAN KEPADA GOLONGAN MISKIN DARI PELBAGAI KAUM

Menghayati dasar Kelantan sebuah negeri berkeadilan



Perbadanan Menteri Besar Kelantan dan Kumpulan telah sekali lagi mengambil peluang sempena bulan Ramadan yang digelar dengan syahru muwasah iaitu bulan bersimpati dan bersedekah untuk menghulurkan bantuan kepada golongan miskin dari pelbagai kaum.

Majlis yang diadakan secara tahunan sempena program Ihya' Ramadan Masjid Kota Darulnaim 1435H telah disempurnakan oleh Ustaz Dato' Hj Ahmad Yakob, Menteri Besar Kelantan selaku Pengerusi PMBK. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK yang baharu dilantik pada 1 Julai 2014, Hj Ahmad Zakie Hj Ahmad Shariff turut menghadiri majlis ini dengan disertai oleh kakitangan PMBK serta Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB).

Sejumlah RM12,000 diperuntukkan untuk menyantuni 100 orang asnaf dan fakir miskin termasuk 30 orang bukan Islam yang dipilih berdasarkan kelayakan dalam kategori asnaf dari Parlimen Pengkalan Chepa yang merangkumi ketiga-tiga DUN iaitu Kijang, Chempaka dan Panchor.

Ia dianjurkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Aktiviti Masjid Kota Darulnaim (JAMiL) telah bermula pada jam 8.30 pagi sebaik sahaja ketibaan Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan yang turut menyampaikan tazkirah sebelum menghulurkan sumbangan kepada para penerima. Beliau menyarankan agar kakitangan PMBK dan AKSB menggunakan peluang pada bulan Ramadan ini untuk memperbanyakkan amalan seperti solat terawikh, bertadarrus al-Qur'an serta bertadabbur dengannya selain memperbanyakkan sedekah.

Program sebegini diharapkan dapat membangunkan kerohanian dalam diri setiap kakitangan yang dilihat sebagai teras yang seharusnya tidak ditinggalkan dalam menjana keuntungan syarikat. Semoga Kumpulan PMBK dapat muncul sebagai sebuah organisasi yang terunggul bersesuaian dengan moto PMBK iaitu "Untung Dunia, Untung Akhirat".



# MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA PKINK & MBI SELANGOR DAN PMBK & MBI SELANGOR

Oleh Siti Norazami Mohd Anuar Foto Ahmad Nai'me Muhammad

Perjanjian antara tiga pihak telah termeterai, tanggal 02 Mac 2014, bertempat di Kediaman Rasmi Menteri Besar Kelantan. Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman di antara Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dan Perbadanan Menteri Besar Selangor (MBI Selangor) serta Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).

Majlis tersebut dihadiri oleh YAB Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan, YAB Tan Sri Menteri Besar Selangor, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, Ketua Pegawai Operasi PMBK dan pihak PKINK.

Perbincangan telah lama diadakan antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Kerajaan Negeri Kelantan untuk mengadakan kerjasama ekonomi dan perundingan dalam bidang-bidang yang mana kedua belah pihak mempunyai kekuatan, ilmu serta kepakaran.





Sebagai permulaan, tujuh projek telah dirangka dalam usaha untuk menjalinkan kerjasama diantara PMBK dan MBI Selangor, empat projek telah dikenalpasti antaranya melibatkan pusat halal hub bertaraf antarabangsa, pendidikan, rawatan air dan sistem horas. Manakala tiga lagi projek yang akan dikendalikan oleh PKINK antaranya pengembangan Ar Rahn ke Selangor, pembangunan rangkaian fiber, wifi, jalur lebar, dan mewujudkan pusat pengumpulan pemasaran bagi produk-produk makanan jalal keluaran usahawan Kelantan di Selangor.

Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh YAB Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan merangkap Pengerusi PMBK dan PKINK diwakili oleh YB Dato' Haji Hanifa Ahmad. Manakala MBI Selangor pula diwakili oleh YAB Menteri Besar Selangor.

Diharapkan dengan termeterainya perjanjian per-sefahaman ini, status halal sesuatu produk dapat diatasi dengan terbinanya pusat halal hub. Bagi memastikan keberhasilannya, proses pemantauan akan dibuat setiap tiga bulan oleh pegawai khas yang telah dilantik.



## MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN

### Pajakan Tanah Di Tanah Perindustrian Staphonal, Kuala Krai Antara Perbadanan Menteri Besar Kelantan dan Optimum Transform Sdn Bhd

Oleh Siti Norazami Mohd Anuar Foto Ahmad Nai'me Muhammad

Sejarah telah tercipta dengan termeterainya satu perjanjian pajakan tanah di tanah Perindustrian Staphonal, Kuala Krai, Kelantan. Perjanjian tersebut telah dibuat menerusi satu Majlis Menandatangani Perjanjian Pajakan Tanah di Tanah Perindustrian Staphonal, Kuala Krai antara Perbadanan Menteri Besar Kelantan dan Optimum Transform Sdn Bhd pada 03 Mac 2014.

Majlis tersebut telah berlangsung di Pejabat Menteri Besar Kelantan. Turut hadir ke majlis tersebut adalah Pegawai Kewangan Negeri, Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya,



Infrastruktur, Utiliti dan Teknologi Maklumat, Pengarah UPEN, Penasihat Undang-undang dan rombongan daripada Optimum Transform Sdn Bhd. Syarikat Optimum Transform Sdn Bhd adalah sebagai syarikat penggerak kepada kilang besi tersebut.

Tanah seluas 111.032 ekar itu akan dimanfaatkan untuk didirikan kilang besi dengan anggaran kos sebanyak RM 30 juta. Optimum Transform Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat yang beroperasi dalam pembuatan besi di Malaysia.

Sebagai sebuah agensi pelaburan yang bertindak dalam membangunkan aset strategik bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan, PMBK memiliki sebahagian tanah di Kawasan Perindustrian Staphonal, Jajahan Kuala Krai dengan keluasan kesleuruhan sebanyak 100.4 hektar.

Dengan termeterainya perjanjian ini, pastinya pembangunan industri besi di Kelantan akan meningkatkan lagi ekonomi negeri dan disamping itu dapat menyediakan peluang pekerjaan khususnya kepada rakyat negeri Kelantan dan Malaysia amnya.



# MAJLIS PENYAMPAIAN SKIM BANTUAN IMAM AL-GHAZALI 2014

## 375 pelajar cemerlang terima anugerah

Sejumlah RM290,000 telah diagihkan kepada 375 pelajar cemerlang kurang berkemampuan melalui Skim Bantuan Imam Al-Ghazali sejak ia diperkenalkan enam tahun lalu.

Sumbangan melalui Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) itu membabitkan 50 pelajar terpilih setiap tahun. Bagaimanapun tahun ini, jumlah penerima meningkat kepada 75 orang.

Sumbangan disampaikan oleh Menteri Besar, Ustaz Dato' Ahmad Yakob dalam satu majlis di Dewan Teratai, Kota Darulnaim pada 09 April 2014. Ketika berucap, Ustaz Ahmad mengingatkan para pelajar supaya menyematkan lima elemen penting pada diri mereka iaitu melakonkan watak orang yang cemerlang; berkawan dengan orang berjaya; mendalami ilmu kecemerlangan; fokus kepada kemahuan; dan pelaziman minda yang positif.

Menurutnya, dengan melakonkan watak insan yang cemerlang akan tersemat hasrat ingin mencapai kejayaan seperti insan tersebut.

Pada masa yang sama, tambahnya berkawan dengan orang berjaya akan memutikkan harapan ingin berjaya manakala minda perlu difokuskan untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran.

Beliau juga berharap anak-anak didik Yayasan Islam Kelantan (YIK) mampu mewujudkan persekitaran yang

merangsang takwa dan menjauhi elemen perosak yang menjauhkan diri dari Allah SWT.

Turut berucap pada majlis itu Timbalan Exco, Ustaz Muhammad Awang dan wakil Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) Kelantan, Ustaz Abdul Rahman Yunus. Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi PMBK, Sanusi Hj Othman, berkata sebagai agensi korporat kerajaan negeri, PMBK bertanggungjawab mengusahakan pelaburan strategik berlandaskan syariat.

### PETIKAN UCAPAN USTAZ DATO' MENTERI BESAR KELANTAN

Terlebih dahulu saya mahu rakamkan ucapan tahniah atas penganjuran majlis Penyampaian Skim Imam Al-Ghazali PMBK yang bermakna ini. Terima kasih juga saya panjangkan untuk semua pihak yang telah bersungguh-sungguh menjayakannya.

Dikesempatan ruang yang terbatas ini suka saya untuk dedikasikan ucapan tahniah atas kecemerlangan anak-anak pelajar sehingga terpilih menerima bantuan skim yang dikhas oleh PMBK ini. Besar harapan agar anak-anak pelajar akan terus meningkatkan usaha, memperbanyakkan doa serta sentiasa meletakkan pergantungan harap kepada Allah SWT.



Justeru, sebagaimana tiada jalan mudah mahupun jalan pintas untuk kita memiliki Syurga melainkan dengan amal takwa demi meraih rahmat-Nya, begitulah juga keadaannya dengan sebuah kejayaan menuntut ilmu pengetahuan. Justeru, sebagai panduan saya mahu berpesan mengenai lima teknik asas untuk memburu kejayaan kepada anak-anak pelajar sebagaimana kajian pakar motivasi.

**Pertama: Lakonkan watak orang cemerlang**

Sentiasa sematkan di hati lakaran kejayaan dan kecemerlangan. Sentiasa melazimkan diri dengan imaginasi dan tindakan orang-orang yang cemerlang. Orang cemerlang tidak pernah membuang masa sia-sia malah sentiasa bertemankan buku dan majlis ilmu

**Kedua: Berkawan dengan orang berjaya**

Nabi SAW menyebut dalam banyak hadis soal melazimi diri dengan ulama dan orang-orang soleh. Dengan kata lain sentiasa berkawan dengan orang-orang yang cemerlang samada cemerlang sahsiah, akademik mahupun tinggi takwa di hati sebagaimana hadis Nabi SAW :

Dari Abu Hurairah RA Nabi SAW bersabda *'Seseorang mukmin adalah mengikut cara hidup sahabatnya, maka perhatikanlah dengan siapa mereka berkawan'* (Hadis Riwayat Tirmizi dan Abu Daud).

Untuk itu, saya amat mengharapkan agar anak-anak didikan Yayasan Islam Kelantan ini mampu mewujudkan persekitaran yang merangsang takwa dan menjauhi elemen perosak yang menjauhkan diri Allah SWT, kerana *'ilmu itu cahaya dan cahaya Ilahi tidak akan menyinari hati*

*rosak yang penuh maksiat'.*

**Ketiga: Dalami ilmu kecemerlangan**

Sebagaimana kita mahu beraksi dan bertemankan orang yang cemerlang, terlebih dahulu pastikan dada kita sarat dengan ilmu berkenaan psikologi kejayaan. Motivasikan diri dengan lakaran panduan psikologi yang mampu memandu kita ke arah kejayaan dan kecemerlangan. Pecahkan *'mental block'* yang menghalang motivasi diri dan letakkan di benak fikiran untuk sentiasa optimis dan positif dalam mentafsirkan kejayan dan kecemerlangan.

**Keempat: Fokus kepada apa yang kita mahu**

Ibaratnya jika ditawarkan sebukit emas nescaya kita mahukan semuanya. Itulah suatu kesilapan dalam kita mentafsir nikmat. Kerana hidup ini singkat dan kita tidak mampu selamanya menongkat langit, justeru fokuskan kejayaan yang bagaimana mahu kita mahu miliki. Tepuk dada tanya iman dan selera masing-masing tanpa kita ralit dengan imiginasi hingga lupa pada keupayaan dan keperluan diri sendiri.

**Kelima: Pelaziman minda yang positif**

Ingatlah bahawa orang gagal yang telah berusaha, berdoa dan bertawakal sepenuhn jiwa raga bukanlah seorang yang rugi tapi dia sebenarnya sedang merentas kejayaan mengikut tetapan nasibnya sendiri. Allah Maha Pengasih dan Penyayang, mana mungkin Dia akan mempersiapkan hidup manusia yang berusaha. Terus berusaha dan memahat sepenuh gantung harap pada Allah SWT. Ikhhlaskan niat, bulatkan tekad, maksimakan usaha, laut-luaskan doa dan gantung harap pada Allah semata-mata.





Pusat Penyelidikan Mineral (PPM)

Muzium Geologi, Ipoh

Gambar kenangan di empangan Teluk Bahang

Empangan Teluk Bahang

# Lawatan Kerja PMBK KE PERAK DAN PULAU PINANG

Oleh Siti Norazami Mohd Anuar Foto Ahmad Nai'me Muhammad

## 22 Mei 2014

07.30 pagi

- Kami diberikan taklimat ringkas oleh Zuraidah Husin, selaku Pengarah Program.

- Perjalanan dimulakan dengan iringan doa agar perjalanan kami lancar dan selamat sampai ke destinasi yang dituju.

01.30 petang

- Kami menjamu selera di Restoran Tasik Raban, Lenggong, Perak dengan hidangan ala kampung.

- Kami bertolak menuju ke destinasi yang pertama iaitu Pusat Penyelidikan Mineral (PPM) dan Muzium Geologi yang terletak di Ipoh, Perak.

Taklimat PPM disampaikan oleh Ir Khor Peng Seong, Timbalan Pengarah PPM, Ipoh berkaitan fungsi dan tanggungjawab PPM dalam pembangunan dan penyelidikan mineral di Malaysia. Delegasi PMBK juga diberi penerangan mengenai jenis-jenis mineral dan cara perlombongan untuk mendapatkan mineral tersebut.

Melangkah ke Muzium Geologi membuat kami kagum dengan rekabentuk dan susun atur yang menarik. Kami diberi pendedahan mengenai penemuan dan pelbagai jenis batuan mineral. Bermula dengan struktur dan ciri-ciri geologi bumi, sejarah bumi, pameran pelbagai spesimen geologi, kegunaan, perlombongan dan eksploitasi mineral dan diakhiri dengan cerita bagaimana geologi dapat menyumbang kepada kekayaan dan kesejahteraan manusia.

05.30 petang

- Usai sudah lawatan kami di PPM dan Muzium Geologi, perjalanan diteruskan menuju ke tempat penginapan kami selama berada di Pulau Pinang iaitu Hotel Seri Malaysia.

08.00 malam

- Kami selamat tiba di Hotel Seri Malaysia, Pulau Pinang. Setelah seharian perjalanan, kepenatan mula terasa dan tibalah masa untuk kami beristirahat sebelum tibanya hari esok.

## 23 MEI 2014

09.00 pagi

- Sarapan pagi di Restoran Seri Malaysia, Pulau Pinang.



**Taklimat oleh Pengurus SASB**



**Penyampaian Cenderahati kepada wakil PBA Holdings Sdn Bhd**



**Air mineral jenama Eau Choice**



**Galeri Jualan Seri Tanjung Pinang**

- Lawatan kerja ke PBA Holdings Sdn Bhd. Delegasi PMBK diberi peluang untuk melawat Empangan Teluk Bahang yang diuruskan oleh PBAPP Sdn Bhd. Sedikit taklimat telah disampaikan oleh Mr Ong, selaku Pengurus Operasi Pengeluaran PBAPP Sdn Bhd.

Empangan Teluk Bahang ini telah dibina pada tahun 1995, dengan kapasiti pengeluaran 75,000 m3 sehari dengan ketinggian 48 meter. Kawasan liputan pembekalan air adalah Teluk Bahang dan sebahagian kawasan Georgetown.

02.30 petang

- Destinasi lawatan seterusnya adalah Galeri Jualan Seri Tanjung Pinang.

Taklimat diberikan oleh Mr Jeremy Chee, Pengurus Kanan Jualan & Pemasaran Eastern & Oriental Berhad. Kawasan pembangunan hartanah bagi fasa 1 adalah tambakan laut di Seri Tanjung Pinang dengan keluasan 241 ekar yang bermula pada tahun 2004 yang kini berada di peringkat akhir pembangunan. Perancangan bagi fasa 2 adalah penambakan pulau buatan manusia dengan keluasan 740 ekar. Rombongan juga telah dibawa melawat rumah contoh dan Taman Tema Persendirian dalam Projek Seri Tanjung Pinang.

05.30 petang

- Aktiviti santai.

**24 MEI 2014**

08.30 pagi

- Sarapan pagi sebelum bertolak pulang ke Kota Bharu.

01.30 petang

- Delegasi kami singgah sebentar di Kilang Air Mineral Sihhat-Affiat Sdn Bhd (SASB). Kami diberi penerangan oleh Mohd Zulkifli Mat Noor, Pengurus SASB berkaitan dengan pembangunan dan operasi kilang SASB.

Kilang ini mula dibina pada tahun 2010 dan telah siap sepenuhnya pada tahun 2012. Bermula tahun 2013, pengeluaran secara komersial dengan menggunakan jenama sendiri iaitu "Eau Choice". SASB juga telah mengeluarkan beberapa produk secara kontrak di mana 10 syarikat/agensi telah menandatangani kontrak pengeluaran.

03.30 petang

- Perjalanan diteruskan menuju ke Kota Bharu. Tepat jam 06.00 petang kami selamat sampai di Perkarangan Bangunan PMBK, Kota Bharu, Kelantan.

Banyak ilmu yang dapat kami timba hasil daripada lawatan kerja 3 hari ini. Lawatan sebegini perlu diteruskan pada masa-masa akan datang sebagai pendedahan kepada kumpulan pengurusan PMBK dan warga kerja seluruhnya.



# MAJLIS MALAM APRESIASI PMBK 2014

Oleh Siti Norazami Mohd Anuar Foto Ahmad Naime Muhammad

Tanggal 27 Mei 2014, bertempat di Hotel Perdana, Kota Bharu telah berlangsung satu Majlis Malam Apresiasi PMBK 2014 bagi meraikan kakitangan PMBK yang telah banyak menyumbang idea dan tenaga dalam membangunkan PMBK. Hadirin adalah seramai 170 orang yang terdiri daripada para kakitangan PMBK dan ahli keluarga masing-masing.

Pendekatan indikator syukur atau terima kasih sebagaimana yang diajarkan Allah kepada Lukman Al-Hakim menjadi suatu sikap yang seharusnya diteladani. Majlis ini direncana khusus bagi menghargai jerih usaha dan idea yang telah disumbangkan oleh semua kakitangan bagi menggerakkan operasi syarikat dan berjalan di landasan yang betul.

Dengan penglibatan seluruh keluarga kakitangan pada majlis tersebut akan mengeratkan lagi silaturahim yang telah sedia terjalin. Ketua Pegawai Operasi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua kakitangan dan ahli keluarga



*Antarapenerima Anugerah Khidmat Cemerlang 2013*




yang turut sama menjayakan majlis ini. Tidak ketinggalan juga ucapan tahniah kepada penerima Anugerah Khidmat Cemerlang bagi tahun 2013.

Bersempena dengan majlis ini juga, kakitangan yang mendapat prestasi cemerlang bagi tahun 2013 turut diberikan penghargaan sebagai satu pengiktirafan di atas segala usaha dan komitmen yang tinggi kepada PMBK. Kualiti pekerja yang baik dapat membantu menaikkan pencapaian organisasi. Seramai 20 orang kakitangan telah menerima Anugerah Khidmat Cemerlang bagi tahun 2013.

Penghargaan adalah perlu di berikan kepada kakitangan di dalam sesebuah organisasi bagi menjadi rangsangan yang amat berguna untuk meningkatkan prestasi individu, kumpulan dan organisasi. Penghargaan boleh dijadikan sebagai motivator terhadap pekerja. Diharapkan agar majlis sebegini diteruskan lagi di masa akan datang.





dulu...

## MAJLIS AGAMA ISLAM & ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN

Bangunan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan di Jalan Sultan berhampiran Masjid Muhammadi mula digunakan pada tahun 1915.

*The building of the Islamic Religious and Malay Customs Council at Jalan Sultan just opposite the Muhammadi Mosque.*



kini...

## MUZIUM ISLAM KELANTAN

Kini bangunan ini telah dijadikan Muzium Islam Kelantan setelah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan berpindah ke Kompleks Balai Islam, Lundang pada tahun 1990.

*Now the building is being used as the Kelantan Islamic Museum. The Islamic Religious and Malay Customs Council moved to a new site at Lundang known known as the Islamic Hall Complex in 1990.*

# KELANTAN ENCYCLOPEDIA

By Shariah Derahman (Incollaboration with DBP, Wilayah Timur) Photo : Google Images



## Balasoh (Madrasah)

A wooden, small to medium-sized building for worship (prayers, religious studies etc) and built without dome. However, most madrasah buildings are being upgraded nowadays by using cements and bricks. It is pronounced as 'ba-la-sawh'.



## behey/tae/godey (To hit)

An act of hitting someone using hands or something else. It is pronounced as 'bare-hare, tare, gore-dare'.

## Giye (Share)

A portion of share. It is pronounced as 'gie-yare'.

## Lokoh (Peel off)

Colour or paint that is peeling off from the wall, car surfaces etc. It is pronounced as 'lore-kowh'.



## Bladong (Waterlogged)

body of water having no current or flow, stagnant and is not going into the earth. It is pronounced as 'bla-dong'.

## Jemore (Verandah)

An elevated section, on a side or in front of a house. It is pronounced as 'jer-more-rare'.



### Chacey (*Standing up*)

Standing up. It is pronounced as 'char-chair'.

### Kelorek, Lokek, kupik (*Stingy*)

Stingy, ungenerous dan not liking or wanting to spend money or possessions. It is pronounced as 'ker-law-rack', 'lore-cat', 'coo-pit'.



### Spila (*Siamese fighting fish*)

A type of Siamese fish used for fightings. It is pronounced as 'spee-lar'.



### Jemere (*To cross*)

To cross a road or a river by foot or by any transportation. It is pronounced as 'jer-mere-rare'.



### Jjutta (*Dangling*)

Hanging or swinging loosely, like sitting on something high with your feet dangling below. Is it pronounced as 'jut-tar'.



### Misi (*Nurse*)

A person (usually a woman) who tends the sick and injured at the hospital or clinic. It is pronounced as 'mee-see'.



## Neneh/depek (*Squeezing*)

To sit so closely, touching the next person. It is pronounced as 'nnare-neh / dare-pack'.



## Kanno (*Female Prayer Dress*)

A piece of clothing used by the ladies when performing prayers. It is pronounced as 'car-knoe'.

## Tulo (*Similar*)

Same, similar. It is pronounced as 'too-law'.



## Ngorib (*Dusk*)

The period of partial darkness after the sun sets until the disappearance of red twilight in the sky. It is pronounced as 'ngor-rabe'.

## Mamoh (*Munch*)

An act of munching or chewing food using teeth inside the mouth (before swallowing). It is pronounced as 'mar-moh'.



## Nnerak (*Laying on Stomach*)

Laying on your chest and stomach. It is pronounced as 'nare-rak'.

## Seleheng (*Disagreement*)

Differences in opinion on something. It is pronounced as 'sir-lare-haing'.



## Seroh (*Looking Thinner*)

Changes of body shape from looking plump to slightly thinner. It is pronounced as 'sir-rawh'.

## Togok (*To swig/wash down 'drinks'*)

An act of drinking liquid or engaging in drinking liquid (usually from a bottle) in great gulps. It is pronounced as 'tore-gork'.





# TUNJONG DEVELOPMENT CORPORATION SDN BHD

Lot 403, Bandar Baru Tunjong, Jalan Kuala Krai, 16010 Kota Bharu, Kelantan Tel: 09-747 7227 Faks: 09-747 5551

## PENERAJU PEMBANGUNAN BANDAR BARU TUNJONG



**Al Waqf**



**MYDIN  
HYPERMARKET**



**PUSAT PERNIAGAAN  
DARUL NAIM &  
DATARAN RAKYAT**



**PUSAT KONVENSYEN**



**CHE SITI  
VILLAGE MALL**



**APARTMEN  
PRIMA LEGENDA**

PEMAJU BERSAMA:



**MYDIN**

**NOBLE RESIDENCE  
SDN BHD**

# KEMPEN PEMILIKAN RUANG NIAGA DI BANDAR KOTA BHARU



بازر توکورو  
BAZAR TOK GURU

## TINGKAT 1

Telah di duduki oleh peniaga-peniaga dari Arked MPKB dan Arked Uda, dan telah beroperasi semenjak tahun 2011

TINGKAT

2

8' X 10' PER UNIT

### KEMUDAHAN DISEDIAKAN:

- Keluasan 80 kaki persegi
- Musalla Muslimah
- Kemudahan Lif
- Tangga
- Harga Diskaun sehingga 30%
- Telah terjual 40%



Kemudahan Lif



Kedai Jualan Pakaian

TINGKAT

3

8' X 10' PER UNIT

### KEMUDAHAN DISEDIAKAN:

- Keluasan 80 kaki persegi
- Musalla Muslimin
- Medan Selera (telah beroperasi)
- Kemudahan Lif
- Tangga
- Harga Diskaun sehingga 30%



Musalla



Medan Selera

TINGKAT 2  
& TINGKAT 3  
KINI DIJUAL PADA  
HARGA DISKAUN  
SEHINGGA

30%



SILA KUNJUNGI PUSAT JUALAN KAMI  
**DI BAZAR TOK GURU, B001**  
(Bersebelahan mesin ATM & CDM Bank Muamalat)

09-747 4545 • 09-747 4082  
014-507 9001 (PN. GEE) • 013-901 6532 (PN. JUE)  
016-934 0275 (PN. ADILA) • 013-978 0582 (CIK FIZA)



LOKASI STRATEGIK  
Pusat Bandar  
Kota Bharu



LALUAN UTAMA  
Jalan Sultan Ibrahim



PARKIR KERETA  
Semi basemen



KEMUDAHAN LIF  
Untuk para pengunjung  
dan peniaga



KEMUDAHAN PERBANKAN  
Mesin ATM dan CDM



KEMUDAHAN PRASARANA  
Akses ke pejabat-pejabat berdekatan